



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 18)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2013 <u>Jawatankuasa:-</u> <u>Jadual:-</u> Maksud B.62	(Halaman 20)
USUL-USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat Usul Anggaran Pembangunan 2013 <u>Jawatankuasa:-</u> Maksud P.62	(Halaman 19) (Halaman 20)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*
4. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
6. “ Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
7. “ Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato’ Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO
8. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II, Dato’ G. Palanivel – *Senator*
9. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO
10. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
11. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
12. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
13. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO
14. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
15. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB
16. “ Menteri Pelancongan, Dato’ Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
17. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
19. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P., D.G.S.M (Tampin) – UMNO
20. “ Menteri Kesihatan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
21. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
22. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, D.G.S.M (Segamat) – MIC
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO
24. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
25. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
26. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO
27. “ Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala – *Senator*
30. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung, D.G.S.M., S.S.A.P (Alor Setar) – MCA

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS
2. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
5. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
8. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
9. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP

10. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
11. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato’ Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
12. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
13. “ Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
14. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., (Petra Jaya) – PBB
15. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato’ Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
16. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
17. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
18. “ Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
19. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
20. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato’ Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato’ Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Maznah binti Mazlan – *Senator*
24. “ Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO
25. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussin, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K., D.M.S.M., D.S.A.P (Sungai Besar) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
29. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Dato’ Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato’ Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO
31. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO

32. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
33. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
34. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Donald Lim Siang Chai – *Senator*
35. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D'Cruz – *Senator*
36. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*
37. “ Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
38. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. (Labis) – MCA

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
6. “ Dato' Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
7. “ Dato' Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
8. “ Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB
9. “ Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
11. ” Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
14. “ Yang Berhormat Dato' Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. ” Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
19. “ Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
20. “ Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
21. Yang Berhormat Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB

23. “ Dato’ Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
24. “ Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M., D.C.S.M (Tangga Batu) – UMNO
25. “ Dato’ Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
26. “ Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
27. “ Dato’ Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
28. “ Dato’ Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
30. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
31. “ Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) - MIC
32. “ Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO
33. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
34. “ Dato’ Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
35. “ Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) – PBS
36. “ Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. “ Datuk Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. “ Dato’ Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. “ Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
44. “ Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. “ Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. “ Dato’ Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
48. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. “ Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. “ Dato’ Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
52. “ Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO
53. “ Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
54. Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. “ Dato’ Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA

56. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
57. “ Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO
58. “ Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. “ Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO
60. ” Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
61. “ Dato’ Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. “ Dato’ Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
64. “ Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. “ Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasar Salak) – UMNO
66. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Tan Sri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
75. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
76. “ Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
77. “ Dato’ Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Dato’ Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. Yang Berhormat Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. “ Puan Fuziah Salleh (Kuantan)
10. “ Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)

11. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ Dato’ Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. “ Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
18. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
19. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
20. “ Dato’ Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
21. “ Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
22. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
23. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
12. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
13. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. “ Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
18. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
19. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
21. “ Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. Yang Berhormat Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. “ Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. “ Dato' Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato' Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
9. “ Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)
10. “ Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
11. “ Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai)
12. “ Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)
13. “ Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. “ Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)
16. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
17. “ Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
18. “ Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)
19. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. “ Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. “ Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. “ Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (PSM)

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau)
2. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar)
3. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
4. “ Dato' Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
5. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort)
4. “ Tuan Mohsin Fadzli Samsuri (Bagan Serai)

-
5. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
 6. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
 7. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran)
 8. “ Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
 8. “ Dato' Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)

Kosong

1. - Tiada - (Titiwangsa)

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Mohd. Zaidi bin Mahmood

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Khamis, 22 November 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis memaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan supaya Mesyuarat Dewan Rakyat yang bersidang yang akan berakhir pada 27 November 2012 ditambah dua hari lagi iaitu pada 28 dan 29 November 2012. Tambahan ini diperlukan bagi membolehkan rang undang-undang dan urusan-urusan kerajaan yang lain dapat diselesaikan. Perkara ini adalah selaras dengan Peraturan Mesyuarat 11(2) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Kesihatan menyatakan implikasi jangka panjang keputusan Mahkamah Tinggi Australia baru-baru ini mengenai label pembungkusan kotak rokok kepada firma-firma rokok di Malaysia. Adakah Malaysia akan mengambil langkah proaktif dalam hal ini supaya label pembungkusan kotak rokok menurut spesifikasi tertentu atau terpaksa menunggu keputusan *Framework Convention on Tobacco Control (FCTC)* sebelum membuat keputusan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Australia telah menjalankan kajian yang komprehensif terhadap kesan jenama dan reka bentuk pengkhususan hasil tembakau kepada pengguna dan mendapati bahawa unsur-unsur jenama dan reka bentuk pembungkusan, boleh memperdayakan pengguna mengenai kesan kemudaratan merokok serta mempunyai daya tarikan, terutamanya kepada golongan remaja dan dewasa muda di samping mengurangkan keberkesanan amaran kesihatan yang dicetak pada produk tembakau.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan peruntukan Artikel 11 dan 13, *WHO Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC)* negara Australia telah mewartakan *Tobacco Plain Packaging* at 2011 dengan izin, pada 1 Disember 2011 dan *Tobacco Plain Packaging Regulation 2011* pada 7 Disember 2011. Kedua-dua perundangan ini menjadi asas bagi pelaksanaan peruntukan pelabelan hasil tembakau secara *plain packaging* di Australia. Mulai 1 Oktober 2012, semua hasil tembakau yang dikilang atau dibungkus di Australia, hendaklah mengikut kaedah *plain packaging* manakala mulai 1 Disember 2012, semua hasil tembakau yang dijual di Australia hendaklah di dalam pembungkusan *plain packaging*.

Semenjak Kerajaan Australia melaksanakan pembungkusan hasil tembakau secara *plain packaging* dengan izin, industri tembakau telah mempertikaikan kesahihan dari segi undang-undang Kerajaan Australia di dalam melaksanakan langkah tersebut dan telah mengambil tindakan mahkamah terhadap Kerajaan Australia di pelbagai peringkat.

Di peringkat domestik, Kerajaan Australia telah dicabar oleh syarikat tembakau seperti *British American Tobacco, Imperial Tobacco, Philip Morris* dan *Japan Tobacco* di Mahkamah Tinggi Australia terhadap langkah tersebut dan Kerajaan Australia telah diisytiharkan menang di dalam pertikaian tersebut pada 15 Ogos 2012 baru-baru ini.

Syarikat Philip Morris juga telah membawa pertikaian tersebut di peringkat antarabangsa dengan menggunakan platform Perjanjian Perdagangan Dua Hala Hong Kong-Australia manakala beberapa negara lain telah juga membawa pertikaian terhadap Australia mengenai langkah *plain packaging* di forum Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (*World Trade Organization*).

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia menyokong dan mengalukan tindakan Kerajaan Australia dalam melaksanakan *plain packaging* sebagai langkah untuk mengurangkan kadar perokok di Australia. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan tidak berhasrat untuk mengikut jejak langkah negara Australia buat masa ini, memandangkan pertikaian-pertikaian antara Australia dengan pihak industri tembakau yang masih berjalan di peringkat antarabangsa. Kementerian Kesihatan Malaysia akan mempertimbangkan untuk mengambil langkah yang serupa di masa hadapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan saya pada hari ini. Memang pelbagai usaha telah dilakukan oleh banyak negara termasuk seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan tadi iaitu melalui *plain packaging* yang dibuat di Australia dan juga kita di Malaysia melalui *pictorial warning*.

Namun, ada satu kajian yang dibuat oleh satu pusat komuniti di utara tanah air yang mendapati bahawa faktor kejelasan visual sebagai kempen utama untuk tidak merokok ini kurang berjaya. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan tambahan saya adalah selain daripada label pembungkusan rokok dan kempen-kempen di media massa yang banyak masa dilakukan oleh Kementerian Kesihatan yang ada pada masa ini. Apakah langkah-langkah pendekatan yang lebih inovatif yang dibuat oleh pihak kementerian untuk mempertingkatkan kesedaran bahayanya merokok terutamanya di kalangan remaja-remaja.

■1010

Saya juga berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat juga menyenaraikan kawasan-kawasan larangan merokok mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. Terima kasih banyak-banyak.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong di atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Kesihatan Malaysia akan meneruskan usaha Yang Berhormat bagi melaksanakan sepenuhnya lain-lain peruntukan di bawah perjanjian antarabangsa WHO *Framework Convention on Tobacco Control* atau WHO FCTC. Seperti contoh Yang Berhormat memerlukan lagi tempat-tempat yang dilarang merokok dan mewujudkan lebih banyak kawasan bebas asap rokok di peringkat negeri-negeri, mengawal kebolehcapaian dan kemampuan membeli rokok, mempertingkatkan penguatkuasaan bagi mengawal rokok tidak sah dan melindungi orang awam daripada bahaya asap rokok basi serta melarang sebarang bentuk pengiklanan dan promosi hasil tembakau.

Bagi menjawab persoalan Yang Berhormat mengenai tempat-tempat awam yang diwartakan sebagai kawasan larangan merokok. Saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Kesihatan telah mewartakan sebanyak 21 kategori tempat awam sebagai kawasan larangan merokok di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. Seperti contoh, di dalam pusat hiburan atau teater kecuali pub, disko, kelab malam dan kasino, di mana-mana kawasan hospital atau klinik, di dalam lif ataupun tandas awam, di dalam tempat makan atau kedai berhawa dingin.

Di dalam kenderaan awam atau hentian pengangkutan awam, di dalam bangunan yang dinyatakan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam warta, di mana-mana kawasan lapangan terbang, di mana-mana kawasan premis kerajaan, di mana-mana kawasan yang digunakan bagi apa-apa aktiviti perhimpunan di dalam sesuatu bangunan, di mana-mana kawasan institusi pendidikan atau institusi pendidikan tinggi, di mana-mana kawasan taman asuhan kanak-kanak, di dalam bas sekolah, di mana-mana tingkat dalam bangunan yang mempunyai kaunter perkhidmatan bank atau institusi kewangan, Telekom Malaysia, Tenaga Nasional dan Pos Malaysia, di mana-mana kawasan dalam kompleks membeli belah, di mana-mana kawasan di dalam stesen minyak, di mana-mana kawasan di dalam stadium, kompleks sukan, pusat kecergasan dan gimnasium, di mana-mana bangunan ataupun tempat awam yang digunakan untuk tujuan keagamaan, di mana-mana kawasan di dalam perpustakaan, di mana-mana kawasan di dalam kafe internet, di mana-mana kawasan di

dalam tempat latihan khidmat negara dan yang terakhir, di mana-mana kawasan tempat kerja berhawa dingin dengan sesuatu sistem hawa dingin berpusat.

Bagi pengetahuan Yang Berhormat juga, selain daripada itu Kementerian Kesihatan dengan kerjasama kerajaan negeri juga mewujudkan zon-zon bebas asap rokok. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah mewartakan enam kawasan bebas asap rokok di Pulau Pinang. Ini kerana kita tidak memilih sama ada negeri itu ditadbir oleh pembangkang atau sebaliknya untuk mewartakan apa-apa kawasan sebagai kawasan bebas asap rokok. Satu lagi di negeri Johor pada tahun 2012. Manakala lima kawasan telah diwartakan di negeri Melaka pada tahun 2011. Menjadikan jumlah kawasan bebas asap rokok sebanyak 12 kawasan. Kementerian Kesihatan merancang untuk memperluaskan kawasan bebas asap rokok, namun memerlukan kerjasama kerajaan negeri di mana permohonan perlu datang daripada Setiausaha Kerajaan Negeri atau SUK. Semua langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Yang Berhormat, adalah demi melindungi orang awam daripada asap rokok basi atau *second hand smoke*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri lebih fokus kepada soal penguatkuasaan, kerjasama daripada kerajaan negeri. Cuma saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah-langkah inovatif pihak kementerian dalam usaha untuk membuka minda ataupun menarik perhatian orang ramai, khususnya golongan remaja tentang ataupun terhadap iklan-iklan rokok yang lebih bersifat— yang boleh memberi keberkesanan.

Contohnya, mungkin gambar yang dipaparkan tidak menarik perhatian mereka, tidak menakutkan misalnya atau apa-apa lakaran lain yang tidak menggamit ketakutan mereka terhadap merokok. Jadi, apakah langkah-langkah inovatif yang berkesan yang boleh dibuat oleh pihak kementerian ke arah itu untuk mengurangkan rakyat Malaysia khususnya, golongan remaja majoritinya, supaya mereka tidak menghisap rokok? Sekian, terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Ledang di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Saya ingin menjawab persoalan Yang Berhormat dengan menyatakan di sini selain daripada *plain packaging* ataupun pembungkusan yang sekarang diamalkan walaupun tidak – ataupun tidak mengambil pendekatan yang diamalkan oleh Australia.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, di Australia, *plain packaging* yang dilaksanakan adalah menjurus kepada penggunaan hampir 100 peratus kotak rokok yang dijual. 100 peratus pada *plain* belakang, 80 peratus pada *plain* di depan dan hampir kesemua untuk *plain* tepi dan hanya meninggalkan sebahagian kecil untuk syarikat industri rokok meletakkan jenama dan warna digunakan juga tidak menarik. Hasil daripada kajian didapati bahawa jenama serta reka bentuk pembungkusan banyak memainkan peranan terutama sekali kepada perokok ataupun pada remaja yang baru memulakan tabiat merokok atau mempunyai niat untuk merokok.

Kesan kemudaratannya merokok ini dan juga daya tarikan daripada rokok banyak mempengaruhi keinginan seseorang remaja itu kepada amalan merokok. Antara langkah-langkah yang kita juga ambil bagi mengatasi amalan merokok di kalangan remaja adalah melalui kempen-kempen memperkasakan golongan remaja. Melalui aktiviti-aktiviti dan kempen-kempen yang kita laksanakan termasuklah kempen Tak Nak Merokok. Melalui kajian yang dilaksanakan, kempen ini memberi kesan kepada remaja yang baru mempunyai niat ataupun memulakan. Sudah tentu dari segi kesannya kepada perokok tegar agak minimum jika dibandingkan kepada mereka yang memulakan tabiat merokok.

Kalau ditanya mengenai langkah-langkah inovasi, selain daripada kita menguatkuasakan peraturan-peraturan sedia ada, kita juga mengawal kebolehcapaian dan kemampuan membeli rokok melalui penguatkuasaan mengawal rokok tidak sah. Supaya orang ramai dapat dilindungi daripada bahaya rokok basi serta melarang sebarang pengiklanan dan juga promosi hasil rokok. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akhiri jawapan saya pada hari ini dengan mengajak Ahli-ahli Dewan supaya tidak merokok.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

2. Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan mengapakah kriteria pemilihan terhadap jawatan Profesor Gred Turus tidak mengecualikan ahli akademik yang terlibat di dalam pentadbiran supaya peluang ahli-ahli akademik yang memperuntukkan sepenuh usaha mereka kepada bidang pendidikan tidak terjejas.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah bersetuju untuk memperluaskan peluang kemajuan kerjaya kepada pensyarah di IPTA hingga ke peringkat lebih tinggi tanpa perlu memegang sebarang jawatan pentadbiran.

■1020

Ekoran keputusan tersebut, kerajaan telah mewujudkan jawatan baru yang dikenali sebagai Profesor Ulung Gred Khas Turus. Kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Ulung dilaksanakan berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh sebuah jawatankuasa di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi. Calon yang dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor Ulung akan menerima elaun Profesor Ulung berserta geran penyelidikan.

Penganugerahan Profesor Ulung adalah berdasarkan meritokrasi di mana pensyarah yang memegang jawatan pentadbiran tidak mendapat apa-apa keistimewaan malahan tidak memberi sebarang pemberat dalam penilaian. Mereka dinilai berdasarkan pengiktirafan, sanjungan, penyelidikan, penerbitan berimpak tinggi, lonjakan tahap keserjanaan dan impak idea yang tinggi kepada kualiti hidup masyarakat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sekian.

Tuan Muhammad bin Husin [Pasir Puteh]: Terima kasih kepada Timbalan Menteri. Apa yang saya lontarkan ini ialah ada tidak puas hati di kalangan ahli-ahli akademik semacam ada satu pilih kasih di dalam pemilihan Profesor Ulung ini. Ini kerana katanya pertamanya ialah kerana Profesor Ulung ini juga ialah melibatkan pentadbiran. Sepatutnya untuk mendapat tahap profesor ini mesti dinilai dari segi penilaian ataupun *research* yang dibuat. Akan tetapi oleh kerana kadang-kadang pentadbiran inilah dia memilih.

Biasanya yang hendak dapat Profesor Ulung ini ataupun profesor ini dia dapat daripada mereka yang menjadi penyelia kepada *student* ataupun kepada pelajar-pelajar PhD dan sebagainya. Itu asas yang digunakan. Akan tetapi apa yang berlaku ialah kadang-kadang pentadbiran ini juga telah memilih penyelia-penyelia tertentu sahaja dan menafikan yang lain. Akhirnya banyak di kalangan akademik, pensyarah-pensyarah ini tidak puas hati kerana mereka tidak ada peluang untuk diiktiraf ataupun dinaikkan atau dilantik sebagai profesor.

Seterusnya saya hendak tahu dari segi ada juga di kalangan mereka ini yang pensyarah daripada luar negara, pensyarah kita yang bekerja di luar negara yang kembali ke universiti tempatan, adakah dia juga diberi syarat katanya syarat untuk mendapat profesor ini mesti bertugas selama 15 tahun baru boleh mohon jawatan itu? Itu sahaja. Terima kasih.

Datuk Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawatan Profesor Ulung merupakan satu penganugerahan berdasarkan meritokrasi di mana ahli-ahli yang terlibat di dalam pentadbiran tidak mendapat apa-apa keistimewaan, malahan dia tidak mendapat sebarang pemberat dalam penilaian seperti yang saya sebut tadi.

Walaupun begitu, ahli-ahli yang terlibat di dalam pentadbiran seperti jawatan pentadbiran Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor dan Dekan wajar juga dilihat sebagai satu pengiktirafan terhadap kebolehan dan keupayaan penyandangannya sebagai seorang sarjana. Amalan ini diguna pakai di semua universiti ternama dan terkemuka di seluruh dunia serta terbukti paling sesuai untuk kelestarian ekosistem pengajian tinggi.

Saya ingin menjelaskan terdapat juga ahli-ahli yang terlibat dalam pentadbiran seperti Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor yang meneruskan aktiviti memberi syarahan dan penyelidikan di universiti masing-masing. Memang Kementerian Pengajian Tinggi amat serius tentang pelantikan Profesor Ulung ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawatan Profesor Ulung begitu terhad dan istimewa. Sehingga sekarang, terdapat hanya tiga orang yang dianugerahkan jawatan

tersebut. Gaji termasuk elaun yang diterima seseorang Profesor Ulung ialah daripada minimum RM23,800 sehingga maksimum RM31,600 sebulan. Sekian.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan selamat datang kepada tetamu kita dari Persatuan Belia Komuniti Intelektual Hulu Terengganu, ketua kaum bumiputera Sarawak dan *Tourism Management* dari Kuala Lumpur. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, kita ucapkan terima kasih dan juga tahniah kepada tiga orang Profesor Ulung di negara kita. Cuma saya ingin bertanya kepada Menteri untuk dapatkan sedikit perbezaan, apakah KPI yang perlu dicapai oleh profesor gred Turus dalam setahun? Apakah beza peranan mereka dengan Profesor Madya dan Profesor? Di samping itu, apakah pula kriteria yang perlu dipenuhi untuk dipilih sebagai Profesor Ulung? Apakah kajian-kajian yang telah dibuat oleh mereka dan membolehkan mereka meletakkan universiti-universiti kita ini pada tahap yang cukup tinggi? Apa bentuk kajian yang dilakukan? Terima kasih.

Datuk Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada syarat asas yang ditetapkan, penilaian turut dilakukan berdasarkan kriteria berikut.

Kriteria pertama ialah untuk pengiktirafan dan sanjungan. Pengiktirafan didefinisikan sebagai pencapaian tertinggi yang diperakukan dalam bentuk anugerah berprestij oleh *learned organization* dengan izin dan sebagainya. Sanjungan pula didefinisikan sebagai penghargaan, sumbangan akademik dan profesional di dalam bentuk kepimpinan sarjana.

Kriteria yang kedua ialah penyelidikan atau penerbitan berimpak tinggi iaitu Profesor Ulung mesti memenuhi bilangan *citation* dengan izin yang ditetapkan oleh jawatankuasa khas dan ia mesti terbukti kesarjanaannya di dalam bidang kepakaran, melahirkan idea, teori, konsep untuk pelaksanaan, menghasilkan penyelidikan, menghasilkan penerbitan yang berimpak tinggi dan dirujuk sebagai dasar, penubuhan institusi, kegunaan bagi kesejahteraan kemanusiaan.

Kriteria yang ketiga ialah lonjakan. Lonjakan daripada seorang ahli akademik kepada seorang sarjana iaitu Profesor Ulung dari profesor gred khas A kepada Profesor Ulung ditakrifkan sebagai suatu peningkatan kegiatan dan sumbangan ke suatu aras yang lebih tinggi, luas, lagi mendalam di dalam kepakaran akademiknya. Penilaian juga turut mempertimbangkan keupayaan calon untuk memberikan komitmen dan menggambarkan keperibadian sebagai seorang Profesor Ulung yang merupakan ikon negara pada pandangan masyarakat. Sekian.

3. Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah kajian terbaru telah dilakukan berkenaan kemungkinan berlakunya gempa bumi di Malaysia memandangkan kejadian tersebut kerap berlaku di negara jiran dan seluruh dunia kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berwaspada dan memantau bencana alam terutamanya kejadian gempa bumi yang kerap berlaku di negara jiran kita sejak akhir-akhir ini.

Kajian risiko dan bahaya gempa bumi dan tsunami di Malaysia telah dilaksana dan disiapkan pada tahun 2009 oleh Akademi Sains Malaysia. Tujuan utama kajian ini ialah:

- (i) menilai risiko gempa bumi dan tsunami;
- (ii) menilai keperluan faktor seismik dalam perancangan dan mereka bentuk struktur-struktur prasarana utama;
- (iii) mengenal pasti kawasan yang terdedah kepada risiko gempa bumi dan tsunami;
- (iv) menilai impak tsunami ke atas sumber semula jadi marin dan sistem pantai; dan

- (v) menyedarkan orang awam mengenai risiko dan bahaya gempa bumi dan tsunami.

Kajian yang dibiayai dengan peruntukan sebanyak RM3.378 juta ini melibatkan Jabatan Meteorologi Malaysia, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia.

■1030

Dari aspek risiko dan bahaya gempa bumi, kajian ini mendapati bahawa negeri Sarawak dan Sabah adalah berisiko gempa bumi sederhana. Manakala Semenanjung pula berisiko gempa bumi rendah. Beberapa syor serta pelan tindakan telah digariskan dan menghadapi kemungkinan risiko gempa bumi ini iaitu:

- (i) *Malaysian Building Codes* perlu dibangunkan dan diguna pakai dalam perancangan dan pembinaan struktur-struktur utama dan kritikal;
- (ii) memasang peralatan-peralatan seperti *global positioning system*, dengan izin GPS dan *seismic sensor* di sepanjang sesar-sesar aktif;
- (iii) memperluaskan rangkaian *strong motion* sedia ada;
- (iv) mempertimbangkan *seismic natural rubber bearing* yang telah dihasilkan oleh Institut Getah Malaysia dalam membina projek prasarana penting terutamanya di zon berisiko tinggi terhadap gempa bumi;
- (v) menubuhkan *National Seismic and Tsunami Research Centre* di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk menyelaras penyelidikan gempa bumi dan tsunami dan mengurangkan impaknya ke atas prasarana; dan
- (vi) meneruskan kempen kesediaan dan kesedaran awam di seluruh negara meliputi warga sekolah, penduduk awam, organisasi kerajaan dan agensi keselamatan dengan merangkumi prosedur operasi tetap bahaya gempa bumi.

Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tentang risiko gempa bumi di Sabah dan Sarawak bertahap sederhana. Semenanjung bertahap rendah.

Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah hasil kajian lanjut yang sudah berjaya dicapai dan tindakan seterusnya yang telah dibuat oleh pihak MOSTI ataupun pihak-pihak lain yang sudah pun didanakan oleh pihak MOSTI sebab kita tidak boleh mengambil mudah tentang risiko ini khususnya kita sedia maklum bahawa dunia bertambah panas. Saya menjurus kepada kajian lanjut hasil daripada dunia bertambah panas kesan daripada perubahan cuaca. Justeru itu ia sudah tentu berkait rapat dengan pemain industri binaan. Jadi apakah juga selepas itu kolaborasi yang boleh dibuat dengan pemain industri binaan? Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Mungkin untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebagaimana saya maklumkan tadi bahawa mengikut kajian awal beberapa kejadian terutama Sabah dan Sarawak memang terdedah kepada risiko gempa bumi. Contoh maklumat yang dapat saya kumpulkan semenjak September sehingga November tahun ini sahaja berlaku, contohnya di Beluran, di Kota Marudu, Kudat dan Tambunan. Berlaku gegaran yang kurang, maknanya kurang daripada kadar magnitud 4. Itu adalah ukuran yang lemah tetapi masih dapat dirasai gegarannya.

Ini menunjukkan bahawa memang di Malaysia berlaku gempa bumi tetapi pada kadar yang sederhana dan rendah. Sebagaimana yang saya maklum tadi juga kita telah menubuhkan lima kumpulan kerja. Misalnya dalam kumpulan kerja membangunkan kod reka bentuk bangunan, diketuai oleh Jabatan Standard Malaysia dan penglibatan kolaborasi ialah dengan Institut Jurutera Malaysia di mana mereka menyediakan draf kod reka bentuk

dan mereka juga mencadangkan bahawa untuk menyiapkan infrastruktur kita yang boleh tahan kemungkinan gempa bumi. Oleh sebab itu di *second* Bridge Penang, Pulau Pinang dengan izin, kita telah menggunakan, mencadangkan supaya digunakan *seismic natural rubber bearing* yang dibangunkan oleh Institut Getah Malaysia untuk jambatan tersebut supaya ianya boleh berdaya tahan terhadap gempa bumi yang berlaku.

Begitu juga dengan kumpulan kerja bagi pemantauan gempa bumi 'sesar aktif' yang mana diketuai oleh Jabatan Metrologi Malaysia. Sebagaimana dikatakan tadi, di Sabah kita memantau kawasan sesar aktif di Ranau, Lahad Datu dan juga di Bukit Tinggi di Pahang. Kawasan-kawasan ini melalui inisiatif yang dilakukan oleh Jabatan Metrologi, kita telah memasang 15 *strong motion* di seluruh Malaysia dan 10 di Lembah Klang untuk memantau segala kejadian gempa bumi dan 2014 kita mengharapkan akan dapat memasang 20 lagi termasuk untuk membekalkan pemasangan di Sarawak. Kita ada *weight motion* untuk 17 unit yang telah dipasangkan supaya kita dapat melihat di mana berlakunya gempa bumi sama ada yang kecil mahupun yang besar. Dengan adanya peralatan ini kita mengharapkan kita akan dapat memantau keseluruhan berlakunya gerak gempa bumi di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bilangan pakar gempa bumi di negara ini dan juga apakah peruntukan yang perlu untuk membuat persiapan bagi menghadapi kawasan-kawasan yang berisiko itu?

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Kepong, yang saya katakan tadi kita sudah ada jawatankuasa kerja kepakaran pelbagai bidang. Sama ada kita bekerjasama dengan *engineers, Institute of Engineers* kepakaran mereka dari segi melihat bentuk bangunan dan kepakaran-kepakaran universiti yang saya katakan tadi kita bekerjasama misalnya dalam mengkaji untuk menyiapkan bangunan dan juga pembangunan *mechanization* yang kita ada. Contohnya, melalui MOSTI kita telah memberi dana untuk membuat *research* melalui Doktor Lau Tze Liang daripada USM misalnya. Telah diberi dana untuk membuat kajian berkaitan dengan *determination of tsunami force on structures*. Kalau berlaku ombak yang besar, apakah struktur-struktur bangunan dan jambatan atau apa sahaja kemudahan awam yang ada di sini akan terjejas ataupun tidak? Kita membuat kajian, membiayai USM melalui Doktor Lau Tze Liang untuk membuat kajian ini.

Begitu juga Profesor Azlan bin Adnan yang terlibat daripada UTM untuk membuat *New Seismic Hazard Map for Malaysia National Annex to Eurocode 8* dan juga *Construction Cost Implication for Building and Bridges*. Begitu juga Profesor Azlan bin Adnan, *A Development of Low Cost Accelerometer for Ground and Structural Damage Detection*. Ini untuk membuat peralatan untuk mengesan kejadian gempa bumi yang sesuai untuk digunakan di Malaysia.

Profesor Dr. Azmi bin Ibrahim daripada UiTM membuat *Classification of Bridge Fear and The Side Base on East Dynamic Characteristic*, dengan izin. Ini sebahagian daripada yang saya nyatakan, saya tidak ada maklumat terperinci keseluruhan pakar yang ada tetapi saya yakin begitu ramai yang berada di sama ada di institut pengajian tinggi awam dan swasta dan juga di agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan yang pakar dalam semua bidang yang berkaitan. Sama ada membuat dari segi untuk mengesan kejadian gempa bumi, dari segi *remote sensing* yang juga berhubung kait sebab *remote sensing*, dari segi satelit kita akan dapat membuat simulasi kalau berlaku tsunami di mana kawasan-kawasan terdedah melalui gambar satelit yang dapat supaya kita dapat membuat persiapan awal dalam pengurusan berlakunya tsunami dan selepas berlaku bagaimana kita menangani kejadian *after month of* gempa bumi dan juga tsunami.

Ini juga pakar-pakar dalam bidang pengurusan keselamatan awam dan juga dari segi komunikasi dan keseluruhannya yang saya katakan tadi. Oleh sebab itu 5 jawatankuasa yang telah ditubuhkan ini adalah kumpulan-kumpulan pakar yang bergaji bagi setiap bidang yang kita perincikan tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, boleh pohon satu soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Mustahak? Singkat, sila.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, baik. Terima kasih. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tahap ketahanannya, skala nombor berapa gempa bumi

di mana bangunan-bangunan tinggi kita yang sedia ini boleh dalam keadaan yang tidak terganggu. Saya hendak tahu bagaimanakah cara yang sedia ada untuk menyebarkan maklumat apabila telah dapat dikesan ada kejadian gempa bumi dan negara kita akan terdedah kepada risiko sebab buat masa ini cara yang kita terima adalah lebih cepat adalah melalui *Facebook*. Apabila mana-mana kawan kita merasai gegaran kita akan tahu telah berlaku selepas mereka menyampaikan maklumat melalui *Facebook*. Mohon penjelasan.

■1040

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Kita membuat ukuran pada skala zon 1 hingga 5 iaitu berdasarkan Mercalli *observe intensities* daripada skala 4 sehingga 8 ataupun biasanya kalau kita membuat pengumuman iaitu lemah, sederhana dan kuat. Apa-apa ukuran yang bawah kepada 4 adalah dikira lemah. Skala 4 sehingga 6 adalah pada skala sederhana. Skala 6 ke atas adalah pada skala yang kuat. Maknanya kalau sederhana, kita sudah boleh merasi gegaran. Malahan pada skala sederhana 4 ke 6 itu kalau bangunan yang tidak kukuh binaannya, boleh meruntuhkan bangunan. Apatah lagi kalau skala yang lebih.

Untuk itu kita menyebarkan maklumat ini dengan kerjasama dan jalinan peringkat antarabangsa. Kita boleh mendapat maklumat awal 10 minit daripada berlakunya gempa bumi dalam sekitarnya, *the real time* 10 minit kita akan dapat mengetahui. Dengan itu, kita akan menghantarkan maklumat ini sama ada melalui SMS, faksimile, laman sesawang JMM, Facebook, Twitter, radio, televisyen, akhbar termasuk juga akhbar elektronik untuk maklumat awam. Kalau berlaku gegaran yang dapat dirasai, maka kita akan sebar maklumat melalui *crawlers* di semua TV termasuk RTM1, TV3, NTV7, Astro dan Bernama TV. *Crawlers* akan keluar memaklumkan bahawa berlaku kejadian gempa bumi yang dapat dirasai gegarannya. Begitulah yang kita lakukan. Terima kasih Yang Berhormat.

4. Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota] minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah nilai penjualan NPL oleh bank-bank tempatan kepada pihak asing sebagaimana yang telah diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dan apakah manfaat yang kita dapati daripada keputusan itu.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin Tuan Yang di-Pertua tak makan 'jek' itu. Terima kasih Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pinjaman tidak berbayar NPL yang telah dilupuskan oleh institusi-institusi perbankan kepada pihak ketiga adalah kurang daripada RM3 bilion sejak tahun 2005. Daripada jumlah ini, hanya RM1.56 bilion telah dijual oleh bank-bank domestik dan selebihnya oleh bank-bank asing di Malaysia. Jumlah RM3 bilion ini juga merupakan 13 peratus daripada jumlah NPL keseluruhannya iaitu sebanyak RM23 bilion. NPL-NPL ini juga hanya boleh dijual kepada syarikat tempatan, bukan orang asing seperti yang terdapat dalam soalan dan bukan syarikat asing. Pemilik saham warga asing dalam syarikat tempatan hanya dihadkan kepada 49 peratus sahaja.

Penjualan NPL kepada pihak ketiga adalah penting untuk menjaga keutuhan sektor kewangan apabila ia dapat memberi *flexibility* dengan izin, kepada institusi-institusi perbankan untuk mengurus kedudukan kewangan dan portfolio pinjaman mereka dengan lebih berkesan dan cekap. Pelupusan NPL akan membolehkan institusi-institusi perbankan meningkatkan kecekapan operasi serta kedudukan kewangan mereka dari segi berikut:

- (i) penambahan kecairan dan modal menerusi dana diperoleh daripada pelupusan pinjaman;
- (ii) peningkatan keupayaan untuk mengeluarkan pinjaman baru untuk dinikmati oleh peminjam;
- (iii) pemerolehan dana pada kos yang lebih rendah daripada pasaran modal; dan
- (iv) memaksimumkan guna tenaga apabila staf bank tidak perlu membuat kerja pengutipan hutang lapuk dan mereka boleh memberi tumpuan kepada kerja baru yang lebih produktif.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri, pokoknya hutang pun kita jual dan kerajaan meluluskan untuk penjualan hutang. Itu pokoknya Tuan Yang di-Pertua. Dalam hal ini, saya bimbang walaupun kita terikat pada ekuiti asing 49 peratus tetapi mengambil kira kelulusan polisi liberalisasi subsektor kewangan 27 jenis subsektor tersebut, kita bimbang takut jika sekiranya kita terlepas pandang tentang ekuiti asing ini. Saya rujuk kepada satu kelulusan diberi pada CIMB untuk penjualan NPLnya yang dikatakan dibuat kepada Southern Asia Special Asset Management Berhad (CEASAM). Ia kata satu portfolio sahaja, pemegang akaunnya Tuan Yang di-Pertua ialah 45,000 orang. Maknanya 45,000 pemegang akaun untuk satu portfolio sahaja yang hendak dijual dan nilainya sebenarnya RM8.4 bilion, bukan RM3 bilion sebagaimana yang disebutkan tadi.

Jadi saya hendak tahu atas keputusan kerajaan meliberalisasikan sektor kewangan ini, adakah benar RM8.4 bilion, 45,000 pemegang akaun yang dikatakan di bawah NPL ini terjual sebagaimana kelulusan telah diberi kepada CIMB. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri dalam Dewan yang mulia ini untuk menyatakan sekali lagi. Mengikut maklumat yang diberikan oleh Bank Negara Malaysia yang sahih bahawa jumlah NPL yang dijual kepada pihak ketiga adalah RM3 bilion. Jadi tidak timbul soal RM8 bilion. Pertama.

Keduanya dasar ini bukan hanya dasar yang dilaksanakan di Malaysia sahaja. Di kebanyakan negara-negara lain yang umpamanya ia diperkenalkan di India, Korea, Thailand, Indonesia, Filipina, China dan negara-negara lain. Bukan suatu yang dilakukan di Malaysia. Apabila syarikat-syarikat kewangan mempunyai pinjaman lapuk, matlamatnya ialah untuk mengutip. Soalnya dijual ini hanya satu terminologi sahaja Tuan Yang di-Pertua. Dijual kepada pihak yang akan mengutip dan bank-bank, institusi kewangan akan mendapat hasil kutipan secara *advance* sebab syarikat yang membelinya tadi akan mengutip hutang dan membayar kepada pihak yang berhak iaitu institusi kewangan. Jadi janganlah kata hutang pun jual macam jual goreng pisang. Terminologinya Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kita guna – janganlah hendak sensasikan. Apa yang pentingnya hutang berhak untuk dikutip bayaran. Kalau tidak hendak panggil jual pun tidak apalah. Dikutip pinjamannya melalui kaedah melantik pihak ketiga untuk mengutipnya dan jumlahnya RM3 bilion, bukan RM8 bilion seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota. Terima kasih.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersangka baik dengan kementerian. Kita pun tidak menggalakkan orang tidak membayar hutang. Kita menggalakkan orang supaya bertanggungjawab. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. RM3 bilion berbanding RM23 bilion membawa kepada 13 peratus. Jumlah 13 peratus itu di manakah kedudukan kita berbanding dengan negara-negara lain di dunia yang mengamalkan penjualan NPL ini.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan kerajaan bagi memastikan sejauh manakah garis panduan yang telah ditetapkan oleh Bank Negara kepada penjualan pinjaman tidak berbayar ini, penjualan NPL ini oleh institusi-institusi perbankan pihak asing dipenuhi, dipatuhi bagi mengelakkan kepada risiko yang tidak boleh kita hadapi pada masa hadapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1050

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Itu soalan yang baik sekali, soalan tambahan yang lebih baik daripada soalan asal. [*Ketawa*] Bank Negara sebenarnya telah mengeluarkan garis panduan untuk mengawal selia penjualan NPL ini. Di antara keperluan-keperluan garis panduan, pertamanya ialah syarikat yang ingin membeli NPL ini mestilah membuat *track record* yang baik. *Track record* dalam erti kata mempunyai kepakaran untuk mengutip hutang-hutang ini, *debt recovery*, dengan izin. Bukan sembarangan orang yang boleh hendak beli ini.

Keduanya, siapa pemilik syarikat-syarikat ini? *Shareholders*, dengan izin, mesti pihak-pihak yang mesti *fit and proper*. Maknanya dia ini memang boleh diyakini, mempunyai

status yang baik, bukannya orang-orang yang mempunyai peribadi yang *dubious*, dengan izin.

Ketiganya, pinjaman-pinjaman yang hendak dijual ini bukanlah merupakan pinjaman yang strategik kepada negara. Oleh sebab itu pinjaman yang dijual setakat ini merupakan pinjaman perumahan, *housing loan*, *credit card*, *personal loan*. Jadi pinjaman-pinjaman korporat umpamanya milik satu-satu syarikat yang besar kepentingan negarakah, Petronaskah, ini tidak ada. Ini disebabkan kita tidak mahu pinjaman-pinjaman strategik itu terlibat dalam soal ini.

Seterusnya, ia harus memaklumkan kepada peminjam masing-masing mengenai pelupusan NPL mereka ini kepada pihak ketiga dan memastikan pelupusan NPL tidak memberikan kesan kepada skim penyusunan semula hutang yang telah dipersetujui oleh institusi-institusi perbankan sebelum proses pelupusan ini. Kalau institusi perbankan telah bersetuju untuk terlibat dalam penstrukturan semula pinjaman ini, maka pinjaman itu tidak boleh dimasukkan dalam golongan yang boleh dijual.

Mengenai berapa peratus, kalau kita lihat NPL kita hari ini hanya merupakan lebih kurang 1.6 peratus. Berbanding dengan negara-negara yang lain, kita merupakan kedudukan yang jauh lebih baik. Apabila dasar penjualan NPL ini dibuat pada tahun 2004, NPL kita berjumlah RM70 bilion. Akan tetapi hari ini dengan dasar ini dan dengan pengurusan NPL yang lebih baik, maka NPL semasa pada hari ini adalah RM23 bilion. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak.

5. Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah jangka panjang dan jangka pendek yang akan diambil oleh kerajaan bagi memastikan graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) mendapat tempat sebagai pendidik dan apakah langkah segera yang akan diambil bagi memastikan graduan ISMP yang tamat pengajian mereka tahun ini mendapat tempat di sekolah-sekolah.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bagi langkah jangka pendek, kerajaan memutuskan supaya graduan pendidikan keluaran Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang menamatkan pengajian pada tahun 2012 dilantik ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) dan tertakluk kepada:

- (i) mereka memenuhi syarat-syarat Skim Perkhidmatan PPPS;
- (ii) telah membuat permohonan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran iaitu SPP, dan;
- (iii) berjaya dalam temu duga yang dikendalikan oleh SPP.

Mengikut rekod surat KPM, seramai 10,715 penuntut Program Pendidikan telah dan akan bergraduan pada tahun 2012. Bagi graduan yang tamat pengajian pada bulan Jun 2012, iaitu seramai 2,960 orang yang telah ditempatkan secara interim pada 16 Oktober 2012, mereka ini sedang ditemu duga oleh SPP sehingga 6 Disember 2012. Manakala guru yang tamat pengajian pada bulan September dan Disember 2012 iaitu seramai 7,755 orang, mereka perlu memohon jawatan PPPS Gred DG41 secara *online* ke SPP melalui *JobsMalaysia* di laman sesawang SPP bagi tujuan temuduga yang akan dilaksanakan pada awal tahun 2013. Tarikh tutup permohonan ini ialah pada 22 November tahun ini.

Daripada segi jangka panjang, Kementerian Pelajaran Malaysia juga akan menjalankan kajian norma perjawatan unjuran dasar penempatan dan pertukaran guru dan Kumpulan Pelaksana mulai tahun 2013 bagi menghasilkan satu model dasar baru perancangan dan pengurusan sumber manusia pendidikan menyeluruh dalam meningkatkan pengurusan perkhidmatan guru dan bukan guru di sekolah-sekolah mulai tahun 2014. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ucapkan syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga kementerian kerana sungguhpun ada kekangan daripada segi belanjawan dan perjawatan, namun tetap memberi peluang dan pertimbangan buat graduan ISMP mendapat penempatan di sekolah-sekolah. Saya ada dua soalan tambahan yang ringkas. Pertamanya, terdapat 63 graduan ISMP yang telah gagal ditemu duga pada tahun lalu.

Saya ingin memohon pertimbangan dan pandangan sekiranya mereka ini diberi peluang kedua agar dapat sama ditemu duga oleh SPP untuk penempatan yang akan datang.

Keduanya, prosedur *interview*, temuduga SPP, saya difahamkan menghendaki salah seorang ahli SPP menjadi panelnya di samping ahli panel lain dari *pool* guru cemerlang KPM. Namun memandangkan terdapat ramai calon yang perlu ditemu duga dan jumlah ahli SPP yang cuma 11 orang, ramai calon ISMP terpaksa menunggu lama manakala kekerapan *interview* tersebut pula tidak dapat ditambah dengan banyak. Jadi saya hendak tanya, apakah kementerian berhasrat menambah ahli SPP ataupun mengekalkan ahli sedia ada tetapi menubuhkan Jawatankuasa Khas SPP dengan keahlian tambahan khusus untuk mempercepatkan lagi proses temuduga yang dimaksudkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, mengenai dengan 63 graduan yang gagal ini. Sebenarnya mereka ini sudah pun dipanggil temuduga sebelum daripada ini, tetapi mereka gagal dan mereka merayu supaya diberikan peluang kedua untuk mengikuti temuduga ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya 63 orang ini adalah pelajar ataupun graduan-graduan yang ditaja oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sendiri. Oleh kerana itu, di pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, kita sudah bersetuju untuk memberikan peluang kedua kepada mereka ini untuk ditemu duga hasil daripada permintaan daripada pelbagai pihak dan sebagainya. Kita menyerahkan kepada pihak SPP untuk menguruskan temuduga ini.

Untuk makluman juga, sebenarnya kita ada 94 orang yang gagal. Kegagalan ini berpunca antaranya memang gagal semasa temuduga. Kedua ialah ketika mereka hadir semasa temuduga, mereka tidak membawa maklumat-maklumat yang lengkap seperti sijil dan sebagainya. Disebabkan itulah mereka ini gagal. Jadi, daripada 94 orang itu, 63 orang yang ditaja ini, yang kita berikan peluang kedua ialah 63 orang yang ditaja.

Isu yang kedua, kita amat maklum apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Oleh sebab itulah kita dapati proses temuduga ini terpaksa mengambil masa yang lama. Kita amat berterima kasih dengan pandangan tersebut dan kita mengambil perhatian supaya pihak SPP (Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan) dapat memikirkan langkah yang terbaik supaya isu temuduga guru yang jumlahnya yang begitu ramai ini tidak mengambil tempoh yang agak panjang. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau saya memahami soalan asal ialah isu penempatan graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan yang diterangkan oleh Timbalan Menteri yang harus melalui proses temuduga dan sebagainya.

■1100

Di satu sisi lain, kita juga ada guru sandaran tidak terlatih yang kita minta mereka mengikuti kursus dalam cuti. Kita juga ada Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) dan untuk dua kategori ini, kita hampir tidak kedengaran masalah penempatan buat mereka. Akan tetapi untuk Ijazah Sarjana Muda Pendidikan ini sering kali berlaku kelewatan dari segi penempatan untuk mereka bertugas. Masalah yang sama juga berlaku kepada lulusan Sarjana Muda Pendidikan dari IPTS. Ini juga kita didatangi untuk mereka memaklumkan bahawa hampir tidak ada peluang langsung buat mereka walaupun IPTS itu memenuhi semua syarat-syarat dari segi kurikulumnya yang telah dipersetujui oleh Lembaga Akreditasi yang terbabit dengan akreditasi. Jadi, bagaimana sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh membantu, menjelaskan keadaan ini. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang begitu baik sebenarnya untuk kita menjelaskan banyak isu. Pertama, saya ingin perelaskan di sini iaitu bahawa guru-guru yang dilatih oleh institut pendidikan guru, mereka ini akan mengajar di sekolah rendah. Biasanya kita tidak ada masalah tentang penempatan guru-guru ini setelah tamat pengajian mereka. Akan tetapi guru-guru atau graduan yang lulus daripada IPTA, mereka ini akan berkhidmat di sekolah menengah. Kita menubuhkan satu jawatankuasa sebenarnya, kerjasama antara Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Pelajaran Malaysia. Kita memaklumkan tentang unjuran, berapa jumlah yang diperlukan dan apa opsyen-opsyennya.

Di sinilah sering berlaku apabila barangkali ada pihak yang menawarkan melebihi daripada unjuran dan menawarkan kursus-kursus yang tidak mengikut opsyen yang diperlukan. Maka, berlakulah lebihan itu.

Kedua ialah seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat mengenai dengan guru-guru GSTT. Kita ada satu isu sebelum ini iaitu seramai 13,184 orang guru GSTT. Sebenarnya mereka bukanlah guru-guru yang terlatih tetapi mereka adalah guru sandaran yang tidak terlatih. Mereka ini kita tawarkan sebagai guru GSTT. Akan tetapi apabila mereka tamat tempoh setahun, biasanya kontrak mereka setahun. Mereka merayu untuk dipertimbangkan, untuk masuk ke program KPLI dan sebagainya. Oleh sebab itulah atas keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional, maka kita mempertimbangkan permohonan mereka. Oleh sebab itulah daripada 13,184 orang ini, seramai 7,894 orang, kita ambil mereka ini untuk masuk ke program KPLI ataupun untuk diberikan kursus KDC dan sebagainya untuk dilantik sebagai guru sepenuh masa.

Apabila kita mengambil pertimbangan ini, inilah yang menyebabkan ramai pula guru-guru lulusan IPTA ini tidak ada penempatan. Ini kerana tempat mereka ini diambil oleh guru-guru GSTT yang sebenarnya sepatutnya hanyalah guru kontrak setahun. Akan tetapi oleh sebab kita serapkan dia sebagai guru sepenuh masa di bawah program KPLI dan sebagainya, maka mereka mengambil penempatan guru yang lulus daripada IPTA ini. Inilah yang menimbulkan masalah. Maksudnya, ada intervensi di sini. Inilah juga yang menyebabkan ada guru IPGM kita seramai 2,960 orang yang saya sebutkan tadi pun turut terganggu juga penempatan mereka. Akan tetapi oleh sebab kerajaan mengambil keputusan seperti mana yang diumumkan itu lebih kurang 10,755 orang tadi, maka isu ini kita dapat selesaikan. Mengenai dengan IPTS Yang Berhormat. Kita hanya mengiktiraf program pendidikan di IPTA sahaja, tidak termasuk di IPTS, terima kasih.

6. Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) rancangan kementerian bagi memastikan pesakit wanita terutama pesakit puan hanya dilayan oleh petugas dan doktor sakit puan wanita; dan
- (b) nisbah bilangan pegawai perubatan sakit puan dan pesakit sakit puan terkini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini perancangan perjawatan yang disediakan berdasarkan kepada beban kerja dan tidak mengambil kira keperluan gender. Kementerian Kesihatan Malaysia masih lagi mengalami kekurangan petugas-petugas wanita, khususnya doktor untuk tujuan ini. Akan tetapi Kementerian Kesihatan mempunyai peraturan di mana pesakit wanita yang dirawat atau diperiksa oleh petugas lelaki perlu ada seorang penjawat awam perempuan yang menjadi *chaperon*, dengan izin, untuk menemani doktor lelaki semasa rawatan diberikan.

Walau bagaimanapun, sekiranya ada permintaan khusus daripada pesakit yang ingin mendapatkan perkhidmatan daripada pakar sakit puan wanita, pihak Kementerian Kesihatan akan memenuhi permintaan tersebut bergantung kepada terdapatnya petugas dan doktor wanita di hospital atau klinik yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, semua graduan dalam bidang perubatan dilatih dalam bidang-bidang utama perubatan termasuklah bidang kebidanan dan sakit puan yang meliputi kes-kes bersalin supaya dapat menjadi seorang doktor yang kompeten dan boleh ditempatkan di mana-mana *facility* Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memberikan rawatan kepada rakyat. Dengan ini, di *facility* kesihatan tertentu termasuklah di kawasan pedalaman, kadang kala tidak ada doktor wanita yang bertugas di mana rawatan kes bersalin masih perlu diberikan kepada rakyat dan diberikan oleh doktor lelaki.

Latihan dalam bidang kepakaran pelbagai disiplin termasuklah bidang kebidanan dan sakit puan terbuka kepada semua pegawai perubatan sama ada lelaki atau perempuan, bergantung kepada minat masing-masing. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia tidak bercadang untuk menghadkan nisbah kemasukan pegawai perubatan yang mengambil kepakaran dalam bidang kebidanan dan sakit puan dari segi gender. Di

samping itu terdapat ramai doktor wanita yang memilih bidang-bidang lain seperti bidang kepakaran ortopedik, forensik, onkologi, bedah otak dan sebagainya, bukan hanya bidang kebidanan dan sakit puan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik tahun 2011 seramai 1,150,205 orang pesakit telah mendapat rawatan sebagai pesakit dalam dan luar di klinik pakar kebidanan dan sakit puan di hospital-hospital Kementerian Kesihatan. Oleh itu, nisbah seorang pakar sakit puan kepada pesakit adalah seorang pakar kepada 4,695 orang pesakit. Terdapat seramai 245 orang pakar kebidanan dan sakit puan sehingga 10 September 2012, di mana seramai 109 orang pakar lelaki dan 136 orang pakar perempuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kementerian mengakui kekurangan doktor sakit puan ini tetapi pada masa yang sama, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Saya mendapat maklumat, ramai daripada doktor-doktor wanita yang tidak selesa bekerja di hospital kerajaan yang menyebabkan mereka lari ke sektor swasta. Apakah sebenarnya yang berlaku? Ini kerana maklumat yang saya terima, mereka bukannya tidak selesa dengan gaji yang diterima tetapi dengan layanan pihak kementerian ataupun beban kerja yang cukup berat.

Kedua, berkaitan dengan penawaran untuk kos sakit puan ini. Saya difahamkan bahawa banyak yang berminat untuk menyambung pelajaran di peringkat pakar tetapi peluang yang ditawarkan oleh pihak kementerian cukup terbatas menyebabkan mereka tidak boleh menyambung pelajaran mereka. Ada yang terpaksa menunggu begitu lama untuk menyambung pelajaran. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian berhajat untuk menubuhkan hospital wanita. Kalau tandas wanita ada, gerabak kereta api wanita tetapi adakah pihak kementerian mempunyai minat untuk menubuhkan hospital yang khusus untuk merawat sakit-sakit puan ataupun sakit-sakit untuk pesakit wanita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1110

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap di atas soalan tambahan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita tidak menolak ada di antara pakar ginekologi atau pakar sakit puan yang telah meletak jawatan atas sebab-sebab tertentu sama ada dinyatakan atau tidak, ya. Ada yang berhijrah ke perkhidmatan swasta dan juga ada memilih untuk melanjutkan pelajaran ataupun berhijrah ke luar negara.

Namun sekiranya kita melihat keadaan ini, ini merupakan perkara yang biasa Yang Berhormat. Kita tidak boleh *generalize* dengan izin, mengumumkan bahawa melihat sesuatu isu itu dalam keadaan yang umum. Memang jika diperincikan Yang Berhormat sebab-sebab yang dinyatakan termasuklah ganjaran dan sebagainya. Itu kita tidak menolak, tetapi kalau diumumkan bahawa sebab utama adalah disebabkan layanan, saya kurang bersetuju dari aspek itu Yang Berhormat.

Pada masa yang sama, saya ingin menyatakan di sini bahawa peluang yang diberikan kepada pakar-pakar kita untuk melanjutkan pelajaran ataupun melakukan sub kepakaran terbuka luas Yang Berhormat. Terbuka kepada kedua-dua sama ada kepada doktor wanita ataupun doktor lelaki seperti yang saya nyatakan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, di peringkat Kementerian Kesihatan, dalam inisiatif kita menambah bilangan pakar, Kementerian Kesihatan telah juga menambah slot tajaan bagi program sarjana perubatan di institusi pengajian tinggi awam dari 450 ke 600 slot pada sesi 2010-2011 Yang Berhormat dan 800 orang mulai sesi 2011-2012 bagi memberi peluang lebih ramai pegawai perubatan kita untuk mengikuti program sarjana.

Sehubungan dengan itu, diharapkan lebih ramai lagi pakar perubatan yang kita dapat hasilkan demi meningkatkan mutu dan prestasi perkhidmatan perubatan di dalam negara kita. Selain daripada itu Yang Berhormat, kementerian kesihatan juga menawarkan sebanyak 150 slot biasiswa setiap tahun untuk latihan pelbagai sub kepakaran, apatah lagi dalam bidang ginekologi atau sakit puan. Memang kita mengutamakan, sekiranya ada pegawai-pegawai kita yang berminat.

Untuk menjawab persoalan Yang Berhormat mengenai hospital wanita. Pada ketika ini, kita mempunyai hospital wanita dan kanak-kanak yang terdapat di negeri Sabah iaitu Hospital Wanita dan Kanak-kanak Likas dan Hospital Wanita dan Kanak-kanak Kuala Lumpur sebenarnya dalam perancangan pembinaan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh Yang Berhormat. Kita juga mewujudkan *maternity* blok pada ketika ini, *service maternity* blok terdapat di Seremban, Negeri Sembilan, Ipoh dan juga di Kuala Terengganu.

Memang pada ketika ini untuk menjawab persoalan Yang Berhormat tadi, kita telah mewujudkan hospital untuk wanita. Satu yang telah beroperasi iaitu di Likas, Sabah dan satu lagi di dalam proses pembinaan iaitu di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu Hospital Wanita dan Kanak-kanak Kuala Lumpur. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ringkas sahaja yang saya hendak berikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tahu dan berucap terima kasih di atas usaha dan keprihatinan pihak Kementerian terhadap pesakit-pesakit wanita dan juga terhadap doktor-doktor wanita.

Akan tetapi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kerajaan ataupun pihak Kementerian juga bercadang untuk mewujudkan satu wad khas yang dikendalikan bukan sahaja oleh doktor-doktor wanita tetapi juga kakitangan yang merawat pesakit wanita di hospital kerajaan. Ini sebab sekarang ini memang kita akur ada wad untuk wanita tetapi bagaimana juga dengan kakitangan dan juga doktor-doktor? Terima kasih banyak.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Untuk menjawab persoalan yang ditanya Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini Kementerian belum mempunyai perancangan untuk mewujudkan wad khas di mana wad tersebut bukan sahaja menempatkan pegawai perubatan yang terdiri daripada kalangan wanita, begitu juga staf-staf yang lain yang terdiri daripada di kalangan wanita sendiri kerana atas sebab-sebab yang saya sebutkan pada awal jawapan soalan asal.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, walau bagaimanapun saya ingin menyatakan di sini bahawa sekiranya kita lihat kepada statistik sehingga Jun 2012, terdapat seramai 19,273 orang pegawai perubatan dan 3,264 orang pakar daripada pelbagai disiplin yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Sebanyak 60 peratus Yang Berhormat, doktor yang berkhidmat ini adalah wanita dan terdapat seramai 245 orang seperti yang saya nyatakan tadi, pakar kebidanan dan juga sakit puan yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan dan jumlah melebihi 50 peratus adalah daripada kalangan wanita itu sendiri.

Kenapa kita belum bersedia untuk mewujudkan adalah kerana kita dalam memberikan perkhidmatan kesihatan, kita berdasarkan perkhidmatan kita ini kepada beban kerja dan tidak mengambil kira keperluan gender Yang Berhormat. Sekiranya kita melihat kepada perkara ini, sudah tentu – sekiranya kita mempunyai kakitangan yang cukup, sudah tentu kita akan menilai semula untuk mengadakan hospital ataupun wad khas khusus untuk wanita ini. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. Datuk Matulidi Jusoh [Dungun] minta Menteri Kerja Raya menyatakan status kemajuan projek Lebuhraya Pantai Timur (LPT2) dan dinyatakan bila lebuhraya ini dapat digunakan sepenuhnya oleh pengguna

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dungun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2012, kemajuan fizikal keseluruhan projek LPT2 telah siap sebanyak 85 peratus iaitu mengambil kira tempoh penjadualan terkini. Projek ini mengalami kelewatan berikutan terdapat 10 pakej yang terpaksa ditender semula setelah kontraktor asal menarik diri berikutan kesan dari kenaikan harga barang binaan pada tahun 2007 atau 2008.

Pada masa kini, kontraktor penyiap telah dilantik untuk meneruskan pakej-pakej yang di tender semula itu kecuali untuk pakej tujuh yang dijangka akan memulakan kerja-kerja pembinaan fizikal sebelum akhir tahun ini. Oleh itu mengambil kira tempoh kontrak selama 20 bulan untuk baki pakej 7. Keseluruhan projek LPT2 ini dijangka akan siap dan dibuka pada bulan Ogos 2014.

Walaupun begitu untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mulai bulan Ogos 2011 telah melaksanakan pembukaan LPT2 secara berperingkat kepada lalu lintas untuk jajaran yang telah disiapkan. Ia melibatkan jajaran sebelah utara iaitu daripada Persimpangan Bertingkat Bukit Besi ke persimpangan bertingkat ke Kuala Terengganu sepanjang 72km. Manakala untuk pakej-pakej lain khususnya jajaran di sebelah selatan, ia akan dibuka secara berperingkat mulai tahun hadapan 2013 sehingga keseluruhan projek ini disiapkan kelak. Sekian terima kasih.

Datuk Matulidi Jusoh [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan sebentar tadi. Kita ucapkan terima kasih kerana Terengganu sedikit masih lagi akan dapat meningkatkan ekonomi melalui program ECR dengan adanya lebuh raya ini walaupun siap keseluruhannya pada 2014.

■1120

Soalan tambahan saya, kita sedia maklum bahawa pakej, ada 14 pakej yang dibuat dan ada yang telah siap dan telah digunakan untuk sementara. Apakah kawalan kepada jalan yang telah siap ini kerana banyak kita dapati berlakunya kemalangan dan ada binatang-binatang ternakan berkeliaran masuk di lebuh raya yang dibuka ini menyebabkan menjadi masalah pelanggaran, kemalangan berlaku dan kawalan ini nampaknya tidak ada batasan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu masalah di mana binatang khususnya lembu-lembu berjalan di lebuh raya ini. Kita telah pun mengarahkan pihak kerajaan negeri khususnya pihak Majlis Tempatan supaya mengambil tindakan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat kita ada sebenarnya 16 *packages* yang telah siap pada 2010 dan 2011 ialah empat. Manakala untuk tahun ini akan siap lima *packages* lagi dan sampai hujung tahun 2013 akan siap empat pakej lagi dan bakinya iaitu tiga pakej akan disiapkan pada hujung tahun 2014.

Saya tahu jalan ini memang sangat penting untuk ke sebelah Timur dan selepas ini saya boleh katakan kita akan buat nanti pihak Terengganu dan Kelantan akan bising, kita bercadang untuk mengadakan LPT3 ke Kelantan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lalu di LPT ini setiap minggu, Tuan Yang di-Pertua, memang betul keadaannya, separuh itu elok, separuh lagi masih dalam keadaan yang lama. Akan tetapi saya hendak tanya soalan tambahan, untuk pakej yang belum siap, tadi Timbalan Menteri kata sepuluh pakej melibatkan sepuluh kontraktor yang telah ditender semula. Ini sudah tentu masalahnya terbengkalai kerana kontraktor lama melarikan diri. Itu tidak dapat dinafikan. Kita hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, bagaimana, apakah jadi tentang aku janji yang dibuat semasa kontraktor ini dilantik.

Kerajaan telah buat satu kaedah di mana ada sistem aku janji. Dalam perjanjian penerimaan kontrak itu pihak SPRM telah diminta menjadi saksi kepada tandatangan aku janji. Jadi mereka ini melarikan diri dan saya difahamkan penerimaan deposit bayaran telah mereka ambil dan mereka lari menyebabkan projek ini terbengkalai. Jadi apakah tindakan kerajaan setelah dibuat aku janji itu, bawa pihak SPRM pun mereka masih lagi tidak takut dan degil sehingga yang menanggung akibat rakyat termasuk saya, kereta saya banyak kali sudah rosak Tuan Yang di-Pertua, lalu jalan lama yang teruk sangat keadaannya. Saya hendak tahu apa tindakan kerajaan? Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kontraktor tidak lari daripada tanggungjawab mereka. Kita setuju dengan *mutual termination* supaya mereka menarik diri keluar dari tender. Mereka ini tidak disenarai hitam. Mereka boleh masuk lagi untuk tender. Kita cuba sedaya upaya supaya jalan ini boleh disiapkan secepat mungkin untuk rakyat di Timur khususnya Pahang, Terengganu sampai ke Kelantan kelak. Terima kasih.

[Soalan No. 8 – Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan) tidak hadir]

9. **Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) adakah *Non-Aligned Movement* (NAM) masih lagi relevan memandangkan keadaan geopolitik semasa; dan
- (b) bagaimana pula dengan peranan Malaysia di dalam OIC dan bagaimana *Global Movement of Moderates* yang dipelopori oleh YAB Perdana Menteri boleh memainkan peranan di kedua-dua buah badan tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Langkawi di atas pertanyaan yang telah dikemukakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Gerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) telah ditubuhkan pada tahun 1961 dengan keahlian sebanyak 25 negara. Anggota kini telah meningkat kepada 120 ahli dengan penyertaan secara rasmi Azerbaijan dan Fiji pada tahun 2011.

Peningkatan keahlian ini membuktikan bahawa NAM masih lagi mendapat perhatian dan dipandang sebagai satu gerakan antarabangsa yang sangat penting dan berkesan dalam memperjuangkan isu-isu yang menjadi kepentingan kepada masyarakat dunia. Memandangkan keahlian NAM merangkumi 2/3 keahlian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). NAM berusaha mempengaruhi perbincangan-perbincangan hala tuju dan keputusan-keputusan mengenai isu-isu seperti sistem kewangan global, perlucutan dan ketidakcambahan senjata, hak asasi manusia, alam sekitar dan pembangunan mampan di forum-forum antarabangsa.

Ini termasuk mesyuarat-mesyuarat dan persidangan-persidangan di bawah naungan PBB. Sebagai anggota tetap NAM sejak tahun 1970, Malaysia telah dan terus memainkan peranan yang aktif dalam memastikan pendirian Malaysia dan NAM mengenai isu-isu antarabangsa yang penting pada negara dan masyarakat dunia diambil kira. Malaysia juga telah menjadi pengerusi NAM pada tahun 2003 hingga 2006. Walaupun Malaysia kini menuju taraf negara maju, isu-isu khususnya isu Palestin yang terus mendapat perhatian dan sokongan kuat di kalangan Ahli-ahli NAM.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada konsep kesederhanaan dan gerakan kesederhanaan global atau *The Global Movement of Moderate* (GMM) yang telah diketengahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat pertama kali kepada komuniti antarabangsa di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada bulan September 2010. Saya ingin melaporkan bahawa semenjak itu konsep GMM telah diterima dan mendapat sambutan baik di dalam mahupun di luar negara.

Di peringkat antarabangsa, terdapat lebih dari 25 negara serta beberapa ketua-ketua negara di serata dunia telah menyatakan sokongan secara terbuka terhadap konsep-konsep kesederhanaan melalui GMM. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa baru-baru ini semasa pertemuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Obama di sidang kemuncak ASEAN ke-21 di Phnom Penh. Presiden Obama juga telah mengakui bahawa konsep kesederhanaan atau *moderation* yang dipelopori oleh GMM mampu menyumbang ke arah keselamatan dan keamanan sejagat.

Pengiktirafan dan sokongan terhadap konsep ini juga telah diterima daripada pelbagai pertubuhan antarabangsa khususnya PBB, ASEAN, NAM, ASEM dan Komanwel. Tuan Yang di-Pertua bagi menyebarkan lagi konsep kesederhanaan dengan lebih meluas di platform antarabangsa, Yayasan GMM telah beri komitmen untuk menjalinkan kerjasama dengan United Nation Alliance of Civilization (UNAOC), Yayasan GMM telah mengambil bahagian di dalam persidangan IKRA, UNAOC di Istanbul, Turki dari 31 Mei hingga 1 Jun 2012 sebagai permulaan kerjasama di antara kedua-dua pihak.

■1130

Di rantau ini pula, pemimpin-pemimpin ASEAN di Sidang Kemuncak ASEAN di *Cambodia* pada 3 April 2012 dengan sebulat suara telah menerima konsep kesederhanaan yang diusulkan oleh Malaysia. Lanjutan daripada itu, ASEAN akan mengadakan aktiviti-aktiviti bagi mempromosi konsep kesederhanaan di peringkat serantau dan antarabangsa bagi mencapai keamanan sejagat.

Seterusnya, baru-baru ini pada Sidang Kemuncak ASEM yang ke-9 di Laos, konsep kesederhanaan juga telah diterima dalam mesyuarat tersebut dan ianya tertera di dalam Deklarasi Vientiane. Konsep GMM juga telah diterima dan tertera di dalam

communiqué Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel, *The Commonwealth Heads of Government Meeting (CHOGM)* di Australia pada bulan Oktober 2011.

Selain itu, inisiatif Malaysia untuk mengusulkan konsep kesederhanaan di dalam resolusi di Perhimpunan Agung PBB berkenaan promosi dialog antara agama dan budaya, persefahaman dan kerjasama di antara keamanan bertarikh 23 Disember 2011 telah diluluskan dengan sebulat suara.

Tuan Yang di-Pertua, konsep *Global Movement Of Moderates* turut diterima dan tertera di dalam Dokumen Muktamad, *Final Document* Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang berlangsung di Iran pada akhir bulan Ogos 2012. Penerimaan oleh NAM ini membuka ruang bagi negara-negara anggota NAM untuk menggunakan GMM sebagai satu platform untuk menentang gejala ekstrem dan keganasan.

Seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam sesi ceramah beliau bersama TYT David Cameron mengenai gerakan kesederhanaan global, *the Global Movement Of Moderates (GMM)* pada 12 April 2012, golongan majoriti yang mengamalkan kesederhanaan dapat bersatu dan menenggelamkan suara-suara ekstremis bagi membanteras keganasan dan sentimen ekstremis.

Tuan Yang di-Pertua, sentimen keganasan dan ekstrem wujud dan perlu ditangani dalam minda masyarakat dan bukannya dari segi ketenteraan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menegaskan bahawa Islam adalah agama berteraskan keamanan dan kesederhanaan dalam segala aspek kehidupan. Dalam konteks ini, Malaysia berpandangan bahawa OIC boleh menggunakan pendekatan GMM untuk memenangi minda masyarakat Islam sedunia bagi memerangi penularan gejala ekstremis dan keganasan.

Salah satu contoh yang boleh diambil adalah dari kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan Filipina dengan bantuan Kerajaan Malaysia dalam rundingan damai antara Kerajaan Filipina dan *Moro Islamic Liberation Front (MILF)*. Konsep kesederhanaan yang diguna pakai oleh Malaysia sebagai orang tengah di dalam isu ini telah membuahkan hasil di mana kedua-dua pihak yang berperang akhirnya dapat mencapai kedamaian setelah 40 tahun berada di dalam konflik.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini berkenaan dengan penubuhan Kerusi Akademi Wasatiyyah di Universiti Malaya boleh digunakan untuk menggalakkan lebih ramai golongan cendekiawan dalam subjek kesederhanaan terutamanya dari negara-negara anggota OIC dalam konsep kesederhanaan ini. Tambahan pula, penubuhan Institut Wasatiyyah di Pejabat Perdana Menteri juga bertujuan untuk mempromosi dan memperjuangkan kesederhanaan dan keseimbangan di dalam semua aspek seperti demokrasi, undang-undang pendidikan, kemanusiaan dan keadilan sosial yang boleh diketengahkan menerusi OIC.

Sebelum mengakhiri jawapan saya, ingin saya tekankan bahawa...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri kena lihat pada Tuan Yang di-Pertua juga, jangan tunduk sahaja.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Kerajaan Malaysia mengambil serius keanggotaan Malaysia dalam pertubuhan dan pergerakan di peringkat antarabangsa dan serantau seperti NAM, OIC, ASEAN, Komanwel dan sebagainya atas dasar kepentingan strategik kepada negara. Institusi-institusi tersebut merupakan wadah atau platform penting bagi mengetengahkan kepentingan negara di peringkat antarabangsa di samping memberi peluang dan ruang kepada Malaysia meneroka peluang dan memperkukuhkan dan menjalinkan hubungan dua hala dengan negara-negara anggota yang lain. Malaysia akan terus berusaha untuk memperkenalkan dan mempromosi konsep kesederhanaan dan GMM di peringkat dua hala dan pelbagai hala supaya ianya dapat diterima dengan lebih meluas sebagai salah satu sumbangan Malaysia kepada masyarakat antarabangsa dalam usaha menangani gejala ekstremis dan keganasan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PENCEN (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penyelarasan Pencen 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN KEWANGAN 2012

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawal seliaan dan penyeliaan institusi kewangan, sistem pembayaran dan entiti berkaitan yang lain dan pengawasan pasaran wang dan pasaran pertukaran asing untuk menggalakkan kestabilan kewangan dan bagi perkara yang berhubungan, berbangkit atau bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2012

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawal seliaan dan penyeliaan institusi kewangan Islam, sistem pembayaran dan entiti berkaitan yang lain dan pengawasan pasaran wang Islam dan pasaran pertukaran asing Islam untuk menggalakkan kestabilan kewangan dan pematuhan syariah dan bagi perkara yang berhubungan, berkait atau bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 2009; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG REKA BENTUK PERINDUSTRIAN (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

■1140

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.31 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Dalam Negeri, menjawab di peringkat Jawatankuasa dan sehingga diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan 2013 serta usul-usul yang berkaitan dengannya. Selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 26 November 2012.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2013****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2013****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas, “Rang Undang-undang Perbekalan 2013 dan Anggaran Pembangunan 2013 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Kelima belas]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya perkara yang kecil sahaja. Beberapa soalan yang telah dijanjikan akan dijawab...

Tuan Pengerusi: Peraturan mesyuarat yang mana Yang Berhormat?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Soal jawab Tuan Pengerusi. Di mana Speaker telah mengarahkan Yang Berhormat Menteri-Yang Berhormat Menteri untuk memberi jawapan kepada perkara-perkara yang kita bangkitkan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, ada di sini.

Ini kali kedua, yang mana telah diingatkan tetapi hingga hari ini kita belum dapat jawapan. *It becomes meaningless* kalau diberi pada saat-saat terakhir kerana kita tidak boleh berfungsi atau buat apa-apa dari jawapan tersebut. Kerap kali tidak ada jawapan langsung Tuan Pengerusi.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Setuju Tuan Pengerusi. Saya pun belum dapat jawapan saya walaupun saya sudah buat aduan.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara-perkara begini telah banyak kali dibangkitkan. Jadi, saya mohonlah kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab itu buatlah apa yang diminta dengan seberapa cepat yang mungkin supaya perjalanan mesyuarat seperti begini tidak terganggu. Tidak elok apabila kita bermesyuarat seperti begini terganggu dengan pembangkitan peraturan mesyuarat yang kadang-kadang juga disalahgunakan. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Maksud B.62 [Jadual] –
Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan 2013] -**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.62 dan Kepala Pembangunan P.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk di bahas. Sila, Yang Berhormat Machang.

11.43 pg.

Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tuan Pengerusi, untuk perbahasan di peringkat Jawatankuasa Kementerian Dalam Negeri, saya cuma menyebut satu Butiran 080000 – Pendaftaran Pertubuhan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Jawatankuasa]*

Yang Berhormat Menteri, beberapa bulan yang lepas saya sebagai Setiausaha Agung Parti Keadilan telah menerima notis daripada Pendaftar Pertubuhan memaklumkan kenapa tindakan tidak boleh diambil ke atas Parti Keadilan ekoran daripada aduan yang dibuat oleh seorang anggota parti yang telah dipecat daripada Parti Keadilan. Anggota tersebut sebenarnya telah bertanding sebagai calon bebas dalam satu pilihan raya kecil dan perlembagaan parti Keadilan membenarkan untuk kes seperti itu, anggota terbabit dipecat. Anggota terbabit Yang Berhormat Menteri kemudiannya telah mengadu kepada Pendaftar Pertubuhan dan Pendaftar Pertubuhan kemudian memberikan notis tunjuk sebab kenapa parti Keadilan tidak boleh diambil tindakan dengan memetik satu artikel atau peruntukan dalam Undang-undang Tubuh Parti Keadilan yang sebenarnya tidak wujud di dalam perlembagaan tubuh.

Saya kemudiannya menghubungi Pejabat Pendaftaran Pertubuhan dan kemudiannya Pendaftar Pertubuhan menarik balik notis tersebut kerana kesilapan mereka memetik satu peruntukan yang tidak wujud di dalam Perlembagaan Tubuh Parti Keadilan. Episod ini memberikan satu mesej bahawa Pendaftar Pertubuhan sebenarnya satu badan agensi yang sangat cekap dan pantas dalam mengambil tindakan ke atas sesuatu aduan yang dibuat ke atas anggota parti.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri, kecekapan yang sama tidak pula ditunjukkan ketika Pendaftar Pertubuhan berhadapan dengan kes yang membabitkan UMNO bahagian negeri Kelantan iaitu UMNO Tanah Merah. Di mana beberapa orang ahli UMNO telah menulis surat kepada Pendaftar Pertubuhan bertanyakan status tentang lebih daripada 2,500 cawangan UMNO seluruh Kelantan yang sebenarnya tidak pernah ditubuhkan mengikut rekod Pendaftar Pertubuhan sejourus setelah UMNO diharamkan pada tahun 1987. Misalnya yang ada dalam dokumen di tangan saya Yang Berhormat Menteri ialah cawangan Pondok Lama bahagian Tanah Merah. Tarikh mesyuarat penubuhan tidak pernah ditubuhkan.

Maksudnya daripada UMNO lama kepada UMNO baru, cawangan Pondok Lama ini tidak pernah ditubuhkan semula. Tidak ada jawatankuasa penajanya dan tidak ada mesyuarat untuk mengesahkan status cawangan sehinggalah mengisi Borang 9 setiap tahun bagi membolehkan Pendaftar Pertubuhan meluluskan atau membenarkan UMNO cawangan ini bergerak.

Rupa-rupanya kes ini bukan hanya berlaku kepada cawangan Pondok Lama bahagian Tanah Merah. Cawangan ini adalah cawangan Ketua UMNO Bahagian. Implikasinya adalah Ketua UMNO Bahagian Tanah Merah ini, dia menjadi Ketua UMNO Bahagian mewakili satu cawangan yang tidak pernah wujud. Apabila semakan ini dibuat, didapati lebih daripada 2,500 cawangan UMNO seluruh Kelantan tidak pernah didaftarkan semula. Kota Bharu misalnya hanya 15 cawangan yang didaftarkan, Tanah Merah hanya lima cawangan didaftarkan daripada 126. Tidak ada cawangan yang didaftarkan mengikut rekod Pendaftar Pertubuhan di Pengkalan Chepa. Tidak ada cawangan UMNO didaftarkan dalam Bahagian Tumpat seperti mana rekod yang tertera.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Menteri, implikasi yang besar ini membawa kepada berlaku urusan surat-menyurat daripada beberapa anggota ataupun ahli UMNO dengan Pendaftar Pertubuhan dan meminta salinan-salinan terhadap 2,500 UMNO cawangan seluruh Kelantan agar dibekalkan kepada mereka untuk tindakan-tindakan selanjutnya. Malangnya, Pengarah Jabatan Pendaftaran Malaysia baik negeri Kelantan ataupun pusat, tidak pernah memberikan kerjasama. Misalnya, seksyen 10 Akta Pertubuhan 1966 Yang Berhormat Menteri, membenarkan mana-mana rakyat Malaysia untuk memohon bagi mendapatkan dokumen atau rekod pendaftaran sesuatu pertubuhan.

Yang ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia. Seksyen 10 juga membenarkan untuk kita menulis kepada Jabatan Pendaftaran bagi mendapatkan rekod kewangan. Akan tetapi, itu hanya terbatas kepada ahli sesuatu pertubuhan berkenaan. Akan tetapi, kalau setakat untuk mendapatkan rekod pendaftaran pertubuhan, seksyen 10 Akta Pertubuhan 1966 membenarkan langkah itu dibuat. Malangnya, apabila percubaan untuk mendapatkan dokumen rasmi secara lengkap terhadap status 2,500 UMNO cawangan seluruh Kelantan ini dibuat, Jabatan Pendaftaran Negara menolak dengan alasan bahawa siasatan sedang dibuat oleh Bahagian Penguat Kuasa Pendaftaran terhadap seluruh cawangan UMNO negeri Kelantan, seluruh UMNO negeri Kelantan dan Badan Perhubungan UMNO negeri Kelantan.

Siasatan ini telah dibuat sejak tahun 2010 lagi. Sekarang sudah dua tahun siasatan dibuat. Malangnya, tidak ada pun makluman balas diberikan kepada ahli yang bertanya kepada pendaftar pertubuhan berkenaan status ini. Saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, yang pertama, bagaimanakah aplikasi terhadap seksyen 10 Akta Pertubuhan 1966 yang membenarkan mana-mana rakyat Malaysia menulis kepada Pendaftar Pertubuhan untuk mendapatkan dokumen berkaitan dengan status kewujudan sesebuah pertubuhan? Baik pertubuhan politik mahupun pertubuhan sosial.

Keadaan bagaimana seksyen 10 ini tidak membolehkan seseorang rakyat memohon mendapatkan dokumen berkaitan dengannya atau apakah keengganan Jabatan Pendaftaran Negara memberikan maklumat adalah kerana kegagalan lebih 2,500 UMNO cawangan seluruh Kelantan sebenarnya tidak pernah pun ditubuhkan sejourus diharamkan pada tahun 1987.

Beberapa dokumen yang ada di tangan saya menunjukkan bahawa kedudukan cawangan UMNO yang dipegang ketua bahagiannya oleh pemimpin-pemimpin utama UMNO Kelantan sebenarnya cawangan mereka juga tidak pernah ditubuhkan waktu dahulu, tidak pernah tubuh. Jadi perkara ini besar, perkara ini penting. Bukanlah soal UMNO itu tubuhkan cawangan atau tidak, ada rekod pendaftaran itu tidak tetapi lebih kepada integriti, kecekapan, kewibawaan dan ketelusan Jabatan Pendaftaran Negara berbanding dengan tindakan yang diambil misalnya ke atas parti pembangkang.

Saya lalui sendiri apabila hanya kerana memecat seorang ahli yang bertanding sebagai calon bebas melawan calon parti sendiri dan seksyen dalam Perlembagaan Keadilan seksyen 27 membenarkan tindakan disiplin diambil. Itu pun apabila yang dipecat mengadu kepada Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Pendaftaran Negara surat kenapa Parti Keadilan tidak boleh dibatalkan kerana memecat seorang ahli tanpa mengikuti peraturan walhal tertera dalam seksyen 27, sesuatu pelanggaran disiplin seperti itu boleh diambil tindakan.

■1150

Malangnya apabila berlaku kepada 2,500 lebih UMNO cawangan seluruh Kelantan ini, percubaan untuk mendapatkan dokumen yang dijamin di dalam seksyen 10 Akta Pertubuhan, Pendaftar Pertubuhan tidak dapat memberikan kerjasama dengan alasan mereka sedang menyasat status UMNO cawangan seluruh Kelantan telah pun lebih dua tahun mereka ini siasat. Ini bukan soal isi borang 9 Yang Berhormat Menteri, ini bukan soal itu.

Saya pun pernah jadi Setiausaha Pemuda UMNO Malaysia, jaga 17,000 cawangan Pemuda UMNO. Borang 9 ini wajib kita hantar tetapi yang ini bukan soal borang 9. Ini adalah cawangan yang tidak pernah ditubuhkan sejurus UMNO lama diharamkan. Saya mohon Yang Berhormat Menteri ketika penggulungan nanti dapat memberi reaksi terhadap perkara yang saya bangkitkan dan *insya-Allah* saya akan mendengar dan jika diizinkan, memberikan lagi beberapa maklumat berasaskan dokumen yang ada di tangan saya. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sr Gading.

11.53 pg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin bersama-sama untuk memperkatakan di dalam Kementerian Dalam Negeri, P.62, B.62. Saya terus kepada tajuk yang hendak saya sentuh iaitu Butiran 020000 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan khususnya Butiran 020100 - Pengurusan Polis. Saya berharap Kementerian Dalam Negeri dapat memberikan perhatian yang besar, yang berat kepada isu gred gaji pegawai dan anggota polis.

Saya juga menyeru pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Polis (SPP) perlu segera menyediakan laporan gaji kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Desakan harus dibuat, bukan SPP sekadar memohon. Seriuslah sedikit memohon, memohon dan selepas itu menunggu jawapan daripada JPA, *khalas* kata orang Arab, selesai. Tidak boleh jadi begitu.

Tuan Pengerusi, apa yang kita perjuangkan ini kerana Polis Diraja Malaysia ini bukan kepalang penting bagi negara kita. Mereka sebuah pasukan yang sangat berjasa bersama dengan anggota lain seperti angkatan tentera, mengorbankan jiwa dan raga, nyawa dan darah. Jadi sudah sewajarnya kita lihat semula skim gaji mereka. Biar keadilan berlaku. Sebagai contoh Tuan Pengerusi lulusan diploma, polis punya gaji baru RM4,480, diploma sedangkan perkhidmatan awam RM5,730. Pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah sebanyak RM6,121. Ini perbezaan tetapi lulusan yang sama, diploma.

SPRM. Ini bukan pula saya bertanya kepada rakan-rakan yang ada dalam perkhidmatan polis, mereka bukanlah pula marah kepada perkhidmatan awam ataupun SPRM, tidak. Jadi mereka tidak marah atas kelebihan gaji dan elaun yang pihak-pihak lain itu terima, dia tidak marah cuma mereka perlukan atau mereka mahu suatu keadilan, itu saja. Kita sudah sebut ini di peringkat Jawatankuasa, kita telah pun menyentuh di peringkat Jabatan Perdana Menteri peringkat jawatankuasa bulan yang lalu.

Kita menyebut di sini tetapi saya berharap Kementerian Dalam Negeri harus membela nasib anggota mereka sendiri. Saya Ahli Parlimen, kita di Parlimen ini membela, menyuarakan sesuatu yang wajar tetapi Kementerian Dalam Negeri, SPP harus melipatgandakan usaha mereka untuk menentukan pembelaan yang sewajarnya kepada nasib anggota mereka sendiri. Ini bukan hendak marah sesiapa, bukan hendak mengecam sesiapa tetapi hendak memberikan semangat kepada Kementerian Dalam Negeri dan juga SPP, tolonglah serius sedikit ambil perkara ini.

Gaji Polis Diraja Malaysia yang saya difahamkan Tuan Pengerusi, lebih rendah daripada gaji polis di negara-negara yang lain. Jadi sudah sampai masanya SPP merangka gaji dan elaun anggota polis dan anggota polis hendaklah mempunyai skim gaji yang tersendiri. Jangan lagi duduk di bawah JPA.

Jadi saya berharap Tuan Pengerusi, pihak Kementerian Dalam Negeri memberikan perhatian yang berat, yang serius kerana dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa dia sedia, telah dan sentiasa akan mendengar rintihan anggota polis.

Perdana Menteri membuka pintu yang seluas-luasnya. Jadi janganlah pula pihak Kementerian Dalam Negeri, SPP tidak mengambil peluang di atas bagaimana seorang Perdana Menteri ingin sangat mendengar polis. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mendengar dan ingin mendengar rintihan anggota polis, sudah barang tentu insya-Allah kalau ada usaha yang bersungguh-sungguh ini akan dapat dijayakan. Jangan lupa, Dewan yang mulia ini saya mengingatkan Polis Diraja Malaysia 200 lebih umurnya bertugas, berkhidmat 200 lebih untuk kepentingan bangsa, agama dan negara dan rakyat. Maka sudah sewajarnya kita memberikan keadilan kepada mereka. Ini soal keadilan, memberikan keadilan kepada mereka.

■1200

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Macam mana pula yang berkhidmat masa darurat, ramai yang mati itu. Yang Berhormat tidak sebut juga. Sebutlah juga.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itulah kalau boleh SPP ini juga merangka itu semua. Saya bersetuju dengan Tuan Pengerusi. Mereka yang berkhidmat di peringkat awal, bertentangan sangat dengan komunis, masuk ke hutan. Jadi agaknya SPP juga bolehlah menyentuh. Apa yang disarankan oleh Tuan Pengerusi, diharapkan masuk dalam ucapan saya. Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Puchong.

12.01 tgh.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya juga turut terlibat dalam perbahasan ini. Saya merujuk kepada B.62 khususnya Butiran 12000 – Balai-balai dan Pondok Polis, Butiran 13000 – Pusat Latihan dan juga Butiran 35000 – Pejabat-pejabat Rumah Kediaman.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita mendengar rintihan daripada orang awam berkenaan dengan cara bagaimana pihak polis khususnya di balai polis bertindak, dengan izin, *how they deal with members of the public*, dengan orang-orang awam. Kita dengar banyak daripada kementerian, Kementerian Dalam Negeri berkenaan dan berkaitan dengan usaha-usaha yang perlu diambil untuk menambah baik dan menaik taraf sistem perkhidmatan anggota polis PDRM kepada orang ramai. Dalam masa yang sama, kita tengok bahawa dalam bajet yang dibentangkan, memang banyak wang dan dana dikeluarkan untuk tujuan-tujuan tertentu yang lazimnya di *generalize* sebagai untuk menaiktarafkan taraf sistem polis di Malaysia.

Akan tetapi apa yang kita lihat *on the ground* Tuan Pengerusi, adalah cukup berbeza yang mana kerajaan menyatakan bahawa negara kita, sistem pasukan polis tersebut itu telah pun berubah yang mana ada kelemahan-kelemahan tersebut. Memang kelemahan-kelemahan tersebut telah pun kita *identified*, kita kenal pasti dan juga terdapat tindakan diambil untuk memperbaiki masalah-masalah tersebut. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang hadir, pertama sekali saya telah pun berharap bahawa Menteri sendiri dapat hadir pada pagi ini untuk mendengar perbahasan Ahli-ahli Parlimen. Saya rasa ini adalah satu perkara yang cukup penting. Seharusnya Menteri sendiri hadir khususnya apa yang kita baca dalam akhbar hari ini berkenaan dengan isu yang berbangkit.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya, selepas kita melalui kes-kes seperti kes Kugan, kes Teoh Beng Hock, kes Ahmad Sarbani dan sebagainya yang mana di dalam semua kes ini, apa yang dibangkitkan adalah isu berkaitan dengan masalah dalam balai dan sebagainya di mana rakyat jelata ditangkap, di bawa ke balai. Apa yang berlaku di dalam balai tersebut kita tidak tahu sehinggalah di dalam kes-kes tersebut, apa yang kita lihat adalah mayat yang kemudian keluar daripada balai tersebut.

Jadi isu ini bukanlah isu yang baru. Isu ini telah pun kerap bangkit. Tahun 90-an ada kes Lee Guat Leong. Ada banyak lagi kes yang saya boleh senaraikan tetapi perkara yang perlu kita tanya adalah, bagaimana kerajaan telah pun menangani masalah ini?

Apakah yang telah pun dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa sistem-sistem kepolisan di balai polis itu telah pun dinaik taraf, diperbaiki, diperbetul supaya insiden-insiden ini tidak berlaku lagi? Tidak ada. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita lihat bahawa dalam kes Teoh Beng Hock misalnya. Ada inkues, selepas itu ada RCI. Dalam RCI tersebut dengan cukup jelas dinyatakan bahawa perlu, *the report is here*. Ada dinyatakan dengan cukup jelas apa yang perlu dibuat untuk kita memastikan terdapat pertukaran fikiran pada pihak polis dalam masa siasatan. Apa guna kita ada RCI, apa guna kita ada inkues, apa guna kita ada siasatan kalau memang kita lihat apa yang dicadangkan tersebut memang tidak diikuti?

Jadi saya hendak tahu, adakah kerajaan tahu apakah yang telah pun dicadangkan dalam RCI misalnya Teoh Beng Hock dan apakah tindakan yang telah pun diambil sehingga sekarang? Adakah kerajaan mengambil berat? Adakah pihak balai-balai polis kita sekarang ini dinaiktaraf di mana kita boleh lihat bahawa balai polis kita boleh bersaing dengan balai-balai polis di negara-negara lain? Sistem siasatan misalnya dari masa seseorang itu ditangkap, apabila anggota polis itu menangkap seseorang biarpun di mana, *whether it's on the street or even in the balai*. Sistem itu, apakah undang-undang apabila mereka tangkap, bawa ke balai, dari masa mereka di balai, semasa mereka disiasat, sehingga kes itu dibawa ke mahkamah. Apakah tindakan kerajaan untuk menaik taraf supaya kita dapat melihat *there is more transparency*?

Misalnya apa yang dicadangkan, satu isu yang cukup *simple* Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dicapangkan supaya semua balai polis ada sistem rakaman CCTV. Kalau kita ada CCTV, memang sudah tahu, pihak polis, anggota polis itu tahu bahawa kalau dilihat, semua tindakan mereka akan dirakamkan. Oleh itu, dalam keadaan tersebut, memang mereka pun tidak berani untuk melakukan kesalahan. Walaupun ada kesalahan, memang kita dapat tahu. Ini bukan sahaja untuk orang awam. Ini juga untuk menjaga imej negara kita yang mana kalau berlaku satu masalah di balai polis tersebut, memang ada rakaman yang mana kerajaan boleh menunjukkan siapa yang bersalah, siapa yang tidak bersalah. Itu yang kita hendak. Bukan susah sangat, *simple things*.

Adakah cadangan dibawa oleh kerajaan supaya cara dalam mana seorang saksi itu disiasat, cara itu dijadikan cara yang lebih efektif? Daripada segi kita ada *safeguards* untuk kedua-dua belah pihak - untuk pihak polis, untuk pegawai penyiasat, satu dan untuk orang yang disyaki, yang kedua. Kalau saksi awam lagi teruk. Bagaimana dengan keadaan kes kalau seorang saksi awam tersebut mengadu, semasa siasatan itu, mereka diapa-apakan? Adakah sebarang tindakan diambil? Tidak guna kita datang ke Parlimen, kita kata, "*Ya. Memang kita sedar bahawa jenayah ini meningkat*". Akan tetapi itu *perception* sahaja. Itu lain. Akan tetapi perkara pokoknya adalah kita tahu masalah ini ada. Kalau kita tahu masalah ini ada, kenapa sampai sekarang kita tidak ambil tindakan. Itu satu.

Bagaimana dengan IPCMC? Kenapa kita ada IPCMC tersebut? Di bawah zaman pemerintahan Tun Abdullah Badawi, Perdana Menteri yang lalu, memang diberi pengesyoran bahawa kita akan melaksanakan IPCMC. Kenapa sampai sekarang kerajaan tidak berani hendak melaksanakan IPCMC? Ini satu perkara yang perlu dijawab. Kita lihat perkara ini dibawa dalam media hari-hari tetapi kerajaan, kementerian duduk senyap begitu sahaja. Memang tidak mahu jawab. *This is the problem*, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kes yang baru-baru ini kita lihat, yang mana seorang wanita Indonesia dirogol oleh pihak polis, anggota polis. Ini perkara yang cukup serius. Keluar dalam surat khabar Tuan Pengerusi, sehingga ada demonstrasi di merata-rata tempat: NGO di negara ini; NGO di Indonesia, sehingga bendera kita pun dibakar.

Apabila pihak media tanya kepada Menteri, apa yang Menteri katakan. Beliau mengatakan, "*Oh! Kita sudah buat apa yang kita boleh. Tidak ada apa-apa lain yang boleh kita buat*". *What kind of answer is this?* Apakah Menteri ini? Menteri ini saya rasa tidak tahu apa yang berlaku. *He does not know, he is out of touch. Quiet all the time*, Menteri Dalam Negeri, *one of the most powerful ministries in this country. Nothing else we can do*. Ini bukan pertama kali Yang Berhormat Timbalan Menteri, Timbalan Menteri pun tahu. Dalam tahun 2008, sama.

Saya ada bangkit di dalam Dewan ini juga, satu kes di Putra Heights yang mana seorang wanita, 17 tahun umurnya. Pukul 6 pagi, beliau dengan seorang teman lelaki beliau di atas motosikal.

■1210

Pihak polis datang dalam kereta petrol, *petrol car come sue them and arrest them* bawa ke Balai Polis Putra Heights. Di Balai Polis Putra Heights apa berlaku? Teman lelaki dibawa ke satu bilik, teman perempuan tersebut dibawa ke bilik lain. Dalam bilik lain tersebut apa berlaku? *Can you imagine?* Dalam balai polis dibawa ke situ dalam petrol car, disiasat dalam balai polis dalam bilik siasatan. Apa yang dia buat? Saya boleh baca, *report* ada di sini. Minta dia keluarkan pakaian dia, melakukan seks. *He is in a police uniform.* Melakukan *oral sex*. Selepas itu bagi tahu perempuan tersebut, jangan takut ini bukan kali pertama saya jumpa wanita macam kamu. Laporan polis yang mengatakan. Saya nak tahu apa tindakan yang diambil oleh kementerian sejak itu untuk memastikan bahawa kejadian ini tidak berlaku lagi?

Kita tak tahu bagaimana perasan mangsa tersebut. Menteri jawab dia cakap apa? Menteri jawab *"Oh! Saya dah ambil tindakan. Malaysia sistem, di bawah undang-undang tersebut kita sudah bawa ke mahkamah."* Itu bukan isu dia. Bawa ke mahkamah lain Timbalan Menteri. Kita nak cari jalan macam mana perkara ini tidak berlaku. *This is what we are looking for. You want it to stop.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta maaf Tuan Pengerusi. Ada dua perkara lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat tak payah emosional cakap macam itu sebab kalau Yang Berhormat bertanya-tanya tindakan, tak kan panjang sangat?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini isu yang cukup penting Tuan Pengerusi kerana semua orang tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya faham dia punya kepentingan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sepuluh minit, sepuluh minitlah Tuan Pengerusi. Saya pun nak bahas juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya faham dia punya kepentingan Yang Berhormat, saya percaya juga ini penting tetapi bukan maknanya kita akan mengetepikan kehendak orang lain nak bercakap.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya setuju Tuan Pengerusi tapi masalah dia Tuan Pengerusi, kalau kita tanya dalam media, dia langsung tak nak jawab. Inilah kelakuan Menteri kita. Bila kita minta dia datang ke Parlimen untuk *debate* pun dia tak datang. *This is the kind of Minister that we have.* Jadi saya nak tahu, dalam perbahasan nanti saya nak tahu *what has the government done?* Apakah yang dilakukan oleh kementerian untuk memastikan bahawa perkara-perkara ini tidak berlaku? Juga bersangkutan dengan perkara itu Timbalan Menteri, ada satu laporan polis. Lapornya, USJ8/003922/11, dilaporkan pada 5 April 2011. Di dalam laporan polis ini, lima lelaki India di kawasan Sri Serdang dalam kawasan Parlimen Puchong.

Pada satu pagi mereka sedang minum kopi, ada dua kereta. Kereta putih masuk ke tempat mereka minum kopi tersebut. Ada anggota yang keluar dan mereka ini berpakaian hitam iaitu pakaian preman. Mereka ada senapang, mereka ada gari. Mereka tangkap lima orang ini dan bawa lima orang ini pergi. Sehingga sekarang saya tanya pihak polis apa berlaku, di manakah orang ini?

Timbalan Menteri, saya tidak dapat satu jawapan pun. Saya telah bawa perkara ini, saya ada juga hantar memorandum ke Pejabat IGP di Bukit Aman. Ada anggota yang datang turun bawah ambil memorandum daripada saya tetapi sampai sekarang tidak ada satu balasan *not even a phone call!* Saya nak tahu apa sudah berlaku kepada lima lelaki India ini? Di manakah mereka kerana sehingga sekarang sudah lebih satu tahun? Keluarga mereka semua nak tahu.

Apakah pihak polis yang ambil mereka. Adakah sekarang mereka masih hidup ataupun sudah mati? Itu yang saya nak tahu dan kalau pihak polis tidak tahu di mana mereka, saya nak tahu pihak polis apa berlaku di kawasan Sri Serdang di Malaysia di mana terdapat juga orang-orang yang bawa kereta ada gari, ada pistol boleh keluar begitu sahaja. Orang minum kopi boleh mereka tangkap bawa begitu sahaja. Kenapa pihak polis langsung tidak jawab soalan ini? Saya nak tahu. Kalau boleh saya dapat jawapan tersebut Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Rembau.

12.14 tgh.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pergi terus kepada Butiran 80000 Maksud P.62 NKRA 1 – Mengurangkan Kadar Jenayah (*Crime*). Tuan Pengerusi, kalau kita lihat kepada pencapaian NKRA, pengurangan jenayah. Kita melihat bahawa sejak NKRA ini diperkenalkan pada tahun 2010, sudah ada pengurangan daripada segi jenayah sama ada diukur melalui *index crime* ataupun non *index crime* dan perkara ini saya melihat adalah satu pencapaian, satu *validation* dengan izin, bahawa pendekatan NKRA ini telah pun berjaya. Namun begitu, saya ingin menarik perhatian Dewan dan juga jawatankuasa dan juga Timbalan Menteri kepada pemerincian mengenai statistik yang berhubung kait dengan penurunan kadar jenayah tersebut. Kalau kita lihat kepada *index crime*, ia telah jatuh daripada 209,817 pada tahun 2009 kepada 157,891 kes pada tahun 2011.

Ini menunjukkan penurunan selari dengan NKRA ini diperkenalkan. Kita juga melihat bahawa non *index crime* sebab biasanya tuduhan ini adalah bahawa *index crime* menurun tetapi non *index crime* masih lagi di tahap yang masih tinggi tetapi statistik menunjukkan bahawa non *index crime* juga telah menurun daripada 75,000 sehingga 72,000 pada tahun 2010 – 2011. Akan tetapi saya ingin menarik perhatian Jawatankuasa dan juga Timbalan Menteri bahawa kes bilangan non *index crime* ini sebenarnya walaupun telah menurun pada tahun 2011 berbanding dengan 2010, ia masih ada di tahap yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan tahun 2007 iaitu hanya 42,000 sahaja dan meningkat sehingga 75,000 pada tahun 2010.

Jadi soalan saya, saya minta dengan terperinci *breakdown* dengan izin, non *index crime* dan apakah sebab daripada tahun 2007, 2008, 2009 dan 2010 non *index crime* ini terus meningkat? Ini yang perlu diberi perhatian oleh kementerian agar tuduhan bahawa *index crime* menurun tetapi non *index crime* terus meningkat sehingga tahun 2010 dan sama ada untuk tahun 2012 ini, non *index crime* ini masih lagi menunjukkan trend meningkat ataupun meneruskan trend penurunan daripada tahun 2011.

Jadi saya minta Timbalan Menteri memberi jawapan terperinci mengikut setiap *description*, setiap non *index crime* bukan hanya bagi jawapan umum mengenai non *index crime* secara keseluruhan tetapi dengan terperinci mengenai setiap non *index crime* yang meningkat. Saya nak tahu apakah jenis non *index crime* dan juga *index crime* yang masih lagi menunjukkan peningkatan agar kita dapat satu gambaran dan memberi satu perbincangan dan input yang lebih teliti, yang lebih terperinci daripada kita hanya bercakap soal *index crime* dan non *index crime* secara umum. Secara spesifik saya nak tahu daripada tahun 2009 hingga 2010 di mana kita melihat peningkatan non *index crime* sebanyak 10,000 kes dalam satu tahun. Saya nak tahu apakah sebab peningkatan tersebut dan jenis apakah jenayah tersebut? Apakah jenayah yang berhubung kait dengan orang awam, biasa dan sebagainya ataupun adakah jenayah yang lebih spesifik yang perlu kita tahu?

Seterusnya saya nak tanya apakah perbandingan kadar jenayah Malaysia daripada segi kes-kes yang dilaporkan. Kes-kes *index crime* dan non *index crime* per kapita dibandingkan dengan negara-negara lain. Saya nak tahu sama ada pentakrifan *index crime* yang kita pakai di Malaysia ini sama ataupun *comparable* dengan izin dengan negara-negara yang lain. Jadi kita dapat buat perbandingan *apple* dengan *apple* dan bukannya kita dapat satu trend yang sebenarnya tidak menjadi amalan di negara-negara yang lain.

■1220

Berhubung kait dengan itu Tuan Pengerusi saya merujuk kepada Butiran 110600 iaitu Memperbaiki Persepsi (*improvement of safety perception index*) dengan izin. Saya rasa ini adalah satu perkara yang penting sebab seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, seperti mana yang disebut oleh Perdana Menteri antara masalah kita selain daripada masalah hakiki jenayah, *the real problem of crime* dengan izin, adalah masalah persepsi. Disebabkan setiap *indicator* sama ada *indicator* jenayah, *index crime*, *non index crime*, NKRA menunjukkan trend penurunan. Akan tetapi trend ini tidak digambarkan ataupun tidak dirasakan oleh masyarakat umum di mana persepsi jenayah masih lagi di peringkat yang agak membimbangkan.

Walaupun kita melihat kepada *external validation* kalau kita tengok kepada validasi daripada pihak ketiga sama ada *global peace index*, *world economic forum*, *global competitiveness report*, *world justice project*, *fear of crime index survey* yang dibuat oleh TNS, UIA telah buat satu *survey*, semua menunjukkan bahawa ada pengurangan dari segi kebimbangan mengenai jenayah. Akan tetapi kalau kita tengok dari segi bukti *anecdotal* mana-mana sahaja kita tanya masyarakat umum mengenai kebimbangan mereka terutamanya di Lembah Klang, di Kuala Lumpur dan juga di sekitar Petaling Jaya, Subang Jaya dan sebagainya. Antara kebimbangan nombor satu mereka adalah kebimbangan keselamatan hatta yang berhubung kait dengan jenayah.

Oleh sebab itu saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi, apakah pendekatan terbaik untuk memastikan bahawa kes-kes tersebut, *anecdotal* terutamanya yang dibangkitkan dalam media sosial. Saya rasa antara tempat, medan platform yang paling banyak dibahaskan soal jenayah dan kes-kes tertentu adalah dalam media sosial, sama ada dalam *Facebook*, dalam *Twitter* atau pun melalui e-mel yang disebarkan di kalangan masyarakat umum.

Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab sama ada PDRM atau pun Kementerian Dalam Negeri telah membuat kajian tentang laporan dan juga kes-kes yang dilaporkan dalam media sosial sama ada kes-kes tersebut adalah *current cases*, kes yang memang wujud sekarang ataupun kes-kes yang sudah diselesaikan? Apakah PDRM juga mempunyai inisiatif bagi menjawab segala isu yang dibangkitkan dalam media sosial.

Saya bagi contoh, beberapa bulan yang lepas sebuah video rakaman disebarkan luas dalam *Facebook*, dalam *Twitter* mengenai penderaan kepada seorang anak kecil. Apabila video itu di sebarkan dalam media sosial, tanggapan masyarakat umum pada waktu itu, pada hari tersebut adalah bahawa video itu adalah kes terkini dan tidak ada tindakan. Saya diminta sebagai Ahli Parlimen membuat laporan polis, bertindak dan sebagainya. Apabila dirujuk kepada PDRM dan KDN rupa-rupanya kes itu, video itu adalah kes daripada tahun lepas.

Jadi, bukan saya hendak buat tuduhan bahawa setiap kes yang dibangkitkan dalam media sosial itu adalah kes yang di kitar semula atau pun kes yang berlaku dan sudah diselesaikan. Akan tetapi saya minta pandangan dan maklum balas daripada Kementerian khususnya daripada PDRM sama ada PDRM atau pun Kementerian Dalam Negeri telah buat satu *survey* di mana dalam seminggu atau pun sebulan itu telah mengambil kes-kes yang dibangkitkan dalam *Facebook*, dalam *Twitter* atau pun dalam mana platform dalam media dan kaji sama ada kes tersebut adalah kes yang memang berlaku sekarang atau pun kes yang di kitar semula.

Disebabkan disensasikan, sebenarnya menjadi kes yang sudah diselesaikan, tetapi dapat putaran semula oleh sebab disensasikan dan memberi gambaran seolah-olah persepsi *crime* itu lebih daripada apa yang menjadi realiti.

Ini penting sebab dalam kita sebut soal persepsi jenayah, kita hendak pastikan bahawa apa yang diceritakan itu benar-benar berlaku atau pun tidak. Saya sekali lagi tidak mahu dianggap bahawa membuat tuduhan terhadap masyarakat umum bahawa kita terlalu *alarmist*, kita mereka kes dan sebagainya. Ini semua kita anggap bahawa setiap aduan daripada rakyat, setiap kes yang diedar dan disebarkan dalam media sosial itu penting sebab mungkin ia berlaku.

Akan tetapi saya hendak bertanya sama ada untuk membantu, membanteras masalah persepsi ini kita dapat menjawab dengan tepat dan tegas dengan cepat bahawa kes-kes tersebut sama ada tidak berlaku ataupun sudah lama dapat diselesaikan atau pun kes yang baru berlaku dan dapat ditangani oleh pihak PDRM.

Akhirnya Tuan Pengerusi adalah Butiran 100100 – Pengisian Perjawatan Baru. Peruntukan sebanyak RM158 juta di bawah Butiran berkenaan untuk pengisian perjawatan baru oleh PDRM. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawatankuasa ini demikian, apakah perincian bagi perjawatan ini dan lokasi manakah akan jawatan baru ini ditempatkan. Ini penting sebab kita hendak tahu sama ada jawatan baru ini diisi dan ditempatkan di tempat yang sama seperti mana kita kenal pasti *hot spot* dan sebagainya. Apakah jawatan-jawatan dan perjawatan baru ini telah diisi dan telah diletakkan di jawatan-jawatan untuk memastikan bahawa kadar jenayah di jawatan berkenaan itu dapat diturunkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pokok Sena.

12.26 tgh.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan ruang kepada saya untuk terlibat dalam B.62. Saya hendak menyentuh pertama sekali ialah Butiran 010100 – Pengurusan. Saya ingin dapat penjelasan daripada pihak kementerian terhadap masalah ketiadaan caruman KWSP bagi pegawai, anggota, lain-lain pangkat lantikan kontinjen Sarawak dan bayaran insentif wilayah.

Didapati kerajaan tidak mencarum, tidak masuk caruman di KWSP itu kepada kumpulan itu kepada kumpulan ini lebih kurang 2,067 orang anggota polis ini sehingga 10 Februari 2010. Saya difahamkan bahawa mereka telah pun menulis surat kepada PDRM bertanya tentang kedudukan caruman mereka. Satu benda yang pelik, caruman mereka ini sama ada caruman mereka dan juga caruman majikan tiba-tiba tidak dimasukkan ke dalam KWSP sedangkan sebahagian daripada mereka ini sudah pun pencen. Sebahagian daripada mereka ini sudah pun pencen.

Mereka telah pun memaklumkan kepada pihak PDRM sejak daripada tahun 2010 lagi tentang kedudukan mereka. Akan tetapi sehingga kini, saat ini, baru saya telefon tadi kepada salah seorang daripada pegawai polis itu, mereka masih belum mendapat caruman tersebut. Jadi satu benda yang sangat pelik bagi saya. Setahu saya Yang Berhormat Timbalan Menteri pun seorang bekas anggota polis. Satu benda yang pelik tiba-tiba caruman itu tidak dimasukkan, sedangkan potongan dibuat dan sudah tentu caruman kerajaan juga sepatutnya dimasukkan.

Akan tetapi yang sahnya, yang pastinya saya katakan bahawa caruman kerajaan itu tidak dimasukkan. Jadi, satu benda yang sangat pelik bagaimana untuk 2,067 orang, apa yang dinamakan pegawai, anggota lain-lain pangkat lantikan kontinjen Sarawak dan bayaran insentif wilayah. Jadi, bagi saya tidak sepatutnya boleh berlaku hal yang sebegini. Jadi, isu yang saya hendak sebut bahawa 2010 mereka buat *report*, mereka buat aduan kepada PDRM dan PDRM telah memaklumkan kepada mereka telah pun merujuk, telah majukan kepada pihak kewangan Kementerian Dalam Negeri pada 16 Julai 2010. Sehingga kini kami masih menunggu kelulusan untuk pembayaran caruman dan dividen KWSP yang tertunggak tersebut. Jadi sampai sekarang ini. Ini 2010 tetapi saat ini masih belum dimasukkan.

Jadi saya mintalah diambil tindakan yang segera. Tidak sepatutnya duit ini dilambat-lambatkan. Kadang-kadang kalau ada majikan-majikan yang swasta dan sebagainya kalau tidak dicarumkan, kalau orang buat *report* kena. Jadi sepatutnya kena ambil tindakan kepada Kementerian Dalam Negeri kepada pihak Polis Diraja Malaysia kerana tidak masuk caruman wang KWSP itu ke dalam KWSP.

Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Kemudian ada dua perkara akhir iaitu 020000 – Polis Diraja Malaysia (PDRM). Pertama, saya hendak mendapat penjelasan tentang jumlah. Saya minta jumlah saman trafik yang khususnya yang berkaitan dengan pelanggaran kepada had kelajuan. Sejak ia beroperasi, sejak ia dilakukan oleh pihak polis melalui *speed trap* dan sebagainya. Sejak penggunaan kamera itu digunakan oleh pihak polis. Saya hendak tahu sejak bila, tahun bila penggunaan kaedah ini, penggunaan kamera ini. Sehingga sekarang, jumlah saman yang dikeluarkan oleh pihak polis. Saman yang telah pun dikeluarkan oleh pihak polis kerana kita lihat bahawa macam walaupun banyak saman yang dikeluarkan tetapi gagal untuk mengatasi masalah kemalangan jalan raya.

■1230

Kini, AES pula, Kementerian Pengangkutan menggunakan pula kamera AES pula untuk hendak saman mereka, kononnya atas alasan untuk mengurangkan kadar kemalangan. Sama seperti mana polis yang menggunakan kamera polis ini untuk tujuannya bagi mengurangkan kadar kemalangan tetapi hakikatnya bahawa kemalangan gagal seperti mana yang didakwa oleh Kementerian Pengangkutan. Jadi, saya minta penjelasan.

Yang kedua, untuk yang terakhir ini. Baru-baru ini jawapan kepada Yang Berhormat Jerai daripada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Yang Berhormat Menteri telah pun membuat penjelasan tentang isu kamera polis iaitu *leather digi cam* dan *true cam* yang dibeli oleh pihak kementerian dan juga oleh pihak polis. Kalau *leather digi cam* dibeli oleh pihak Kerajaan Malaysia ini, RM173,925 satu unit. Ini sebanyak 85 unit. Kemudian 39 unit *leather true cam* dibeli dengan harga RM223,000 sebanyak 501 unit.

Saya hendak minta penjelasan, bagaimana kaedah pembelian ini? Apakah ia dibuat satu *open tender*, bagaimana perolehan kepada kamera itu diperoleh? Adakah dibuat secara *open tender* dan syarikat mana yang terpilih untuk membekal kamera *leather digi cam* dan juga *leather true cam*. Sebab apa Tuan Pengerusi, saya melihat bahawa harga ini begitu tinggi berbanding dengan negara-negara lain yang juga menggunakan *leather digi cam* dan *leather true cam* model yang sama. Di tangan saya ini ada kertas dokumen daripada *State of Idaho*, Amerika Syarikat... [Diperbetulkan sebutan oleh beberapa Ahli] Idaho, sorry. Sebab saya tak duduk sana.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Idaho.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *State of Idaho* daripada US. Kertas ini menunjukkan bahawa harga yang ditawarkan adalah sekitar USD5,000 untuk *true cam* yang digunakan oleh pihak PDRM. USD5,000 termasuk aksesori, waranti dan servis. Bermakna, bahawa kalau kita *convert* kepada Ringgit Malaysia, saya percaya bahawa ia mungkin hanya dalam sekitar RM15,000 satu *true cam*. Dalam sekitar RM15,000 sedangkan kita beli *true cam* ini iaitu RM223,500 satu unit. Itu *State of Idaho*, betul ya sebut? Pasal saya tak pernah duduk di Amerika.

Yang kedua, ini *State of Delaware*... [Disampuk] Ya? Delaware, jadi kita pernah duduk macam orang duduk di *Oxford University*. *State of Delaware*, Delaware. Ini di tangan saya, ini kertas *government*, kertas gomen, gomen. Ini untuk *leather digi cam* yang dibeli oleh kerajaan kita sebanyak 107, ini tahun 2011. Hak kerajaan beli ini daripada tahun 1995 lagi. Ini tahun 2011. *Leather digi cam* ini kita beli dengan RM173,925 satu unit. Akan tetapi di *State of Delaware* ini, kalau beli satu unit - RM6,307, satu hingga 10 unit - USD6,378. Kalau beli lebih dari 10 unit - USD6,073. Kerajaan kita beli *leather digi cam* ialah RM173,925. Baik, itu dua. Ini *State of Montana*. Ini sebut betul ya? Bukan Lana Bulu. [Ketawa] Ada di Jerlun dipanggil Lana Bulu. *State of Lana Bulu, District of Lana Bulu*. [Ketawa] Ada di Kedah ada nama Lana Bulu, Ceruk Ketiak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Jam itu berjalan Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Orang Amerika tak pandai sebut ceruk ketiak. Suruh dia sebut ceruk ketiak, dia pun tak tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tak payah *repeat* Yang Berhormat. Jam, jam itu berjalan Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, ya, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kalau tak, tak cukup masa nanti. Saya pun hendak dengar Delaware...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, baik, saya pun hendak habis dah, *last* dah, *last* dah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: ...Lana Bulu, Gunung Mulu pun hendak kena sebut... [Ketawa]

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tak, Lana Bulu kalau suruh orang Amerika sebut, dia kata, Oh, Honolulu?" *No, no, no*, Lana Bulu. Ha, Lana Bulu. Lana Bulu ini duduk dalam Jerlun. Yang Berhormat Jerlun tahulah Lana Bulu. Ceruk Ketiak duduk dalam Jerlun... [Ketawa] Dalam Parlimen Jerlun.

Pernah *pi* Lana Bulu?... [Bertanya kepada Yang Berhormat Jerlun] Dia tahu, dia kenal Honolulu dia keraplah *pi*. Lana Bulu mungkin dia jarang-jarang *pi*... [Ketawa] Okey, Yang Berhormat Rembau gelak ya. Baik, ini *State of Montana*. Di *State of Montana* ini pun sama. Saya hendak merujuk kepada *true cam*. Harga-harga yang ditawarkan ialah USD4,995 untuk satu unit. Jadi, saya mohon penjelasan bagaimana perbezaan harga yang begitu jauh daripada sekitar RM15,000 ke RM18,000 harga sebenar kalau dilihat kepada *State of Idaho* ini dan juga *State Delaware* dan juga *Montana* ini. Saya katakan bahawa harganya terlalu jauh tinggi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi, sebab itu saya minta sebab-saya katakan bahawa tidak mustahil berlaku sesuatu yang tidak kena kalau ia di audit oleh Jabatan Audit Negara. Seperti mana yang berlaku kepada kementerian-kementerian yang lain sebelum ini ada audit membuat penemuan bagaimana beli skru pun, harga yang murah sepatutnya tetapi harga sebenarnya harga yang begitu murah tetapi kita beli dengan harga yang begitu tinggi. Jadi, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kinabatangan.

12.39 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, ringkas sahaja Tuan Pengerusi. Butiran 020000 – Polis Diraja Malaysia (PDRM), 80000 – NKRA 1 – Mengurangkan Kadar Jenayah (*Crime*). Saya tidaklah bercakap soal *State of Delaware*, *State of Montana* seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena.

■1240

Saya ingin membicarakan soal kepolisan iaitu rakyat negara ini memerlukan keselamatan dan penurunan kadar jenayah tetapi semua ini tidak datang seperti yang leper datang melayang, yang bulat datang bergolek. Kena ada prasarana yang baik. Balai polis di kawasan saya di Kinabatangan, polis saya berkhidmat dengan baik di sana. Kadar jenayah turun, jenayah berat tidak ada tetapi kasihan, balai polis yang ada, pejabat OCPD pun susah hendak bernafas Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dahulu kerajaan janji hendak buat tetapi sampai sekarang tidak buat-buat. Kenapa? Tidak ada duitkah ataupun Kinabatangan dianaktirikan? Jadi saya mahu tahu, bila Balai Polis Daerah Kinabatangan hendak dibina? Tahun berapa dan berapa kosnya? Kalau tidak dibina, apa sebab? Sebab rakyat mengharap keselamatan di sana sini.

Seperti Yang Berhormat daripada Puchong tadi menyalahkan polis, saya tidak *defend* polis yang salah, yang bersalah itu tetap salah tetapi majoriti *performance* ataupun komitmen pihak polis itu terlalu tinggi, menyelamatkan keselamatan orang awam. Memang adalah sebilangan kecil anggota polis yang tidak berdisiplin dan ini perlu diambil tindakan. Dalam peguam pun sama juga. Daripada beribu-ribu peguam, banyak juga yang perompak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Mana-mana profesion manusia, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mana-mana pun. Dalam politik pun ada. Jadi janganlah kerana satu dua orang polis, semua anggota polis dicerca. Ini tidak adil. Saya bukan membela tetapi saya lihat anggota-anggota polis kita 99 peratus komitmen mereka tinggi, gaji mereka murah seperti yang dibangkitkan oleh rakan saya Yang Berhormat Sri Gading. Seharusnya ini yang dilihat oleh pihak kementerian...

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Itu saya sokong 100 peratus Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Bagaimana memartabatkan anggota-anggota polis kita. Mereka tidak akan mencuri, mereka tidak akan merompak kalau gaji mereka cukup. Nyawa mereka digadai menjaga keselamatan tetapi elaun mereka, gaji mereka rendah. Ini harus diambil kira. Kita mengharap keselamatan tetapi kita bersyukur negara kita di antara negara-negara yang selamat dalam dunia ini.

Bukan seperti di Selatan Thailand, di Selatan *Philippine*, di Indonesia. Hendak pergi solat pun tidak boleh, hendak pergi kerja pun tidak boleh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tapi sekejap ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Kinabatangan. Saya memang setuju bahawa segelintir anggota polis yang buat salah itu kita tidak patutlah kalau hendak salahkan sepasukan. Indonesia juga tidak betul kalau hendak salahkan seluruh Malaysia. Itu tidak betul.

Akan tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan, sama ada setuju bahawa kita perlu ada *standard operation procedure* (SOP) di mana seperti doktor, apabila doktor memeriksa dan merawat pesakit wanita, mesti ada jururawat bersama dia. Di sini bolehkah kita cadangkan supaya kalau anggota polis dia hendak menahan dan membawa tahanan wanita sama ada wanita Malaysia atau Indonesia, dia patut ada anggota polis wanita bersama? Bolehkah kita cadangkan ini supaya kita elakkan apa-apa kesalahan yang boleh berlaku.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Untuk kebaikan Yang Berhormat Bukit Mertajam, saya memang setuju sebab seharusnya perkara itu tidak berlaku. Sebagai seorang anggota polis menegakkan keadilan, menegakkan keselamatan orang awam, kita tahan wanita di sebaliknya kita guna kesempatan sebagai seorang anggota polis ke atas diri seorang wanita itu, itu tidak betul. Kalau saya ketua polis di balai itu, ada dia antara anggota saya bertindak sedemikian, saya akan ambil tindakan yang sewajarnya sebab kita tidak mahu ada anggota polis yang tidak berdisiplin sebegini. Kita tidak mahu seekor kerbau membawa lumpur, semua terpalit. Jadi kepada pihak pembangkang juga janganlah pula menyalahkan seluruh anggota polis.

Saya cukup prihatin dan mengikuti perkembangan dari semasa ke semasa. Di Indonesia ini lain sedikit. Ada hal satu orang, dia akan *drag* satu negara, dia akan mahu ganyang seluruh Malaysia. Itu tidak betul. Yang melakukan ini bukan rakyat Malaysia tetapi salah seorang daripada rakyat Malaysia yang melakukan kesalahan. Jadi mereka harus dipertanggungjawabkan. Oleh kerana itu kita mengharapkan sesuatu yang terbaik daripada pasukan polis.

Maka kita harus lihat daripada elaun mereka, kebajikan mereka, daripada perumahan mereka, tonggak gaji mereka harus dikaji. Kalau di Singapura jadi polis dapat duit kita lebih kurang RM3,000, tempat kita masuk polis berapa dapat? Akan tetapi kita mengharapkan yang terbaik. Hendak makan ikan besar, umpan kena besar. Jadi ini kena difikir. Saya tidak setuju kita menyalahkan keseluruhan kepada polis sebab pada saya, saya cukup selesa berada dalam negara ini, sebab kita dilindungi, kita jalan seorang diri kita tidak merasa terancam tetapi biarlah pula keselamatan itu diselaraskan dengan prasarana dia. Pihak polis harus diberi kewajaran yang sewajarnya, dia *deserve* untuk menerima apa juga gaji yang tinggi. Ini sudahlah gaji rendah, kita hendakkan yang terbaik pula.

Jadi saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat bawa dalam *post Cabinet* bahawa kita memang ada kebimbangan sekiranya kebajikan anggota-anggota polis kita ini tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Bukan sahaja polis, banyak lagi anggota keselamatan seperti tentera, di penjara dan sebagainya.

Saya juga ingin mencadangkan, baru-baru ini ada kejadian di mana apabila ada kebakaran berlaku, bomba terpaksa merentasi *traffic jammed*. Saya mencadangkan kalau boleh setiap kereta bomba yang ada *emergency* diiringi oleh *rider* polis. Ini kerana apabila berlaku begini, maka kemalangan berlaku. Kereta bomba ini bukan macam kereta biasa. Dia banyak *equipment* yang boleh bergerak ke kiri dan ke kanan dan sudah pasti apabila ianya tersalah *handle*, banyak pili dia tercabut dan sebagainya dan mengakibatkan kemalangan jalan raya. Jadi ini saya menerima SMS daripada orang awam supaya kalau boleh bila bomba ada *emergency* kebakaran, *rider* polis kena mengiringi untuk meredakan kesesakan jalan raya.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih dan menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai.

12.48 tgh.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk Butiran 080000 – Pendaftaran Pertubuhan di mana di negara kita semalam kita tergejar dengan satu isu di mana di kawasan Ampang seorang pemuda ditetak di kepala dan putus kepala dan seorang lagi meninggal dunia. Jadi apa sebenarnya yang berlaku adalah gengsterisme di mana gengsterisme ini perlu ada pengawalan. Jadi saya mahu tanya dengan kementerian, apakah langkah-langkah yang diambil untuk kalau boleh mendaftar semua geng ini? Kalau kita dengar, ada pelbagai geng. Dia kata 08, 03, 04, 01, 36, macam-macam.

■1250

Jadi ini semua merangkumi ahli-ahli yang menjadi warganegara-warganegara kita. Kebanyakan mereka ini semua warganegara kita. Perkara-perkara paling terkutuk seperti pembunuhan dan semua ini berlaku kerana tidak ada satu kawalan ataupun satu komunikasi yang baik di antara kerajaan dengan mereka. Ini kerana kalau ada komunikasi yang baik, ini kita ada belanjakan ratusan juta untuk pendaftaran pertubuhan dan sebagainya. Kalau kita melihat geng-geng ini semua, pertubuhan-pertubuhan yang haram. Ini bukan satu perkara yang baru di negara ini. Ini adalah satu perkara kalau boleh kita kaitkan dengan Ghee Hin dan Hai San ratusan tahun dahulu di negara ini. *It's an ongoing process*, yang mana ini tidak boleh dihapuskan.

Jadi, saya cadangkan kepada kerajaan bawa mereka semua ke dalam satu sistem- Yang Berhormat Kuala Krai, jatuh kah atau kena pukul di Australia?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Naik *private jet* kah tadi? Okey. Jadi kena bawa dan selaraskan mereka sebab kalau kerajaan membenarkan semua pertubuhan-pertubuhan ini didaftarkan, maka keahlian-keahlian mereka ini dan kerajaan bolehlah menyediakan program-program latihan dan juga semua geng ini mesti ada satu *volume*, satu kuantiti ahli-ahli yang negatif dan yang tidak sehaluan dengan perkembangan dan kemajuan negara ini. Mereka ini apabila dikenal pasti, boleh diberi latihan dan sebagainya supaya ini tidak terlambat. Hanya kerana mereka ini tidak ada komunikasi langsung, *direct communication* dengan polis dan penguat kuasa-penguat kuasa, maka ini semua berlaku.

Polis pun tahu semua kerja-kerja ini. Bertahun-tahun mereka ini buat kajianlah dan penyelidikan tentang semua perilaku ini. Jadi, saya harap satu *action* yang drastik akan diambil supaya mereka semua ini dapat didaftarkan dan mereka ini dibenarkan beraksi sebagai legal *NGO and association in this country* supaya kita ini dapatlah mengurangkan jenayah dan sebagainya.

Saya juga merujuk kepada Butiran 060000 – Pendaftaran Negara dan juga perkara di mana pengkomputeran. Hari ini kita melihat ramai. Kalau saya bagi satu sidang akhbar esok bahawa ada- kita menjemput mereka-mereka yang memohon untuk permohonan sebagai penduduk tetap di negara ini. Kalau kita melihat, ratusan atau ribuan daripada mereka akan datang. Ini bukan warganegara tetapi ini penduduk tetap punya permohonan. Kenapa ini berpanjangan sehinggakan bertahun-tahun tidak dapat diluluskan. Tahun sudah, pembangkang ini mempolitikkan permohonan kewarganegaraan dan sehingga hari ini, saya pula berpendapat bahawa Ketua Pembangkang punya kewarganegaraan harus dilucutkan di negara ini.

Apa punya Ketua Pembangkang yang beberapa kali dibebaskan daripada mahkamah tetapi tidak percaya dengan sistem perundangan yang ada di negara ini. Sistem perundangan. Saya baru balik dari mahkamah. Kita hormat mahkamah. Akan tetapi dia tidak hormat, dia pergi sampai ke Australia, melobi dan menjemput Australia jadi pemantau atau Australia menjalankan pilihan raya di negara ini. Australia tolak. Bila Australia tolak, adakah dia akan pergi berjumpa dengan Barack Obama?

Kalau boleh mungkin Yang Berhormat Bukit Gantang boleh pinjamkan *private jet* kepada dia. Kalau tidak ada, dapatkan satu. Beri dia *private jet* mahu pergi jumpa Barack Obama atau sebagainya. Seharusnya Yang Berhormat Permatang Pauh punya kewarganegaraan harus dilucutkan. Ini semua bawa pasal. Mahu huru-harakan negara ini.

Kalaulah betul macam itu, macam mana saya dan ramai Ahli-ahli Parlimen di sini boleh berada di dalam sini termasuk Yang Berhormat Bukit Gantang, termasuk Yang Berhormat Kuala Krai yang patah kaki dan baru masuk ini.

Jadi saya percaya Yang Berhormat Kuala Krai akan setuju. Tidak akanlah tidak percaya kepada sistem perundangan dan hakim-hakim kita yang dilantik. Bukan diadili kes Yang Berhormat Permatang Pauh di Australia ataupun kes dia di negara-negara lain. Selepas wujudnya ratusan atau jutaan yang diterima oleh mereka daripada luar negara. Jadi saya juga mahu tanya dengan kementerian. Berapa lama sesuatu permohonan untuk syarikat-syarikat sekuriti ini, permohonan untuk syarikat sekuriti ini mengambil berapa lama untuk diluluskan? Ada ramai yang merungut. Sampai ada brigedier jeneral pun yang memohon sampai berbulan-bulan. Sudah bertahun-tahun tidak diluluskan syarikat keselamatan mereka itu.

Kalau brigedier jeneral, kalau bekas kolonel, ini semua mereka yang berkhidmat dan berkorban untuk negara. Mereka punya tidak lulus, tidak akan saya mahu minta brigedier jeneral itu pergi masuk Geng 08-kah, Geng 036, atau apa? Ini semua di bawah kawalan Kementerian Dalam Negeri. Hormatlah sama mereka sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jadi, satu lagi perkara, saya merujuk kepada kementerian di mana kes-kes OKT yang direman. Ada banyak kes OKT yang di reman ini diambil reman selepas polis yang menjadi pengadu. Dalam kes polis yang menjadi pengadu, tidak perlu ada reman sebab yang mengadu itu polis, yang polis bawa ke hadapan ini selepas mereka tahu bahawa orang itu ada terlibat dalam aktiviti *criminal* dan sebagainya.

Jadi, seharusnya tidak perlu reman dan polis *charge* terus ataupun bagi tarikh dan masa supaya mereka datang ke balai untuk *statement* atau sebagainya. Kena profesional sedikit. Tidak perlulah polis pergi ke rumah tengah malam, pukul 12 selepas seorang inspektor polis membuat laporan polis bahawa orang tertentu ini disyaki salah dan perlu dihadapkan ke mahkamah. Polis pergi ke rumah, ketuk pintu, tangkap dia dan bawa serta sumbat dalam lokap dua hingga tiga hari. Dua atau tiga hari kemudian, baru akan diberi tarikh. Tidak payah reman mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini kerana polis sudah ada, kalau tidak ada bukti kukuh, polis memang tidak akan ini. Satu lagi saya melihat di kawasan Parlimen Padang Serai.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Seminit sahaja. Di kawasan Parlimen Padang Serai, ada beberapa polis. Beberapa! Kalau orang Kementerian Dalam Negeri datang jumpa saya, saya boleh bagi nama. Dua atau tiga orang polis ini terlibat dalam gejala sosial dan juga mereka ini terlibat dalam rasuah, mereka menjadi dan mengambil alih, memberi kawalan kepada *developer* sebagai *protection money*, mereka ambil. Mereka bagi kawalan dan mereka- ini adalah satu kegiatan yang salah.

Saya rasa ini berlaku kerana gaji polis tidak cukup seperti kata Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Kalau polis ini dia dapat gaji yang lumayan, yang sedap dan dia boleh hidup lebih selesa daripada pendatang asing ataupun pekerja asing hari ini. Hari ini pekerja asing boleh dapat gaji RM2,000. Bawa balik rumah. Mereka lebih selesa daripada koperah dan juga konstabel polis yang bekerja itu. Saya syorkan adakan kenaikan gaji bukan sahaja untuk polis tetapi untuk semua penjawat di bawah Kementerian Dalam Negeri ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini menjadi satu perkara yang besar yang juga melibatkan rasuah yang berleluasa. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kalau tidak ada persidangan masa akan datang pun kena ambil *good will* daripada Speaker juga, Yang Berhormat. Kalau saya minta berhenti, ada sebab-sebab yang tertentu. Ya, Yang Berhormat Lipis.

12.59 tgh.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi, bagi Kementerian Dalam Negeri ini saya hendak berbincang mengenai dua atau tiga butiran. Pertama ialah Butiran 03000 - Unit Pencegah Penyeludupan. Jadi, kalau kita lihat, UPP ini ditubuhkan sebagai satu unit bertindak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sambung tengah hari, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Majlis bersidang semula sebagai majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan sesi pagi ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat, saya ingin maklumkan bahawa saya akan menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab sebelum jam 4 petang nanti. Paling lewat jam 4 petang nanti. Sila Yang Berhormat Lipis.

2.33 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi, kalau kita lihat UPP ditubuhkan sebagai satu unit bertindak atau *strike force* yang menggabungkan tiga agensi penguat kuasa iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia. Ini bagi membanteras aktiviti penyeludupan dengan lebih efisien dan berkesan. Pada masa ini dan semenjak ditubuhkan pada tahun 1976, UPP hanya beroperasi di negeri-negeri bersempadan Malaysia-Thailand iaitu Kelantan, Perlis, Kedah dan Perak.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Lipis. Terima kasih Tuan Pengerusi. Mohon pandangan Yang Berhormat Lipis setujukah sebab kita tahu unit ini penting terutamanya di kawasan negeri Sabah misalnya baru-baru ini banyak kejadian-kejadian penyeludupan dan penculikan. Kalau UPP ini juga diwujudkan di negeri Sabah di masa akan datang, apa pandangan Yang Berhormat Lipis?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat Silam. Jadi, saya bersetuju dengan pandangan tersebut. Bukan sahaja di Sabah tetapi di seluruh negara termasuk juga Sarawak.

Jadi, mengapa kita setuju supaya diperluaskan unit ataupun UPP ini? Satu, kalau kita lihat jenayah rentas sempadan darat perlu dibendung dan ditangani dengan lebih proaktif. Sekiranya tidak ditangani dengan bijak, ianya akan menerbitkan kebimbangan terutamanya kepada keselamatan dan kesejahteraan negara. Jadi, kita juga perlu mentransformasikan dan memperluaskan penugasannya ke seluruh negara termasuk juga Sarawak selain daripada Sabah tadi kerana ternyata kegiatan jenayah penyeludupan tidak sahaja berlaku di sempadan Malaysia-Thailand semata-mata.

Pewujudan UPP ke seluruh negara merupakan satu kalau kita panggil *value for money* di mana setiap peruntukan yang disalurkan akan dibalas dengan pengurusan operasi pencegahan jenayah rentas sempadan di darat yang lebih efektif dan sistematik dalam menjaga keselamatan dan kepentingan negara. Jadi, senario daripada pascaperubahan jenayah penyeludupan ketika ini tidak terhad kepada penyeludupan barang-barang perlu dan bersubsidi sahaja malah melibatkan pelbagai jenis bentuk jenayah rentas sempadan. Peningkatan tugas dan tanggungjawab menjaga perbatasan negara yang luas memerlukan sebuah agensi penguatkuasaan sempadan darat berkomitmen tinggi untuk melaksanakan tugas itu dengan lebih berkesan.

Jadi, saya berharap Majlis Keselamatan Negara perlu mengkaji semula arahan berkaitan penubuhan Unit Pencegah Penyeludupan ini dan JPA serta Kementerian Kewangan perlu mengambil perhatian dalam usaha memastikan perbatasan negara sentiasa selamat dan terkawal dengan pencerobohan oleh anasir luar terutamanya jenayah rentas sempadan, penyeludupan dadah imigran dan sebagainya. Jadi, kerajaan telah menubuhkan APMM bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan perairan negara terpelihara. Jadi oleh itu, kerajaan juga perlu melaksanakan perkara yang sama terhadap keselamatan perbatasan darat negara dengan mentransformasikan UPP yang telah ditubuhkan semenjak tahun 1976.

Jadi, dengan ini saya mencadangkan agar UPP ini bukan sahaja di tubuh atau dikuatkuasakan di empat buah negeri sempadan iaitu Kedah, Perlis, Perak dan Kelantan tetapi diperluaskan ke seluruh negara termasuklah di sempadan Sabah dan Sarawak. Itu mengenai dengan UPP. Tidak payah masuklah, saya tarik balik perkataan termasuk itu. Seluruh negara sahaja. Ini Yang Berhormat Batang Sadong marah dengan saya cakap termasuk itu... [Ketawa]

Butiran berikut ialah 010300 mengenai Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA). Jadi, kalau kita lihat pada Mesyuarat yang lepas, kita telah meluluskan Akta RELA ini dan ia telah menjadi satu jabatan. Apa yang penting bagi saya ialah supaya kelengkapan dan kenderaan pasukan RELA ini dipertingkatkan. Sebagai contoh sekarang ini di Daerah Lipis, hanya ada satu kenderaan iaitu Perodua Kembara yang hendak cover seluruh Daerah Lipis oleh RELA.

Jadi, kita berharap mungkin ada kenderaan-kenderaan lain seperti 3 tan, lori 3 tan dan yang lain-lainlah supaya dia menjadi lebih efisien dalam memberi perkhidmatannya. Itu mengenai RELA. Saya minta juga supaya satu pusat latihan RELA kalau boleh di peringkat negeri dibina dalam Parlimen Kuala Lipis kerana terdapat lebih daripada 100 ekar tanah KDN yang belum lagi diguna pakai yang ada di Lipis. Jadi, kita mohonlah supaya dibina. Dengan cara ini, mudah untuk anggota-anggota RELA ini diberi latihan lebih dekat. Sekarang ini anggota RELA di Pahang terpaksa pergi ke Terengganu untuk menjalani latihan dan sebagainya.

Berikutnya adalah Butiran 030000 – Penjara. Jadi, saya mohon pihak kementerian sekali lagi meneliti semula skim perkhidmatan penjara ini. Ini kerana kalau kita lihat telah ketinggalan daripada skim-skim perkhidmatan yang lain kerana bagi saya peranan penjara juga amat penting dalam negara ini. Ini kerana kalau mereka yang telah didapati bersalah, kalau penjaranya tidak ada sudah tentulah tidak tahu tempat mana kita hendak letak. Jadi begitu juga kalau kita lihat seorang warden penjara, kalau dalam 30 tahun dia berkhidmat, rasa saya 15 tahun dia duduk dalam penjara bersama dengan penjenayah, banduan-banduan dan sebagainya tentulah tekanannya tinggi. Jadi, saya rasa pertimbangan yang adil harus diberi kepada pegawai-pegawai penjara ini agar skim perkhidmatan mereka dikaji semula dan dipertingkatkan setaralah dengan skim-skim perkhidmatan yang lain yang ada dalam KDN.

Untuk Butiran 11000 saya sekaligus dengan Butiran 070000 – PDRM.

■1440

Ini pun saya hendak memohon supaya Ibu Pejabat Polis Daerah Lipis itu digantikan dengan yang baru, kerana yang lama sudah berusia 30 tahun lebih usianya dan sudah tidak muatlah...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Yang 100 tahun itu kita bagi jadi antik. Kita tidak boleh buang. Yang 30 tahun ini kita boleh buang lagi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Dia buruk macam Yang Berhormat Pokok Sena jugalah... *[Ketawa]* Pokok lah, pokok sena itu buruk. Pokok lama..

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Balai Polis Lipis itu pakai *typewriter* lama kah apa?... *[Ketawa]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Itu kita sudah ada moden sedikitlah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pakai taip satu jari kah apa?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: *[Ketawa]* Berikutnya ialah daripada segi JPAM (Jabatan Pertahanan Awam Malaysia) Butiran 76000 – Kelengkapan dan Kenderaan. Saya rasa Jabatan Pertahanan Awam ini kalau kita lihat, JPAM ini merupakan satu pasukan yang sangat berkesan terutamanya dalam memberikan bantuan kepada orang awam ketika aman. Ini disebabkan saya lihat di dalam kawasan Parlimen Lipis sendiri sejak ditubuhkan baru lagi dalam setahun dua, baru-baru ini, kalau kita lihat mereka ini menjadi *first responder* apabila berlaku apa-apa sama ada kemalangan, kereta rosak dan sebagainya, mereka akan sampai dahulu. Saya percaya di seluruh negara keadaannya juga begitu.

Jadi di sini, saya ingin memohon penjelasan daripada pihak kementerian, berapakah pasukan JPAM ini, sudah berapa unitkah pasukan JPAM ini yang telah ditubuhkan di seluruh negara? Berapa buah daripada pasukan ini yang mempunyai ambulans? Ini kerana bagi saya untuk menjadi *first responder*, ambulans sangat penting. Jadi kadang-kadang mereka datang dengan kereta yang biasa, tidak dapat hendak memberikan bantuan yang lebih berkesan. Saya pernah bercakap sebagai contohnya di Lipis, saya pernah bercakap dengan Pengarah Hospital Lipis, dia mengatakan bahawa mereka sangat mengalu-alukan pasukan pertahanan awam ini. Kalau boleh, kalau mereka ada ambulans lebih baik.

Jadi saya berharap supaya sebuah ambulans diberikan kepada pasukan JPAM ini terutamanya di Lipis agar mereka dapat melaksanakan tugas mereka dengan lebih berkesan. Saya rasa setakat itu dahulu. Jadi saya percaya, KDN merupakan satu kementerian yang sangat berkesan dalam mengawal keselamatan negara. Terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Arau.

2.43 ptg.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh panggil dua orang nanti.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Nanti dua di sana, tidak ada tidak apa. Tidak perlu ada persoalan dan pertikaian, terima kasih. Merujuk kepada Butiran 020100 - Pengurusan Polis, Butiran 809000 - NKEA Polis. Tuan Pengerusi yang dikasihi, terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk turut terlibat dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa. Cuma saya ingin menarik perhatian...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Bila dapat dikasihi. Kuat bodek lah.

Seorang Ahli: *You* pun samalah.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Sama-sama. Saya cuma ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berhubung satu kegiatan ataupun aktiviti yang dianggap satu gejala baru. Bukan baru tetapi lama, tetapi dalam keadaan konteks pelaksanaannya lebih moden, lebih terkini. Ini kerana apabila penggunaan alam maya berleluasa sekarang, maka turut juga diambil perhatian oleh kegiatan ataupun aktiviti *cyber cafe* dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, yang terbaru ini ada satu permainan iaitu yang dinamakan *Funky Monkey* ataupun dalam bahasa Malaysia diterjemahkan sebagai Monyet Ceria. Ini merupakan di antara *games* ataupun aktiviti perjudian yang menarik minat remaja, pelajar-pelajar sekolah dan juga orang-orang- benda ini bukan berlaku di bandar malah di luar bandar, di pusat-pusat siber. Kalau kita lihat di Kuala Lumpur, Selangor, Kepong, Cheras, Bangsar, Bintulu, Alor Setar, Kota Kinabalu...

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Di Limbang.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Dan di Limbang. Terlalu banyak perkara ini berlaku. Jadi kita berharap ada satu tindakan... *[Disampuk]* laluan?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Arau kerana memberikan peluang kepada saya untuk mencelah. Tadi saya tertarik dengan Yang Berhormat Arau. Mesin kuda ini ataupun *slot machine* ini sudah menjadi satu trend untuk orang menjalankan satu aktiviti melalui *slot machine* untuk pinjaman kepada rakyat terutama sekali jika mereka mahu menjalankan pinjaman *loan shark*, beri terus. Mungkin mereka akan ditangkap, kira pinjaman haram. Dia beri orang main *slot machine* ini, 10 orang masuk, 11 orang memang hangus. Terutama sekali mereka punya *target* sekarang adalah murid-murid.

Murid-murid daripada sekolah *Primary 6, Primary 5* pun sudah menjadi promoter dalam sekolah. Kalau sesiapa dapat satu ahli masuk untuk bermain *slot machine*, mereka memang akan berikan komisen RM50 ataupun RM100 untuk diberikan kepada mereka. Ini ahli baru punya masuk, main, dia memang beri *free* juga RM100 atau RM200 main. Pada masa yang sama, dia punya operator akan *target* mana dia punya ibu bapa kalau ada *income* satu anak ataupun boleh tahan, dia akan bagi pinjaman RM1,000, RM2,000, RM5,000. Contohnya di Bintulu sehingga ada ibu bapa yang menjual kereta untuk membayar hutang. Faedahnya 10 peratus sehari. Inilah yang berlaku. Lagi satu contoh di Sibul juga...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sekali-sekala mesti panjang, sekali-sekala pendek. Sebab kita kurang masa, inilah mencelah satu kali. Inilah masalahnya. Kita tidak ada satu kawalan, *no control*. Contohnya di Sibul, mula-mula dia baru ada 50 *outlet*, menjadi 100. Dari 100 menjadi 150, 150 menjadi 200 lebih *outlet*. Di Bintulu pun sama. Mula-mula 30, sekarang sudah jadi 102 *outlet* di kawasan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada polis. Baru-baru ini kita ada tukar itu CID, Ketua CID. Memang itu hari saya ada berbincang untuk meminta tolong mengambil tindakan di atas perkara ini tetapi sampai ke hari ini rakyat masih lagi banyak mempersoalkan tentang isu ini. Cuma sekarang di Sibul sudah ramai rakyat yang mempersoalkan dan di Sibul sudah ditutup. Banyak lagi *outlet* di seluruh Sarawak belum lagi ditutup. Sarawak punya rakyat meminta saya bersuara untuk memberitahu bahawa mereka percaya kita punya GP, *Inspector General of Police* dan dengan dia punya DIGP, memanglah itu ketua pemimpin dalam polis yang terbaik.

Contohnya seperti di Sibul, itu hari ada pembunuhan, ada satu kes pembunuhan. Cakap terima kasihlah IGP hantar Bukit Aman punya turun menyiasat, mereka sudah dapat menangkapnya. Kalau boleh, minta tindakan daripada Bukit Aman, kalau boleh secepat mungkin tutuplah kesemua *outlet* ini. Saya minta Yang Berhormat Arau, setuju atau tidak?

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih...

Beberapa Orang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Ini siapa yang bercakap? Terima kasih Yang Berhormat Bintulu kerana pencelahan yang panjang lebar. Kita tidak menafikan tindakan pantas yang telah dilakukan oleh pihak polis. Sekadar menyebut beberapa contoh Tuan Pengerusi. Ada rampasan yang dibuat di Kampar pada 6 Oktober 2012 yang melibatkan 461 mesin ataupun komputer telah dirampas, hasil daripada 31 serbuan yang telah dibuat.

■1450

Satu lagi contoh yang terbaru pada 15 November, yang terbaru iaitu polis menahan empat budak sekolah, seorang wanita iaitu di Sibu, di kawasan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Bintulu. Jadi keadaan-keadaan ini yang mendorong kepada pinjaman wang kepada bank, kepada ah Long, kepada pihak-pihak yang...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Datuk Ismail Kasim [Arau]: [Disampuk] Apa dia?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu bangun Yang Berhormat.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Oh! Ada bangun, sekejap. Saya hendak habiskan ayat. Jadi saya mohon di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya melihat gejala ini sebagai satu gejala yang cukup serius kerana akan menimbulkan keadaan yang tidak menentu di dalam masyarakat. Ini kerana kegiatan perjudian ini sebenarnya boleh menyebabkan masyarakat kita menjadi porak-peranda, berada dalam keadaan susah dan sebagainya, melibatkan semua bangsa. Jadi inilah yang perlu diberikan perhatian.

Kita akui polis bertindak pantas. Ada persepsi mengatakan ada pakatan pula. Kalau ada tangkapan dibuat, ada dikatakan berpakat dengan pusat perjudian dan komputer dirampas hanyalah komputer-komputer yang sudah tua, model lama. Model baru sekarang ini *flat screen* tidak dirampas. Ini macam-macam tanggapan dibuat. Kita tidak mahu imej polis disalah tafsirkan dan disalah ertikan. Jadi sila Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Arau ada soal, beritahu kepada Timbalan Menteri bahawa ini komputer serta peralatan-peralatan komputer ini semua, kita nampak rakyat beberapa kali persoalkan, dia nampak bila polis rampas ini kedai, buat operasi perjudian, slot mesin kuda ini, semua komputer yang dirampas ini adalah model yang lama. LED serta LCD semua tidak dapatlah. Kalau dapat pun, ini komputer dalam sana kosong, *software* tidak dapat, dia orang kata. Ada punya komputer dia rampas, pagi dapat malam angkat balik. Ini rakyat bising atas isu ini, mereka percaya...

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bagi saya sekejap masuk... [Ketawa] Ini rakyat Yang Berhormat Timbalan Menteri ada cadang dan soal ini, kalau boleh, bolehkah kementerian ataupun anggota polis bekerjasama dengan *local government* atau pun mana-mana agensi terlibat bekerjasama mana-mana kalau kedai ada sewa beri buat operasi ini bolehlah masuk satu *profit share* itu kedai juga. Kenapa kita ada undang-undang, kita tidak gunakan. Kalau kita tidak ada satu tindakan yang keras, memanglah ini banyak ibu bapa akan jadi mangsa. Jadi saya mintalah Yang Berhormat ada setuju.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat Tangga Batu, silakan.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya terima kasih, Yang Berhormat Arau. Saya ingatkan Yang Berhormat Bintulu sudah habis cakap, itu yang saya bangun itu. Tuan Pengerusi, saya hendak minta Yang Berhormat Arau sahkan betulkah setiap kali satu rampasan dibuat, walaupun pihak penganjur slot mesin ini kerugian, mereka boleh *recover* balik dalam masa dua minggu setelah serbuan dibuat dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih, saya sangat bersetuju dengan pandangan kedua-dua sahabat saya Yang Berhormat Bintulu dan Yang Berhormat Tangga Batu dan pohon dimasukkan sebagai ucapan saya. Cuma saya mohon pihak kementerian untuk kita sebagai manusia biasa, kita buatlah pertukaran, setiap tiga atau empat tahun sudah terlalu lama untuk setiap OCPD ataupun ketua-ketua polis daerah berada di satu kawasan.

Ini kerana kita tidak menuduh apa-apa, cuma kita minta biar mereka bertukar ke kawasan lain supaya kita melihat satu kegiatan yang begitu jelas dan efektif yang kita dapat lakukan dalam kita membanteras kegiatan perjudian ini.

Satu lagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi iaitu tentang *gangsterism*. Saya akui *gangsterism* ini adalah satu...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Arau, sedikit penjelasan.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Masa sudah hendak habis.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini tentang rampasan itu, saya pernah minta supaya polis...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Ini saya belum bagi lagi Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Rampasan itu..

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Sila.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Komputer dan lain-lain selalunya tidak dikembalikan walaupun mereka sudah menang kes. Jadi saya harap, ini akan menjejaskan nama baik pihak polis... [Disampuk] Apa? Memang ini masalah dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Bintulu, ini menjadi masalah.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, ada persepsi. Fahamkah tidak ayat saya?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya saya tahu.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Saya kata ada persepsi dan bukan saya cakap.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan, bukan saya, bukan Yang Berhormat cakap, saya yang cakap.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Okey saya tidak perlu masukkan ucapan Yang Berhormat Bukit Mertajam dalam ucapan saya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini kerana ada operator-operator jumpa saya...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Saya kata ada tanggapan mengatakan. Sekarang saya sudah masuk tajuk baru gengster. Okey ya Yang Berhormat Bukit Mertajam. Masa sudah nak habis.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya minta Yang Berhormat Menteri supaya kalau dia rampas...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Ini apa ini Tuan Pengerusi... [Dewan riuh]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia pun jaga baik-baik komputer itu.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Saya hendak mengiktiraf wanita pada mulanya, wanita ini tidak pandai sedar dirilah. Sila duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Janganlah macam itu Yang Berhormat, sudah bagi biarlah saya habis. Apa salahnya.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Tuan Pengerusi, saya tidak mahu kita berlagak semacam gengster dalam Dewan ini, ikut peraturan ya? Sekarang yang ingin menyebut beberapa contoh, banyak kes kejam dan kes ganas. Kawan-kawan saya bangkitkan, Yang Berhormat Puchong bangkitkan tadi, Yang Berhormat Padang Serai bangkitkan tentang beberapa siri pembunuhan kejam yang melibatkan kumpulan-kumpulan gengster yang kita lihat merupakan trend yang kita tidak patut benarkan ia berlaku di dalam negara kita ketika kita mengamalkan satu teras kenegaraan yang mengamalkan keamanan, yang mengamalkan keharmonian. Ini yang menjadi teras agama kita, teras bangsa kita, teras kekuatan negara kita. Tiba-tiba sekarang ini, nilai-nilai murni, nilai-nilai norma yang baik ini telah mula disalahgunakan.

Kalau orang mengguna atas hak berkumpul, berpersatuan, mereka mengambil kesempatan. Mengikut 'Treasure 1993', dia kata gengsterisme ini ialah satu kumpulan bukan sahaja remaja tetapi mereka mempunyai kecenderungan ataupun *tend* mewujudkan satu keadaan persekitaran mereka untuk seronok berada di dalam satu kumpulan tertentu yang membolehkan mereka melakukan aktiviti yang menyenangkan dan menyeronokkan mereka dalam *pier group*, dengan izin Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Ada lagi pencelahan?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Arau, terima kasihlah bagi peluang celah sedikit kerana saya tidak ucap. Terima kasih Tuan Pengerusi, sebentar tadi perkara yang disentuh Yang Berhormat Arau mengenai pembunuhan gengsterisme. Rakyat daripada Sibu minta saya persoalkan, Sibu dalam satu atau dua tahun sudah berapa kes pembunuhan. Pembunuhan bukan sahaja pakai parang, pakai pistol menembak sama *shotgun*.

Rakyat daripada Sibu memanglah sudah merasa bahawa Sibu tidak selamat sudah. Memang Sibu satu kawasan yang cukup tidak stabil dalam keselamatan. Jadi dalam beberapa kes ini, saya mahu tanya Yang Berhormat Arau bersetuju atau tidak tadi rakyat pun banyak persoalkan banyak *professionalism* daripada Bukit Aman yang cukup hebat, mereka minta memohon jasa baik daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehkah hantar anggota, *expertised* sampai Sibu siasat kes-kes pembunuhan. Harap boleh dapat kita selesaikan...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu dan dipohon supaya ucapan Yang Berhormat Bintulu dimasukkan dalam ucapan saya.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Saya mohon kerana masa sudah suntuk Yang Berhormat.

Dato' Ismail bin Abd Muttalib [Maran]: Gangsterism Yang Berhormat.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Sekarang masa sudah suntuk. Saya mohon supaya pihak bahagian kongsi gelap, maksiat, perjudian ini supaya lebih bergerak ke seluruh negara. Ini kerana kegiatan ini bukan sahaja berpusat di bandar malah mereka telah memulakan gerakan-gerakan di luar bandar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Arau, adakah mungkin... [Ketawa]

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Malah ada di antara tindakan-tindakan ini juga melibatkan kegiatan ekonomi. Pernah kawan saya di Limbang Sarawak.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Arau, boleh sedikit?

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Kalau hendak masuk ke Limbang membawa barang-barang untuk urusan perniagaan dan sebagainya terpaksa melalui kumpulan-kumpulan tertentu. Jadi Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Arau boleh sedikit? Adakah ini berkemungkinan juga *warlord* gengster "*puchau*" di Miri ini disebabkan banyak pembunuhan ini?

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Di Sibu. Sekarang ini masalahnya banyak mereka sudah gunakan senjata, bukan setakat menggunakan parang dan sebagainya. Kita ini mempunyai sempadan yang cukup terbuka, terdedah dengan penyeludupan yang seumpama ini. Jadi saya mohon pihak kementerian supaya kita menangani perkara ini dengan sebaik mungkin kerana dalam gengsterisme ini prinsip, "*anak jantan pantang dicabar*".

■1500

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Itu merupakan prinsip mereka. Sebab itulah mereka sanggup potong kepala, mereka sanggup potong tangan. Kalau Bukit Mertajam tidak jaga, mereka sanggup potong telinga Bukit Mertajam.

Jadi dalam hal ini kita hendak pastikan bahawa kegiatan ini dapat dibendung kerana bukan sahaja didominasi oleh orang-orang dewasa bahkan sekarang ini kecenderungan terbaru melibatkan kanak-kanak sekolah, pelajar-pelajar remaja dan kaum wanita, itu lebih mengejutkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Jadi kegiatan ini sebenarnya saya minta dibendung dari peringkat awal supaya kita pastikan bahawa gejala *gangsterism* tidak menjadi pembuat undang-undang di negara kita seperti berlaku di kebanyakan negara. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Balik Pulau.

3.00 ptg.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi ruang kepada Balik Pulau untuk membahaskan Maksud Bekalan 62 - Kementerian Dalam Negeri. Saya ingin berbahas mengenai Butiran 050000 - Agensi Antidadah Kebangsaan. Yang Berhormat maklum bahawa isu dadah ini ialah satu isu yang amat mencabar dan isu yang amat rumit. Malah isu inilah yang saya rasa akan juga menentukan masa depan negara terutama sekali anak-anak muda yang rata-rata kebetulan ataupun secara terancang saya tidak pasti.

Ramai terutama di Balik Pulau saya tengok terutama ramai anak-anak orang Melayu. Yang terhormat Menteri, saya ingin berbahas terutama dari segi aspek rawatan pemulihan, aspek pencegahan, aspek penguatkuasaan dan juga aspek pengurusan. Yang Berhormat Menteri, terutama sekali saya ingin mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri apakah langkah ataupun dasar terbaru? Pertama ialah dari segi aspek, adakah kita masih lagi dalam aspek kita panggil 'kriminalisasilah' berbanding 'dikriminalisasi'.

Yang saya maksudkan ialah, program-program yang ada setakat hari ini saya tengok di lapangan sekurang-kurangnya di Parlimen Balik Pulau ada dua agensi utamalah, polis dan juga AADK. Tetapi Yang Berhormat Menteri, saya tengok koordinasi ya di antara AADK dan Polis ini saya rasa agak kurang membanggakan. Malah rungutan yang saya dapat, saya berinteraksi langsung. Ada yang seolah-olah menjadikan mereka ini patut berpakat ataupun patut berkoordinasi tetapi dijadikan satu perkara yang persaingan yang kurang sihat.

Contoh yang saya katakan di lapangan, Menteri boleh tanya AADK di Parlimen Balik Pulau, yang pejabatnya kebetulan betul-betul di Pekan Kongsu, Balik Pulau. Menteri saya difahamkan ada mereka yang menjalani rawatan daripada AADK ini, baguslah tetapi ada dikatakan juga pihak polis pula mengintai. Mengintai itu maksudnya dia tengok siapa yang pergi rawatan di AADK itu, bila balik pula kena tahan pula. Ini rungutan saya dapat dan kalau perlu bantuan saya, maklumat dan saya mahu bekerjasama, satu.

Yang kedua pula saya lihat Yang Berhormat Menteri bayangkan kalau ada kerjasama yang baik di antara AADK dan juga pihak polis terutama di bahagian narkotik ini yang saya katakan Yang Berhormat Menteri kebanyakan urusan kerja mereka agak baik tetapi saya mahu cadangkan agar menjadi lebih baik dan lebih diyakini.

Yang Berhormat Menteri, contohnya kes yang didakwa ke mahkamah. Ada dua jenis tertuduh. Yang pertama ialah mereka yang barulah, penagih baru. Yang kedua ada jenis kita panggil *repeat offender*, mereka-mereka yang punya kesalahan lampau. Persoalan saya Yang Berhormat Menteri dan kebetulan saya masih lagi berkhidmat sebagai peguam di sana dan kes-kes saya kebanyakan ialah kes inilah. Bantu anak-anak muda kampung.

Apabila setiap kali kes dadah, saya tengok di bawah seksyen 15(1) kah, di bawah seksyen 12(2) kah, yang kebanyakan itulah 12(3). Yang 39(b) ini jaranglah. Kalau ada pun saya rasa tahniahlah, agak sukar hendak dapat. Apa yang berlaku Yang Berhormat Menteri, kadang-kadang kita tengok ke belakang, tengok-tengok nama disebut, orang yang sama. Minggu ini kena kes ini, minggu depan kena kes lain pula. Kadang-kadang kes yang sama berulang-ulang.

Kebetulan saya tengok itu kawan-kawan daripada sekolah sampai sekarang umur dia sudah 50 tahun, kena lagi naik turun mahkamah tetapi soalan yang saya ingin penjelasan Menteri ialah bagaimana kita hendak menguruskan mereka-mereka ini kerana saya melihat undang-undang, pendekatan kriminalisasi, pendekatan punitif ini tidak memberi apa-apa pemulihan ataupun apa-apa kebaikan...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Balik Pulau.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Okey.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Saya rasa boleh berkongsi dengan Balik Pulau aspek ketidakberkesanan, tidak berkesan. Sebab nampak gaya Kementerian bersungguh-sungguh, saya juga tidak nafikan mereka bersungguh-sungguh. Sekurang-kurangnya istilah hendak suruh orang gerun itu, istilah macam keldai dadah, najis dadah. Itu kita yang cipta. Najis dadah ini kita boleh fahamlah sebab keluar bawah, ada yang sesetengah sumbat bawah itu, keluar pun bawah itu. Memang najis pun tapi najis dadah lepas dia basuh, dia pakai balik. Memanglah.

Istilah keldai dadah, memang jadi keldai sebab dia bodoh dia bawa dadah. Tapi sejauh mana keberkesanan istilah yang kerajaan guna. Nampaknya tidak ada keberkesanan langsung, lagi teruk. Kemudian saya hendak tanya satu lagi. Setujukah tidak Balik Pulau, sekarang ini kerajaan tidak pernah anjurkan satu *permanent joint force*. Sekurang-kurangnya antara negara-negara Komanwel yang sama-sama, apa kita kata berjuang untuk memastikan dadah ini tidak menjadi agenda penguasaan jahat, satu *force* dalam dunia yang merancang perkara ini. Ini juga termasuk dalam bab penyeludupan manusia dan sebagainya. Kita tidak ada *joint force* begitu. Rasanya boleh lah kita desak kerajaan suruh tubuhkan segera *permanent joint force*.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih. Menteri, saya rasa mungkin Menteri dengar penjelasan daripada kawan saya itu. Menteri saya rasa lebih arif perkara itu. Saya rasa ada usaha-usaha untuk kita pergi *joint force* di peringkat antarabangsa tetapi soalan saya ini pertama sekali peringkat dalaman dahulu kerana ada dua agensi kerana bagi saya Yang Berhormat Menteri, kes-kes *repeat offender* ini sudah tekankan khusus Yang Berhormat Menteri, kita perlu melihat pendekatan yang baru. Kerana Yang Berhormat Menteri, jumlah perbelanjaan yang kita gunakan untuk program-program membasmi dadah ini, saya rasa Yang Berhormat Menteri, mohon penjelasan ya. Tolong jelaskan di Dewan ini sudah berapa Yang Berhormat Menteri dalam rekod Kementerian, setakat hari ini dan malah sekarang ini kita hendak luluskan lagi pula.

Ianya pada pandangan saya bukan trend yang meningkat dan meningkat itu tinggi. Kalau tidak silap saya mungkin dalam 2 bilion lebih kurang macam itu. Tapi saya tidak tahu, saya pohon penjelasan Menteri. Menteri, saya mengetahui ini, saya ada cadangan Yang Berhormat Menteri. Untuk *repeat offender* ini, saya hendak mencadangkan mungkin satu pendekatan yang digunakan secara terancang yang dilakukan di Amerika dan Australia dan yang dipanggil sebagai *Drug Court*. Mahkamah Dadah ini. Mahkamah Dadah Yang Berhormat Menteri ialah satu mahkamah khusus yang mana antara lain dia mengasingkan *repeat offender* ini.

Apabila tertuduh datang sahaja pihak narkotik bawa ke mahkamah, pertama sekali dia akan tengok siapa *repeat offender*, letak sebelah. Apa yang dilihat di sini Yang Berhormat Menteri pendekatan di situ lebih pendekatan dengan izin Yang Berhormat Menteri ialah kita panggil pendekatan kesihatan, *health approach* bukan sahaja perundangan ya. Sebab itu saya melihat AADK ini ada dua. Pendekatannya agak pemulihan, kesihatan. Ia melihat masalah dadah ini dari segi aspek dua kesihatan. Tetapi polis melihat dari segi aspek penguatkuasaan.

Dua-dua ini bagi saya penting tetapi bagaimana kolaborasi antara dua ini menunjukkan satu *synergy* yang lebih baiklah di lapangan. Saya mahu Yang Berhormat Menteri menjelaskan, kerana orang kampung saya buat lawak kepada saya Yang Berhormat Menteri, dia kata daripada muda sampai umur 50 dia kata, memang dadahlah, saya tidak mahu sebut nama dia, kawan. Sekarang ini secara kebetulan, saya kesian dekat dia, saya bagi tidur dekat pejabat saya. Kesian dia, saya rasa kesian walaupun dia penagih dadah tapi saya kesian dia, dia tidur di pejabat saya, tidak ada rumah. Kalau tidak dia tidur dekat bawah jambatan tetapi saya tidak ada masalah benda itu.

Yang Berhormat Menteri, dia kata dekat saya, YB, saya bila pergi ke AADK ini, bagi *methadone*. Dia kata *methadone* ini, saya rasa kawan-kawan saya ramai lagi cepat mati dan dia kata AADK ini dia kata jadi macam agih-agih duit kerajaan. Yang untung dia kata *supplier*lah. Yang untungnya pengusaha, tetapi kami ini dia kata yang sepatutnya mendapat rawatan yang baik, makin lagi teruk.

Jadi saya mohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan bagus ke pendekatan *methadone* ini dan sampai tahan mana? Apa dia punya keberkesanan di peringkat lapangan. Saya kebetulan Yang Berhormat Menteri terlibat langsung di dalam program-program dialog dalam *drug policy* yang dianjurkan oleh *AIDS Council*, oleh badan-badan yang diterajui oleh mantan pegawai tinggi polis, Datuk Zaman Khan, Datuk Kamaruddin dan sebagainya bersama-sama juga, saya tengok hari itu ada Kota Belud pun terlibat juga ke Portugal.

Saya ingin tanyakan kepada Yang Berhormat Menteri sekarang ini ada cadangan untuk membincangkan mengenai *Drug Court* ini dan saya, Yang Berhormat Menteri antara yang dikatakan ketika di Bangkok, tidak ramai orang sanggup terima, takut nanti disalah anggap bahawa mereka ini menjadi *support system* kepada penagih dadah Yang Berhormat Menteri. Nanti dia kata nanti kalau katakanlah di Parlimen Balik Pulau, saya bersetuju untuk buat *Drug Court* di Parlimen Balik Pulau memandangkan rekod penagih-penagih makin meningkat, orang kata Ahli Parlimen Balik Pulau hendak menyokong penagih dadah.

■1510

Menteri, untuk tujuan rekod, kalau tidak ada tempat lain sanggup, Balik Pulau sanggup. Sebab saya tengok masalah dadah daripada saya sekolah sampai sekarang, teramat teruk. Yang paling saya kesal, melibatkan kawan-kawan anak-anak muda Melayu terutamanya. Mereka ini kebetulan Yang Berhormat Menteri, sudahlah sumber pendapatan ekonomi pun teruk kerja nelayan, kilang dan sebagainya.

Di sini Yang Berhormat Menteri, saya mohon perhatian khusus, pandangan khusus, kerana contoh seksyen 15(1), ini guna untuk diri sendirilah. Kadang untuk sebab-sebab tertentu ialah masalah sosial, masalah keluarga dan sebagainya, masalah kewangan. Jamin Yang Berhormat Menteri, sekarang sudah sampai RM2,000 ke RM3,000, jamin. Kadang bila dia kena satu kes seksyen 15(1), lepas itu ada pemilikan pula, seksyen 12(2), lagi pula kena. Ada satu kes itu sampai tujuh. Jadi, bayangkan Yang Berhormat Menteri, untuk orang kampung hendak sediakan wang jamin RM3,000 hingga RM4,000, RM5,000 hingga RM6,000 ini saya rasa satu perkara yang membebankan.

Paling malang ialah benda itu tidak berkesan pun, tidak berkesan pun, satu. Kedua Yang Berhormat Menteri, dari segi aspek urus tadbir. Saya mohon perhatian kementerian di dalam menggalakkan pihak polis mengadakan kita punya operasi-operasi ini. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri juga perlu memberi perhatian dan mungkin saya mencadangkan Yang Berhormat Menteri, ini cadangan saya, satu badan pemantau khas yang tanpa diketahui oleh pihak polis, saya cadangkan. Satu agensi khas memantau operasi-operasi narkotik ini kerana saya ingin katakan di sini, tidak semua tetapi ada, yang kesempatan-kesempatan diambil untuk mengaut keuntungan di atas kesengsaraan penagih-penagih.

Ini kerana ada yang mengadu pada saya, '*Yang Berhormat, saya kena tahan hari ini, tiba-tiba dapat telefon...*', ini saya cakap secara maklumat, bukti kita cari sama-sama. Dia kata, '*...ada minta pula, kalau boleh bayar RM2,000 hingga RM3,000, air kencing tidak positif.*' Macam mana? Benda-benda begini saya rasa seperti yang dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat Indera Mahkota, mengurangkan keyakinan terhadap tindakan yang baik daripada pihak polis. Jadi, kita mahu gerak kerja pihak polis yang baik ini diyakini dan kita mahu agenda negara yang dilaungkan dahulu dikuatkuasakan iaitu najis dadah, najis nombor satu itu perlu diangkat.

Terakhir untuk saya berkongsi dengan Yang Berhormat Menteri di peringkat ini juga ialah mengenai isu yang saya bahas dua tiga kali tetapi mohon perhatian Menteri, air ketum. Setakat hari ini tidak ada undang-undang yang sesuai. Yang Berhormat Arau maklum, bawah Akta Racun. Akta Racun ini ialah maklumlah. Akta Racun ini bukan boleh buat tindakan apa sangat. Akan tetapi hubung kait dengan najis dadah ini amat ketat. Seheinggakan Yang Berhormat Menteri, ini saya mohon perhatian Yang Berhormat Menteri, boleh berbincang dengan pihak polis.

Adakah pendekatan hari ini kita pergi *ambush* dekat kedai-kedai makan tengah-tengah hari. Orang kampung, kadang-kadang tengah hari itulah dia hendak berehat sebelum pergi ke laut, sebelum pergi ke ladang. Tengah-tengah duduk hendak berehat, datang *ambush*. Saya pun *check* dengan polis, polis kata aduan. Baguslahkan? Akan tetapi persoalan saya kadang-kadang, kita yang selalu pergi kedai kopi itu kita tahu, kita nampak yang kawan-kawan ada penagih. Kadang-kadang kita tengok kadang kita pun bukan hendak menganiaya dia sebab kita tahu dia hisap dadah ini kadang-kadang sebab-sebab tertentu...

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Masalah sama, daun ketum.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Arau pandai, okey.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Boleh sedikit ya, Tuan Pengerusi.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya daripada Yang Berhormat Balik Pulau. Saya ingin berkongsi pandangan dengan Yang Berhormat Balik Pulau kerana gejala ini berlaku di kawasan saya di Parlimen Arau. Soal hendak kata penyalahgunaan, benda ini hanya termasuk di bawah Akta Racun. Akan tetapi kalau kita tanya bekas-bekas penagih dadah yang menggunakan air ketum setiap hari ini, mereka katakan ia boleh menggantikan ketagihan dadah tetapi kena ambil dalam jumlah yang banyak. Jadi, masalahnya sekarang pokok ketum ini boleh ditanam secara meluas. Ada di kawasan saya yang mengusahakan secara ladang, yang menjadi kaya raya dalam sekelip mata.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Balik Pulau, kenapa tindakan ini kita tidak boleh atasi ataupun kita akan menggubal satu akta baru bagi menangani masalah gejala penagihan daun ketum. Tok imam pun ada minum, kononnya untuk buah pinggang, *kidney problem*, saya pun tidak tahu kebenarannya kerana belum dibuktikan dari kesan kesihatan terhadap minuman daun ketum ini. Pandangan Yang Berhormat Balik Pulau?

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih umpan saya mengena, ya umpan saya mengena. Memang saya hendak suruh Yang Berhormat Arau bangun sebab Perlis, Arau banyak ladang, betul. Yang Berhormat Menteri, yang lebih penting lagi memang kalau kita buat kajian khusus atau melihat masalah di lapangan, memang ada kaitan ini dadah, ketum dekat-dekat ini. Seheinggakan kadang-kadang benda itu dijadikan sebagai permulaan. Kadang-kadang alasan dia itu ada alasan yang betul, maksudnya untuk mengelakkan daripada penagihan yang lebih teruk. Memang ada juga dikatakan boleh mengubat penyakit kencing manis, maksudnya kalau ada kencing manis, makan, selesai.

Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, lebih daripada itu Yang Berhormat Menteri, yang saya ingin katakan, saya melihat secara fakta. Ramai anak-anak muda, saya tahu ramai kawan-kawan saya, saya boleh katakan. Saya ramai kawan yang menagih dadah ini, macam kawan semua.

Kita boleh tengok, muka dia sudah sampai sudah hitam, saya tengok masalah keluarga pun macam-macam. Jadi Yang Berhormat Menteri, saya mohon dan saya ingin cadangkan di peringkat ini untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri, ada yang mencadangkan kepada saya agar Agensi Antidadah Kebangsaan ini di bawah Pejabat Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri.

Untuk mungkin mengangkat agenda dadah ini sebagai agenda yang lebih aila, agenda yang lebih khusus. Ini kerana saya beri contoh, banyak agenda-agenda yang lain di bawah Jabatan Perdana Menteri, contohnya Marin, contohnya adalah inovasi dan sebagainya untuk menunjukkan komitmen kerajaan. Jadi, saya mengatakan memandangkan kita telah mencapai pada satu tahap yang kritikal ini dan saya kata kebetulan pihak-pihak NGO juga bersama-sama dengan kerajaan.

Mereka mencadangkan agar pendekatan sekarang ini bukan sahaja pendekatan pendakwaan, *enforcement* tetapi secara holistik. Cadangannya ialah saya mencadangkan mungkin di bajet ini, mungkin dijelaskan, mungkin pertimbangan Perdana Menteri dalam Kabinet dan sebagainya.

Agar Agensi Antidadah Kebangsaan ini di bawah penyeliaan Perdana Menteri dan perlukan komitmen Perdana Menteri sendiri agar ianya tidak menjadi beban kepada negara di masa hadapan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja.

3.16 ptg.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang saya untuk turut membahaskan maksud Bekalan 62 - Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh 020000 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama dengan 020300 - Penyiasatan Jenayah. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan saya dan juga parti saya, Parti Islam Se-Malaysia kepada anggota polis (PDRM) di atas jasa mereka menjaga keselamatan negara dan keamanan negara. Yang Berhormat Kota Raja sangat menyokong dengan sebarang cadangan untuk menambah gaji anggota PDRM setimpal dengan pengorbanan mereka supaya kehidupan anggota polis lebih terjamin dan segala keperluan kehidupan mereka dapat dipenuhi.

Bukan setakat untuk kehidupan di dunia ini, kecukupan ini juga penting kerana ia dapat mengelakkan anggota polis daripada terjebak dalam gejala rasuah. Implikasi rasuah lebih jauh daripada setakat menyalahi undang-undang tetapi juga rezeki dari rasuah adalah haram dan tidak berkat dan bakal meninggalkan kesan yang negatif ke atas ahli keluarga. PAS juga berharap kerajaan tidak mengabaikan pendidikan kerohanian dan agama anggota polis. Ini kerana dengan adanya sifat takwa kepada Allah SWT dan sentiasa mengingati balasan dosa dan pahala, anggota polis mampu mengikhlaskan diri dan menjadikan kerja mereka sebagai ibadat dan jihad. Dengan sendirinya perkara-perkara negatif yang sering dikaitkan dengan polis dapat disifarkan. Oleh itu bila kita menegur pihak polis tidaklah bermakna kita tidak menghargai pihak polis atau PDRM tetapi sebagai memainkan peranan semak dan imbang. Supaya imej polis sentiasa positif dan mendapat kepercayaan dan keyakinan rakyat.

Tuan Pengerusi, kawasan saya mempunyai 28 peratus daripada pengundi atau rakyat daripada kalangan kaum India. Di antara perkara yang sering dibicarakan oleh kaum ini ialah gejala jenayah yang begitu tinggi kalau berbanding dengan jumlah ataupun peratus penduduk India dalam negara kita. Puratanya kita mempunyai populasi atau kependudukan lebih kurang 8 peratus rakyat terdiri daripada kaum India. Namun 60 peratus daripada jenayah mungkin melibatkan komuniti ini dan dikatakan bahawa 14 peratus warga penjara adalah daripada kaum India. Jadi, sebagai minoriti kumpulan ini dan saya tidak akan membincangkan tentang kenapa mereka terjebak terutamanya yang dalam isu gengsterisme ataupun kongsi gelap yang telah disebut oleh rakan-rakan Ahli Parlimen tadi. Apa yang hendak saya katakan bahawa isu gengsterisme ataupun kongsi gelap ini sangat nyata, begitu terang.

Saya pun beberapa kali apabila diberitahu ada kematian anak muda dan sebagainya, pergi menziarahi mereka, maka terpampang bunganya itu bunga yang disampaikan ditulis nombor 04, 08, 18, 21, 24, 36. Mereka ini muda, kematian mereka mungkin disebabkan- ada yang disebabkan pembunuhan dan ada juga akibat kemalangan. Jadi, bila saya mula-mula melihatnya saya tidak tahu bahawa perkara ini terlalu jelas. Saya diberitahu bahawa ini adalah anak-anak muda yang terlibat di dalam gengsterisme ataupun kongsi gelap.

■1520

Kalau kita selidik lebih dalam, maka kita dapati bahawa penglibatan mereka adalah seawal daripada umur 10 tahun. Amat mudah untuk rekrut orang-orang muda ini, anak-anak muda ini dalam kongsi gelap kerana ia memberi kepada mereka satu keyakinan diri prestij, oleh kerana mereka datang daripada keluarga tidak kaya dan sosioekonomi yang rendah, dan mereka memulakan kerja-kerja sesenang dan semudah-mudah seperti untuk menyampai dadah dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya diberitahu bahawa masyarakat India sangat risau dengan fenomena penglibatan anak-anak India dalam kumpulan gengsterisme atau kongsi gelap ini. Kalau sedikit masa dahulu kita cakap pasal kongsi gelap, kita terbayang kaum Cina, tetapi sekarang perkara ini sudah beralih dan ini menjadi satu tempat anak-anak India pula.

Kita diberitahu bahawa orang-orang tertentu, ahli-ahli politik dan juga mungkin sanak saudaranya terlibat menjadi bos-bos kongsi gelap ini. Amat menyedihkan bahawa baru-baru ini kongsi gelap yang dipanggil nombor 36, nombor 36 ini Tuan Pengerusi, mereka juga terlibat, ini bukan saya hendak menuduh tetapi mungkin boleh siasat dan begitu jelas, baru-baru ini kongsi gelap ini mungkin sedang mengukuhkan diri mereka dengan mengaitkan atau bekerjasama dengan parti-parti politik tertentu, yang khusus saya sebut di sini MIC... [*Dewan riuh*] Dengar, dengar ya. Saya dapat ini daripada orang India.

Pada 3 Disember 2012, MIC telah mengadakan satu Majlis Deepavali di The Mines, Sri Kembangan yang dipengerusikan oleh Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. S. Subramaniam. Majlis tersebut turut dihadiri Ketua Pemuda UMNO, Tuan Khairy Jamaluddin dan Ketua Pemuda MIC, Yang Berbahagia T. Mohan. Seramai 6000 hingga 7000 pemuda-pemuda India menghadiri majlis tersebut hampir 99 peratus pemuda-pemuda India yang dihadiri ini ialah Geng 36. Kelakuan, perwatakan, pakaian pemuda-pemuda yang menghadiri majlis tersebut sungguh memalukan. Gelagat mereka bukan sahaja mencemarkan imej MIC tetapi juga imej Barisan Nasional.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Beberapa pemuda yang datang ke majlis tersebut dengan menyarung *T-shirt* Geng 36 serta mengibarkan bendera Geng 36. Biar saya habiskan. Majlis tersebut sebenarnya mendapat tanggapan buruk daripada rakyat khususnya masyarakat India. Ini bukanlah saya hendak menyebut di sini bahawa perkara ini, itulah sebabnya persepsi rakyat, perkara ini diketahui oleh kerajaan, oleh ahli politik, tetapi kita yang beri muka kepada Geng 36 ini. Jadi saya harap perkara ini dapat diambil perhatian. Silakan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Saya berasa agak hairan kenapa perkara ini boleh diperbesarkan begitu rupa. Kalau kata kerajaan hendak menjemput mereka untuk hadir, mesti ada satu garis panduan. Takkanlah kerajaan benarkan, galakan mereka memakai *T-shirt group* 36, identiti diri mereka. Ini tidak munasabah. Kalau betul tujuan memanggil mereka ini untuk tujuan membimbing mereka dengan cara yang baik dan sebagainya, takkanlah kita tidak meletakkan peraturan. Ini seolah-olah macam, yalah kalau Yang Berhormat Kota Raja menyebut MIC menganjurkan perkara ini dia marah, tetapi patut juga MIC dipersalahkan kerana sudah tahu identiti diri dengan nombor-nombor sebegitu dan sepatutnya tidak digalakkan untuk pakai dan berilah garis panduan.

Saya juga hendak mengambil kesempatan dan menyatakan Yang Berhormat Kota Raja, sebenarnya rakan-rakan kita masyarakat India terutamanya belia...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasar Salak]: Yang Berhormat Indera Mahkota menghina masyarakat India. Menghina masyarakat India.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Memang beritahu kita bahawa mereka dijanjikan pinjaman ataupun geran ini bahawa TEKUN tetapi tidak ada satu pun yang datang jumpa saya beritahu mereka berkesempatan. Alasan diberi, semuanya habis. Habis itu beri pada siapa sebenarnya? Projek TEKUN yang dikatakan khas untuk belia India. Selalu keadaan macam itu. Jadi kita sendiri yang sebenarnya telah menyempitkan ruang untuk membaiki mereka. Apa kata Yang Berhormat Kota Raja?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Boleh mencelah Yang Berhormat Kota Raja?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Sebenarnya perkara ini sudah diketahui umum. Sebenarnya saya juga hendak sebut sebab disebut tadi oleh Yang Berhormat Pasar Salak bahawa ini menghina kaum India.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tidak hendak bagi pula.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Sebenarnya kertas kerja gengsterisme ini disediakan oleh *Malaysian Indian Youth, Young Power* dan sebagainya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan menghina masyarakat India.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: NGO-NGO India telah mengenal pasti perkara dan *they are begging for the government to do something about it*, dengan izin. Mereka tidak menidakkan, mereka telah menerima hakikat bahawa ini adalah masalah gejala sosial dan kemudian akhirnya menjadi penjenayah-penjenayah yang menimpa kaum India. Ini bukan satu penghinaan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mana DAP India ini, diam sahaja?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ini adalah *appeal* kepada kerajaan supaya melakukan sesuatu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Malah mereka telah mencadangkan kepada kerajaan kenapa tidak adakan pusat pemulihan seperti kita adakan untuk ADK. Kita tahu pemulihan dadah kebanyakan daripadanya adalah orang Melayu. Sekarang kita ada gengsterisme yang kebanyakannya pula adalah daripada kalangan anak-anak India. Saya tidak rasis, tetapi ini adalah satu cara untuk kita menangani masalah ini untuk kerajaan fikirkan. Kalau tuan-tuan ada apa yang saya ada di sini, ya Yang Berhormat sekalian, kita boleh mengenal pasti mereka dari awal.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Buku-buku sekolah mereka sudah ada nombor-nombor gengnya. Kenapa tidak kerajaan bekerjasama dengan NGO-NGO dan masyarakat India untuk mengenal pasti anak-anak ini daripada awal untuk memulihkan mereka. Ini bukan satu penghinaan. Ini penerimaan hakikat yang kita perlu lakukan sesuatu kepada kumpulan India. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bercakap di luarlah Yang Berhormat Kota Raja, buat *press statement*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasim.

3.26 ptg.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang. Saya cuba ringkaskannya. Yang pertamanya, saya ingin bercakap tentang Butiran 020600, Butiran 80000, Butiran 020400 dan Butiran 020000.

Pertamanya, mengikut rekod Polis Negara, indeks jenayah kita pada tahun 2010 sebanyak 177,520 kes jenayah berbanding dengan tahun 2012, 157,891 kes sahaja. ini jelas menunjukkan bahawa penurunan yang saya percaya ia turut dibantu bukan sahaja daripada gerakan daripada pasukan PDRM, bahkan juga daripada orang ramai dan juga NGO. Akan tetapi dalam masa yang sama, kita dapati 52.9 peratus rakyat masih lagi meragui dan ialah persepsi yang patut kita atasi, kerana dalam usaha kita bagi meyakinkan kepada rakyat tempatan, kepada pelabur asing dan juga rakyat asing supaya negara kita sentiasa dihormati.

Keduaanya, saya pergi kepada 80000 iaitu mengurangkan kadar jenayah. Saya ingin tahu kepada pihak kementerian, setakat ini kita dapati ada pengaliran wang asing yang masuk secara berleluasa dalam negara kita. Yang ini sebenarnya bersangkutan dengan kesalahan di bawah AMLA. Setakat ini apakah risikan ataupun penyiasatan yang telah didapati oleh pihak kementerian dan apakah tindakan yang telah dibuat? Ini kerana kita takuti wang-wang asing yang mengalir tanpa ada sekatan bukan sahaja boleh mengganggu gugat bahkan boleh menyebabkan kestabilan dan keamanan negara. Apatah lagi ia ada bersangkutan dengan satu gerakan yang cukup bersepadu bagi mengganggu gugat kerajaan kita pada ketika ini. Kita mahu kalau boleh satu tindakan yang benar-benar efektif dapat dibuat oleh kerajaan supaya apa juga dana asing yang mengalir mestilah disiasat.

Keduanya, pada 8 September tahun ini, dua bulan yang lepas, Ketua Pembangkang telah datang melawat ke Jasin. Dalam masa yang sama, dia telah membawa seorang pengawal peribadi yang digaji, yang disewa. Pengawal tersebut telah mengancam kepada pemuda-pemuda kita dengan menggunakan senjata api. Senjata api ini penuh dengan peluru dan didapati apabila diperiksa oleh pihak polis, didapati sebiji daripada peluru telah *dicock* dalam *chamber*. Bayangkan kalaulah senjata tersebut dipicit sahaja, maka adalah berlaku satu kematian. Dalam sebuah negara yang aman, sebuah negara yang makmur, mengapakah perkara ini boleh berlaku? Saya hendak minta kalau boleh, kenapakah siasatan begitu lambat sekali tindakan setelah perkara ini berlaku 8 September iaitu dua bulan yang lepas? Kita tidak mahu ada *fear* ataupun *favor*. Kita tidak kira siapa.

■1530

Akan tetapi perlakuan begini sepatutnya tidak terjadi dalam negara kita yang aman, apatah lagi kita dapati banyak kejadian jenayah yang melibatkan senjata api. Kalaulah perkara ini kita tidak bendung daripada awal, saya takut banyak lagi perlakuan yang jahat akan berlaku. Seterusnya di kawasan saya...

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat...

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Ya, sila.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Take the same cue* Yang Berhormat, dalam cerita yang sama. Saya dapati pula kumpulan-kumpulan yang dikatakan kononnya memprovokasi Ketua Pembangkang pula ditahan oleh pihak polis dan mereka ditahan 24 jam selepas kes berlaku. Mengapa ada *double standard* dalam urusan ini? Cuba Yang Berhormat jelaskan situasi ini.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih sahabat saya. Inilah yang saya ingin sebutkan. Kita mesti mengambil tindakan secara cepat. Jangan hendaknya perkara ini berulang lagi seperti yang saya sebut tadi, *without fears or favour* kerana kita tidak mahu jenayah secara berleluasa beraku dalam negara kita.

Keduanya, dalam kawasan saya lagi iaitu Balai Polis Sungai Rambai pada tahun 2007 telah pun diluluskan peruntukan untuk membuat baru. Kementerian telah robohkan balai polis lama yang cukup cantik daripada bahan sejarah tetapi kita terpaksa memberi laluan kerana untuk mendapatkan balai polis yang baru. Sekarang polis terpaksa menumpang di rumah kedai dan saya ingin dapat kepastian daripada pihak kementerian, bilakah pembinaan Balai Polis Sungai Rambai ini akan dibuat? Seterusnya juga, yang berlaku di Balai Polis Ayer Keroh yang telah pun dirobohkan juga. Tanah tersebut telah pun dimajukan dan ada satu lagi tanah untuk Polis Diraja mendirikan balai polis.

Ketiganya, saya teruskan kepada Butiran 020600 - Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam dan juga Butiran 020400 - Risikan Keselamatan. Baru-baru ini kita telah dikejutkan dengan satu berita yang cukup mengerikan sekali apabila dua daripada pemuda kita telah didapati terlibat dengan kumpulan-kumpulan pengganas al-Qaeda dan mereka pada ketika ini ditahan oleh pihak tentera di Beirut sementara menunggu keputusan tribunal itu.

Saya ingin dapatkan satu kepastian daripada pihak kementerian dalam usaha kita untuk menyekat mana-mana usaha-usaha keganasan menjadikan negara ini sebagai transit mahu pun menjadikan transit bekalan untuk negara ketiga.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh celah?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Boleh.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya tertarik tentang perkara ini. saya ingin dapat pandangan dari Yang Berhormat Jasin. Sungguhpun dua warganegara kita ditangkap atas alasan mereka terlibat dalam aktiviti keganasan, saya setuju dengan Yang Berhormat Jasin kita harus memantau supaya pemuda-pemuda kita tidak terlibat dalam keganasan. Akan tetapi sebelum mereka dijatuhkan hukuman, bukannya kewajipan bagi negara kita dan kerajaan untuk memberi bantuan guaman supaya mereka betul-betul tidak dianiaya atau tidak ada salah, bukti dan lain-lain? Sebelum itu kita tidak sepatutnya menghukum sebelum mereka dihukum oleh mahkamah lain.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Sebenarnya apa yang saya sebut tadi, kita mahu satu kepastian daripada pihak Kementerian kerana apa juga tangkapan yang berlaku dalam negara-negara luar itu adalah di luar bidang kita tetapi sebagai rakyat, kita mahu tahu apakah sebenarnya latar belakang mereka dan telah pun disahkan oleh Menteri sebenarnya ada hubung kait. Jadi, dalam masa yang sama kita hendak pastikan supaya negara kita tidak menjadi pangkalan kepada keganasan dan juga usaha-usaha militan ini. Seterusnya bagaimana dengan...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, boleh?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Ya, sila.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya hendak tanya Yang Berhormat oleh kerana Yang Berhormat sebut soal keganasan, keselamatan. Saya tidak ada peluang hendak bercakap, saya hendak tanya Yang Berhormat. Perkara yang paling penting dari segi keselamatan sekarang ini ialah bagaimana hendak tentukan dari segi keselamatan selepas pilihan raya PRU-13 negara kita tidak terancam?

Saya membangkitkan perkara ini sebab dalam wawancara dengan BBC kalau tidak silap saya, Ketua Pembangkang antara lain baru menuduh bahawa dalam Daftar Pemilih kononnya ada pengundi berumur 12, 16 ke 12 tahun dan macam-macam lagi dan yang terbaru apakah Yang Berhormat sedar ada satu artikel PRU-13 dan ayat songsang yang ditulis oleh Hishamuddin Rais. Saya kenal sangat Hishamuddin Rais, saya sudah baca tulisannya dalam *Malaysiakini*.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat, saya tidak tahulah apa yang saya hendak sebut dari segi soal keselamatan, memfitnah dan telah memasang pemikiran rakyat bahawa pilihan raya yang akan datang, pilihan raya yang tidak bersih. *So, dia prepare the mind of the public.* Ini yang paling saya takut sekali dan sepatutnya, apa pandangan Yang Berhormat? Tidakkah patut pihak Kementerian Dalam Negeri bertindak cepat, patutnya bertindak cepat mengambil tindakan segera dan jangan biarkan perkara ini dalam *Malaysiakini* dan dibaca oleh anak-anak muda... [*Menunjukkan artikel berkaitan*] Ini yang paling membimbangkan sebab mereka tahu mungkin mereka tidak menang pilihan raya, mereka sudah rancang sekarang ini untuk hendak buat huru-hara. Ini mesti ditangani dengan segera, sekian.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat pasir Mas.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Pasir Mas, 'Rais Yatim' itu pun kaki demonstrasi... [*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Rais Yatim.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu yang ada Rais. Hishamuddin Rais itu memang kaki demonstrasi. Tarik balik 'Rais Yatim'. Hishamuddin Rais ini, belajar pun tidak *pass* dekat Universiti Malaya, belajar tidak *pass*, lari luar negeri, pergi ke Russia, pergi ke- ini yang mereka guna ini. Puak-puak macam ini.

Tuan Gwo Burne Loh [Kelana Jaya]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Belajar pun tidak.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Hishamuddin Rais sezaman dengan saya dahulu, tahun 1974, apabila tunjuk perasaan, dia lari, dia pecut. Dia dayus, lari dan memburukkan nama negara seluruh dunia. Sekarang ini balik hendak jadi hero dan penyayang inilah yang sedang merosakkan negara sekarang ini. Apa tindakan Menteri Dalam negeri dalam hal ini?... [*Tepuk*]

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Saya minta kalau boleh ucapan itu dimasukkan sebahagian daripada ucapan saya. Memang saya sangat bersetuju. Ini cukup membimbangkan kita sekali, bukan Rais Yatim, Hishamuddin Rais. Ini yang cukup membimbangkan kita. Pada ketika ini mereka akan buat apa saja, menanam sifat kebencian, fitnah-memfitnah. Pada minggu yang lepas kita ada satu taklimat yang dipengerusikan sendiri oleh Pengerusi SPR, tidak berapa belas orang pun yang datang daripada pihak pembangkang.

Sepatutnya ambil peluang untuk bertanya sejelas-jelasnya tetapi telah diterangkan oleh Pengerusi SPR, terdiam semua. Ini nampak jelas menunjukkan bahawa SPR begitu telus sekali. Tuan Pengerusi sudah bagi saya signal. Saya...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat sedikit lagi, boleh?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Ya.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Satu lagi, yang ini penting juga. Selalunya apabila timbul masalah polis melanggar SOP sedikitlah, bising, riuh rendah marah pada polis tetapi apabila ada polis berkorban nyawa untuk menjaga keselamatan, tidak ada siapa bising pun, tidak ada siapa menghargai. Di kawasan saya baru ini, Koperal Shamsul ditembak Tuan Pengerusi, dia ada, peluru keluar ikut sini, nasib baik tidak mati. Tidak ada siapa cakap pun tetapi ada sesetengah ini yang sedikit pun riuh rendah.

Jadi, apa Yang Berhormat punya cadangan supaya anggota polis seumpama ini diberi penghargaan yang setinggi boleh demi keselamatan negara ini, pengorbanan mereka ini.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Sebenarnya apabila kita telah diberikan amanah, seharusnya kita dapat menjalankan tanggungjawab tanpa memilih bulu. Jangan takut sesiapa kerana rakyat Malaysia sebahagian besar lebih daripada 70 peratus adalah menyokong kerajaan dan menyokong apa juga tindakan polis bagi menjaga keselamatan negara. Saya nampak, saya terpaksa akur pada signal daripada Tuan Pengerusi. Saya menyokong Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, minta maaf banyak-banyak. Saya tidak boleh panggil semua yang bangun ini. Saya cuma boleh panggil Yang Berhormat Wangsa Maju dan selepas itu Yang Berhormat Batang Sadong. Selepas itu Menteri menjawab.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *Hello?*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bagi lima minit... *[Dewan riuh]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau kami bekerjasama dibahagikan masa.

Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai]: Seorang lima minit.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Wanitalah Tuan Pengerusi.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Seorang Ahli: Bagi wanita tiga-tiga, lima minit.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Dari tadi bangun.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja wanita juga.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tengok...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batang Sadong wanita.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Satu saja, tengok. Satu PKR punya satu, DAP punya satu, kita minta, pohon.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membahas

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi, belum sempat berdiri pun lagi.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Pengerusi, kita Barisan Nasional tidak marah, akur. Pembangkang ini degil.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat.

3.39 ptg.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi, saya bangun bahas Maksud Bekalan 62 Butiran 010000 - Pengurusan Dasar Keselamatan Dalam Negeri, Butiran 020600 - Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Butiran 020400 - Risikan Keselamatan. Butiran 010200 - Dasar dan Operasi dan Butiran 040200 - Kawalan Imigresen.

■1540

Tuan Pengerusi, kerana kesuntukan masa saya ingin membahaskan kesemua butiran tersebut sekali gus dan saya tidak akan memberi jalan untuk mencelah. Maaf Ahli-ahli Yang Berhormat kerana kesuntukan masa.

Tuan Pengerusi, izinkan saya memulakan perbahasan saya dengan isu serbuan polis di jalan-jalan raya, kelab-kelab malam, karaoke dan lain-lain untuk mengawal pelacuran di negara ini. Kepada sesiapa yang sering mengikuti laporan akhbar atau TV, cerita mengenai bar dan kelab-kelab karaoke yang terus menjalankan perniagaan walaupun telah beberapa kali diserbu dianggap sebagai bukan lagi bahan berita, dalam bahasa Inggeris adalah *is no longer news*, dengan izin. Umum juga sering diberitahu oleh agensi-agensi penguatkuasaan bahawa warga asing yang menjadi pelayan tetamu atau GRO ataupun yang ditemui di bar-bar turut disyaki menjadi pelacur.

Di Dewan ini pada 4 Oktober lalu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Datuk Wira Abu Seman memberi butiran mengenai jumlah gadis asing yang ditangkap dalam pelbagai operasi oleh polis. Menurut maklumat yang diberikan, jumlahnya ialah 12,631 pada tahun 2010 dan 11,832 tahun lepas. Mereka juga dikatakan terlibat dalam pelacuran. Angka-angka tersebut adalah amat dikhuatiri. Kalau berpandukan kepada kekerapan operasi dan jumlah gadis-gadis yang ditangkap, usaha-usaha dari pihak polis ini boleh kita sifatkan sebagai memberangsangkan. Begitu juga dengan usaha-usaha oleh Imigresen tetapi satu maklumat yang bagi saya amat penting untuk memberi gambaran menyeluruh mengenai keadaan sebenar untuk kita melihat isu ini dalam perspektif yang betul tidak pernah diberikan kepada umum.

Soalan penting ini juga tidak pernah ditanya oleh sesiapa termasuk Yang Berhormat-Yang Berhormat ataupun para wartawan yang mengikuti serbuan-serbuan atau pada sidang-sidang akhbar. Jadi pada hari ini saya ingin mengemukakan soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri KDN, dalam begitu ramai gadis asing sejumlah 11,832 orang yang ditangkap pada tahun 2011, berapa ramai pula yang dibawa ke mahkamah, didapati bersalah dan dihantar pulang atau kena depot. Terus terang saya tidak hairan jika bilangannya terlalu kecil berbanding jumlah yang ditangkap, itu pun jika ada yang dibawa ke mahkamah.

Timbul pula persoalan kenapa begitu walhal kita diberitahu bahawa mereka disyaki terlibat dalam pelacuran tidak cukup bukti atau mustahil untuk membuktikan penglibatan ini di mahkamah. Kalau begitu, kenapa serbuan terus dijalankan. Bukankah ini merugikan masa dan titik peluh dan menjadikannya satu usaha sia-sia ataupun alasan-alasan tertentu sebab wanita asing tidak dibawa ke mahkamah atau di depot. Saya tahu perkara ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu kenapa, ia kerana ada unsur-unsur tertentu. Pihak polis saya harap sedar diri dalam perkara ini.

Ini sebenarnya kesalahan imigresen tetapi jarang sekali polis membawa sama pegawai imigresen untuk mengesahkan butiran mengenai pasport atau visa walaupun kuasa dan kepakaran untuk mengesahkan hal-hal mengenai pasport dan visa adalah pada imigresen. Apakah kita semua sudah lupa kejadian yang melibatkan operasi besar-besaran oleh IPD Brickfields beberapa tahun dulu yang melibatkan warga negara India yang kebanyakan disahkan kemudiannya oleh Imigresen sebagai mempunyai permit bekerja sah. Cara kita menjalankan operasi ini telah mencetuskan kontroversi hubungan diplomatik lagi serius sehingga Kerajaan India mengancam untuk mengenakan pelbagai tindakan balas.

Jika jangkaan saya bahawa jumlah gadis-gadis asing yang dibawa ke pengadilan dan didapati bersalah amat kecil, maka tidakkah lebih manfaat jika agensi-agensi penguatkuasaan menumpu lebih perhatian kepada isu-isu jenayah berkaitan keselamatan umum dan keselamatan negara. Agensi penguatkuasa seperti pihak polis, imigresen, kastam, Peguam Negara, Bank Negara dan lain-lain seharusnya menentukan apa isu yang perlu diutamakan, meneliti kesan setiap operasi yang dijalankan supaya waktu dan sumber yang digunakan dengan lebih wajar.

Tuan Pengerusi, bagi saya, keselamatan negara ini yang telah dijejaskan oleh kemasukan dana asing ke negaraku ini adalah perkara yang penting sekali, *without comparison* dengan izin, seperti saya hendak sambung daripada sahabat saya daripada Jasin. Akan tetapi tidak dipedulikan oleh KDN, polis, Bank Negara, Peguam Negara dan lain-lain. Kerajaan telah gagal dalam menjaga keselamatan negara ini.

Tuan Pengerusi, izinkan saya merakamkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa pada 5 November 2011, saya telah membentangkan satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk menangguhkan Dewan membincangkan perkara tertentu, berkepentingan awam dan perlu disegerakan iaitu dana asing telah masuk dalam negara ini tanpa diisytiharkan oleh penderma atau penerima dan tanpa dapat dikesan oleh pihak berkuasa seperti Bank Negara, risikan polis, risikan tentera, kastam dan Pejabat Peguam Negara dan Kementerian Dalam Negeri.

Dukacita dimaklumkan Tuan Pengerusi, bahawa saya percaya usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) yang penuh dengan kriteria, tiga muka surat tetapi ditolak *by a stroke of pen*, dengan izin oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan tanpa memberikan peluang kepada saya untuk membacakan teks-teks usul saya seperti yang diamalkan di dalam Dewan yang mulia ini sebelum ini. Sebelum ini kita ada peluang membaca teks usul walaupun ditolak, tetapi sekarang sudah ada *convention* yang terbaru.

Tuan Pengerusi, jikalau usul tersebut terlibat dana asing masuk ke dalam negara untuk tujuan tertentu dan *to cause unrest and ultimately region change* dengan izin, adalah tidak mematuhi ketiga-tiga syarat; perkara tertentu, berkepentingan awam dan perlu disegerakan. Berani saya cakap terus terang bahawa Parlimen perlu memansuhkan Peraturan 18(1) kerana tiada lagi ada perkara-perkara yang negaraku ini lebih penting daripada dana asing masuk ke negaraku seperti saya mengusulkan pada 5 November 2011.

Usul saya yang berbunyi, "*Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat ini perlu ditangguhkan bagi membolehkan Dewan ini membincangkan kemasukan wang dana yang tidak diisytiharkan dan tidak berkesan oleh pihak berkuasa berjumlah jutaan ringgit yang telah berjalan secara sulit menjangkau tempoh beberapa tahun...*"

■1550

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Wang asing.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang kemudiannya disalurkan kepada antara lain ialah Syarikat Suara Inisiatif Sdn. Bhd yang kemudiannya mengagihkan secara rahsia kepada SUARAM, sebuah badan yang tidak berdaftar dan juga *Malaysiakini*, sebuah portal berita yang mencanangkan bahawa ia bebas dan lain-lain entiti. Apa yang dilakukan ini adalah sesuatu yang memudaratkan usaha-usaha murni membina sebuah negara berbangsa secara tertib yang didukung oleh suara rakyat majoriti dapat menjejaskan fabrik sosial sebuah negara majmuk yang muda di mana keharmonian kaum perlu sentiasa diutamakan. *Where is the direction of this Parliament? To know where*, dengan izin Tuan Pengerusi. Usul yang begini boleh ditolak dengan *by a stroke of a pen*. *I am ashamed!* Tuan Pengerusi, *I am ashamed to be a Member of this House...* [Dewan riuh]

Perlu dijelaskan bahawa saya mengalu-alukan apa jua bantuan kewangan daripada mana-mana negara termasuk *National Endowment for Democracy (NED)* dari USA atau dermawan asing termasuk George Soros atas nama *Open Society Foundations* atau sesiapa yang berfikir sama kepada mana-mana pertubuhan dan negaraku ini, selagi ia adalah sebagai usaha-usaha membantu pembinaan negara, *nation building* secara teratur, berpandukan undang-undang dan prihatin terhadap kemakmuran rakyat dan kestabilan pentadbiran negaraku ini.

Tuan Pengerusi, rakyat Malaysia yang setia dan cintakan keamanan harus menentang sebarang penyaluran dana asing kepada mana-mana pertubuhan sama ada berdaftar atau tidak, dimaktub atau tidak atau mana-mana parti politik berdaftar kecuali sumbangan dana asing itu diisytiharkan oleh penderma dan penerima yang juga menyatakan kepada umum tujuan bantuan sumbangannya.

Ini adalah bersesuaian dengan prinsip pertanggungjawaban (*accountability*) dan ketulusan (*transparency*) yang telah diheboh-hebohkan kepada rakyat oleh pihak tertentu lebih-lebih lagi sejak Pilihanraya Umum Ke-12 empat tahun lalu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, masa habis Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ini isu yang penting. Minta lima minit lagi ya. Pengisytiharan terbuka mengenai tujuan sumbangan juga adalah membantu rakyat membuat penilaian dan kesimpulan sendiri bila si penerima mengambil pendirian yang berkait dengan politik dan pentadbiran negaraku ini. Sebagai Ahli Dewan yang mulia ini saya tidak mahu prinsip pertanggungjawaban dan ketulusan hanya disebut untuk menyedapkan pendengaran rakyat walhal pertubuhan-pertubuhan yang dibantu oleh pihak asing tersebut menari kepada rentak tabla pilihan mereka. Sebagai wakil rakyat kepada rakyat Malaysia yang setia serta cintakan keamanan, saya bertanggungjawab bagi memastikan bahawa dana asing yang disalurkan ke Malaysia hendaklah bermatlamat untuk satu tujuan sahaja iaitu untuk membina pembinaan negaraku ini berpandukan prinsip demokrasi kehendak majoriti rakyat.

Apa yang penting Tuan Pengerusi, kita telah bersumpah di dalam Dewan ini semasa kita jadi Ahli Parlimen. Kita menunaikan tanggungjawab kita sebaik mungkin dan kita mengaku akan taat setia kepada negara Malaysia serta memelihara dan mempertahankan perlembagaannya. Sesuai dengan sumpah ini, saya tidak rela menyaksikan Malaysia menjadi alat kepada taikun atau kuasa asing yang juga tidak mahu melihatkan negaraku ini mengalami nasib yang sama seperti negara-negara Arab Spring yang hari ini didukung oleh beberapa kuasa asing sebagai telah bergerak maju beberapa tapak walaupun sebenarnya sarat dengan masalah. Daripada fenomena Arab Spring, terdapat contoh Mesir, Tunisia, Libya dan Syria di mana dana daripada *National Endowment for Democracy* terlibat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh mencelah Yang Berhormat?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Semuanya terlibat bermula dengan kempen yang kononnya untuk demokrasi, kebebasan, kebertanggungjawaban dan ketulusan, Tuan Pengerusi.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sedikit. *Hello*. Yang Berhormat Kota Belud sedikit boleh?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Adakah Malaysia perlu pengalaman ala Arab Spring untuk berubah dan lebih terbuka? Jawapannya tidak! Ini kerana negaraku ini perlu berubah dengan tertib dan berevolusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masa habis Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sedikit lagi Tuan Pengerusi sebab saya hendak baca ini. Ini disebabkan saya ada surat daripada Zain & Co., ditulis oleh Amer Hamzah, seorang rakan kongsi Zain & Co. kepada William Bourdon peguam dari Perancis pada tarikh 10 Disember 2009. Izinkan saya memetik di sini. Zain & Co. Ini, surat saya ada. Bukan surat daripada SUARAM tetapi daripada Zain & Co. "*In Malaysia, SUARAM is registered as Suara Inisiatif under Companies Act of Malaysia*". *This is nonsense*. Ini telah mengelirukan. Ini cuma hendak bersekongkol dengan pihak-pihak asing, dengan pihak-pihak tertentu untuk memberi *locus standi* kepada sebuah pertubuhan yang tidak berdaftar. *A non entity cannot be registered through anybody, any company, any registered body. I am sorry*, dengan izin.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sedikit lagi, sedikit lagi. Izinkan saya memetik beberapa perenggan daripada dalam satu dokumen rahsia bernama TC 18-01: *Special Forces Unconventional Warfare* dari *Headquarters, Department of the Army USA* yang bertarikh 30 November 2010. Ini dokumennya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Di sini, "*Destruction Notice: Destroy by any method. That will prevent disclosure of content or reconstruction of the document*". This is serious. Top of the Chapter 1, saya hendak memetik di sini, "word for word. There is an overview: there is another type of warfare- new in its intensity..."

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: "...ancient in its origin - war of guerrillas, subversives, insurgents, assassins; war by ambush instead of by combat, by infiltration instead of aggression..."

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak payahlah hendak...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Hendak jaga USA-kah? "...seeking victory by eroding and..."

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah habis masa Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: "...Exhausting the enemy instead of engaging them. It preys on unrest - President John F. Kennedy, 1962". This is a key word. The key words are "It preys on unrest". Maksudnya ia memanfaatkan daripada kekecohan. Inilah kehendak-kehendak puak-puak derhaka ini!... [Tepuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dokumen rahsia ini boleh didapati daripada seorang penulis warganegara USA iaitu nilebowie.blogspot.com.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang derhaka, yang khianat, yang lompat. Bertanding atas tiket PKR, sudah menang, lompat. Itu yang khianat. Itu yang derhaka. Awak jangan cakaplah pasal derhaka.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ini semua penjaga kepentingan kepada asing.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: You do not know the meaning of loyalty. You do not know the meaning of people struggle. You do not know the meaning of truth. You do not know the meaning of justice. Janganlah awak hendak berpura-pura.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Eh! 'Anwarinas', duduk. 'Anwarinas', duduk. 'Anwarinas', duduk!

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: [Dewan riuh] Awak hendak cakap pasal pengkhianatlah, derhakalah. Yang khianat itu awak. Awak yang pertama khianat, *the first*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju, habis masa Yang Berhormat. I cannot give you any more time Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Jangan hendak *lecture* lah, hendak berpura-pura. Cukuplah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi, saya akan habiskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat Wangsa Maju. Duduklah ya.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Sampai hendak muntah dengar. Hendak muntah!

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi, saya gulung.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat. Habis masa Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, sedikit lagi. Marilah Yang Berhormat-Yang Berhormat, kita mesti menyekat Regime Change, marilah kita... [Dewan riuh]

■1600

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Inilah. Kita adalah bukan negara...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *Working hard, working hard.*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dan penerima tertentu...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak ada orang hendak beli kerusi.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dan Malaysia adalah...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju duduk.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: MCA tidak ada Kerusi, DAP tidak ada Kerusi, UMNO tidak ada Kerusi.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tanah tumpah Negaraku, rakyat hidup...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak payahlah hendak berpura-pura. Cukuplah itu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Bersatu dan maju. Rakyat bahagia, Tuhan kurniakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Raja kita selamat bertakhta.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Apa ini Yang Berhormat?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Rahmat bahagia, Tuhan kurniakan, Raja kita selamat bertakhta.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ucapan pun baca. Bukan tahu apa.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kita mesti setia kepada Negaraku.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Eh! nyanyi lagu *Negaraku* orang patut bangunlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batang Sadong.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Janganlah seperti begini. Kita semua perlu berdiri untuk kepentingan negara kita.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *This is a...*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Inilah derhaka negara.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *This is a...*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tidak sanggup mendengar kebenaran. Yang Berhormat Shah Alam tidak sanggup mendengar kebenaran.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Nyanyi lagu *Negaraku*,...

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ini semua derhaka negara.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Semua orang berdiri, beritahu... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Batang Sadong.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Shah Alam tidak sanggup mendengar kebenaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.01 ptg

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Okey terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berterima kasih kerana sekurang-kurangnya ada lagi wanita yang diberi peluang ...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Saya pun hendak nyanyi Tuan Pengerusi.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Untuk berucap dalam jawatankuasa untuk kali ini... [*Dewan riuh*] Saya hendak merujuk kepada Butiran 80000, 110600 dan...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu duduk.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Butiran 100100 secara pakejnya kerana saya hendak merujuk kepada perkara yang berkaitan di antara satu sama lain.

Pertama Tuan Pengerusi di sini saya hendak menyatakan betapa sedih dan takutnya kita sebagai wanita apabila membaca berita dari *newspaper* atau pun kita mendengar dari radio atau pun televisyen. Setiap hari kita mendengar kes-kes wanita dibunuh, wanita didera, kanak-kanak dibunuh, kanak-kanak didera. Malah ada di antara mereka rakan-rakan sekolah juga bergaduh.

Jadi ini amat menakutkan Tuan Pengerusi. Jadi saya hendak bertanya di sini kepada...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya baru mula ya Yang Berhormat Batu Gajah. Saya belum sampai ke poin yang saya hendak nyatakan di sini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak tanya kepada kementerian di sini adalah apakah program yang termasuk dalam NKRA ini? Ini kerana kita mempunyai NKRA 1-mengurangkan kadar jenayah tetapi kalau kita dengar hari-hari nampaknya jenayah tidak berkurang. Ianya amat menakutkan kita. Jadi saya hendak...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat Batang Sadong kes jenayah yang menakutkan wanita.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Boleh beri peluang untuk saya habiskan ini. Nanti saya beri peluang Yang Berhormat Batu Gajah. Jadi *concentration* pun sudah terganggu di sini. Terima kasih.

Seterusnya saya hendak rujuk kepada mengurangkan kadar jenayah ini. Ia nampaknya makin menular, makin menjadi-jadi. Jadi, kita hendak tahu kalau ada program-program yang boleh mempengaruhi kita untuk membantu pihak kementerian untuk mengurangkan kadar jenayah yang sering kali dinyatakan di dalam *newspaper* hari-hari dan setiap kali.

Pagi tadi pun kita membaca seorang wanita dari Kuching lari ke Sibu, lari daripada suami yang sudah kahwin 15 tahun, telah didera berapa lama. Jadi apakah yang dirancang atau pun dilakukan oleh pihak kementerian yang selama ini kita telah dimaklumkan bahawa kementerian telah mengadakan, menyusun atur program-program. Adakah program-program yang melibatkan penderaan, penyeksaan ini termasuk di dalam NKRA ini?

Kita tidak mahu pihak kementerian hanya menumpukan perhatian kepada jenayah secara umum sahaja tetapi kalau jenayah melibatkan kekeluargaan ianya mungkin tidak diambil berat. Jadi, kita hendak tahu apakah program itu? Jadi, sebelum saya teruskan kepada perkara yang satu saya hendak bagi lagi kepada Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Saya sangat ringkas sahaja. Memang benar saya membaca laporan, saya sangat risau kejadian jenayah khasnya apabila ia melibatkan mangsanya adalah wanita. Akan tetapi Yang Berhormat baru-baru ini laporan dakwaan bahawa tiga anggota polis telah merogol seorang wanita di balai polis.

Balai polis sepatutnya tempat yang paling selamat. Kejadian sedemikian boleh berlaku di balai polis tetapi kenyataan menteri menyatakan bahawa kerana anggota ini telah didakwa di mahkamah, *what else can we do?* Kenyataan tersebut lagi membimbangkan kaum wanita. Jadi saya pohon penjelasan Yang Berhormat apakah- kita mesti menyeru Menteri memberi satu jaminan. Bukan sahaja suasana kita selamat. Balai polis sepatutnya tempat yang paling selamat, sekarang menjadi tempat yang tidak selamat.

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Jangan nangislah.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Okey terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah.

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Kenapa nangis?

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya hendak pergi ke situ juga tetapi oleh kerana soalan itu telah diajukan, jadi saya mengharapkan Menteri akan menjawab soalan Yang Berhormat Batu Gajah ini.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Batang Sadong, boleh mencelah sedikit?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Maran Yang Berhormat.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batang Sadong kerana serius mempertahankan masalah jenayah ini. Sebenarnya kadang-kadang Tuan Pengerusi kita nampaknya tidak adil. Terutamanya belah pembangkang. Saya sebutkan.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Batang Sadong sebenarnya akhir-akhir ini anak-anak muda kita, anak-anak kecil pun berani melanggar undang-undang. Semalam Yang Berhormat Kota Raja telah berhadapan dengan masalah. Anak-anak pelajar tidak ada disiplin, lalu lintas dan sebagainya. Sebenarnya saya hendak tanya Yang Berhormat Batang Sadong. Kita tengok kadang-kadang orang-orang ini yang mengajar anak-anak kecil ini melanggar undang-undang. Apa berlaku dalam Bersih umpamanya?

Demonstrasi jalanan. Anak-anak kecil dilibatkan. Polis sudah halang tetapi dibawa. Sekarang baru mereka tahu bahawa apabila anak-anak kecil kita ini dididik melakukan kesalahan, mereka sudah tahu dah "*ludah ke langit akan menimpa muka sendiri*".

Satu lagi mana ada kita dengar kadang-kadang mangsa penjenayah ini cukup menerima kesan yang cukup besar. Suami terbunuh dan sebagainya tetapi tidak ada orang yang membela lebih. Akan tetapi apabila penjenayah ditangkap oleh polis dalam siasatan, sedikit dia kena, bela dia macam hendak mampus lagi. Saya cukup kecewa. Biar kita adil. Penjenayah kita hendak bela. Kadang-kadang kita hidup dengan penjenayah, ada sebahagian kita. Akan tetapi mangsa penjenayah tidak kita bela. Saya minta adillah Tuan Pengerusi. Terima kasih minta pandangan Yang Berhormat Batang Sadong.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Yang Berhormat Maran kerana memang kalau tidak pun saya hendak bersetuju 100 peratus tetapi telah menjadi bukti pernah satu kali pihak di sebelah sana membawa pelajar dari sekolah agama berdemonstrasi di sini. Saya rasa itu salah satu daripada didikan yang kurang baiklah. Mungkin saya rasa saya belum layak lagi untuk mengajar orang tua tetapi orang yang lebih tua sepatutnya lebih mengetahui. Perkara ini adalah satu nilai-nilai murni yang kurang baik, negatif. Jadi saya mengharapkan ianya sama-sama kita menjadikan ianya sebagai panduan supaya kita tidak membawa bersama kanak-kanak untuk pergi berdemonstrasi.

Saya hendak teruskan kepada *improving safety perception* dengan izin di bawah NKRA *improve safety perception index*. Saya sebagai salah seorang daripada ahli dari Barisan Nasional di sini amat berterima kasih dengan adanya pengenalan AES. Ini kerana bagi saya itu adalah salah satu daripada cara untuk membantu jenayah di jalan raya. Kita sering menerima e-mel. Saya sendiri sebagai seorang wanita sering kali menerima e-mel.

Kalau hendak *parking*, kalau tengah jalan raya macam mana strategi penjenayah-penjenayah pada masa kini. Jadi, semuanya ini ditunjukkan kepada kita bagaimana penjenayah menggunakan strategi baru untuk hendak *targetkan* kepada wanita.

Jadi dengan adanya AES ini salah satu daripada cara untuk kerajaan membantu kita wanita terutama sekali, saya mengharapkan wanita daripada sebelah sana juga menyokong. Kita jangan tanyalah tentang yang lain tetapi yang pentingnya ialah dari segi keselamatan. Ini kerana di negara kita di antara masalahnya adalah berlaku di jalan raya, masalah jenayah ini, di *highway* dan juga di tempat letak kereta.

Jadi, apakah perancangan kerajaan atau pun kementerian melalui program NKRA ini untuk memastikan agar keselamatan rakyat tidak terancam di bawah ini...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [*Bangun*]

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Ianya sungguh membimbangkan kita kerana ianya boleh menjejaskan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud bangun Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: *Safety perception*, dengan izin. Ya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong dan Tuan Pengerusi. Saya cuma minta pandangan daripada Yang Berhormat Batang Sadong dua perkara. Ini tentang persepsi. Kita mendengar di dalam Dewan ini bagaimana rakan kita yang bijaksana, daripada Pokok Sena contohnya.

■1610

Sahabat saya Yang Berhormat Pokok Sena yang meminta supaya rakyat tidak membayar saman AES. Saya ingin minta pandangan. Ini persepsi. Dia memberi persepsi kepada rakyat bahawa kalau tidak membayar saman AES ini maka mereka itu terselamat dan mereka itu tidak akan tertanggung untuk membayar saman tersebut.

Akan tetapi saya ingin minta pandangan Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat berpandangan bahawa sahabat kita daripada Pokok Sena ini tidak membaca akta tersebut? Kalau saman itu tidak dibayar, bermakna dia boleh dibawa ke mahkamah dan kalau di mahkamah, lagi parah nanti kalau hakim itu yang diberi kuasa untuk mendenda si pesalah ini sampai RM2,000.

Ini satu perkara yang tidak diberitahu oleh Yang Berhormat Pokok Sena kepada rakyat. Dia mahu memberi persepsi bahawa jangan bayar, pihak pembangkang akan memperjuangkan hak kamu. Akan tetapi kalau rakyat tidak membayar saman AES ini, ternyata dalam akta itu, salahnya ialah hakim boleh menghukum pesalah itu *up to* RM2,000. Itu satu.

Keduanya Yang Berhormat Batang Sadong, saya minta pandangan tadi tentang persepsi. Apakah Yang Berhormat mahu supaya *newspaper* ini pun mempunyai peranan yang paling penting dalam melaporkan segala jenayah tadi. Contoh, saya bagi contoh. Dia boleh memberi, kita tidak mahu mengekang surat khabar daripada memberikan statistik ataupun kemalangan ataupun rompakan, rogol dan sebagainya. Akan tetapi mungkin ada cara untuk menerangkan ini kepada rakyat. Kita cuma boleh- mungkin bolehlah dikatakan "*Oh, pembunuhan berlaku*". Akan tetapi kalau hendak terlalu *emotionalizedkan story* tersebut, *interview* emak dia, meraung menangis. Anak itu diambil gambar berguling-guling di atas lantai, contohnya.

Dia memberi persepsi *emotional perception* yang agak negatif. Apakah Yang Berhormat Batang Sadong ingin memberi cadangan kepada surat khabar supaya melaporkan statistik semua ini tetapi tanpa terlalu emosi terhadap isu-isu ini. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih, ada dua perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Kota Belud tadi. Pertama, mengenai tidak membayar AES. Sebenarnya, saya juga pernah ditanya mengenai perkara ini. Saya melihatnya daripada dua aspek. Pertama, dari segi nilai murni. Adakah kita hendak memberi tunjuk ajar yang baik kepada orang-orang kita?

Kedua ialah ia akan membawa kesan yang negatif dari segi pembayaran di mahkamah tadi. Ia menyusahkan lagi rakyat kita. Akan tetapi di sini Tuan Pengerusi, saya hendak mengucapkan tahniah dari Ketua Menteri Pulau Pinang kita, Yang Berhormat Bagan sebab beliau tidak mahu melarang orangnya lari daripada membayar saman ini. Saya mengucapkan tahniah kepada beliau kerana beliau tahu bahawa sebagai seorang pemimpin, kita perlu memberi, melatih rakyat kita supaya akur kepada undang-undang.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Jadi, kedua ialah dari segi *newspaper* tadi, *newspaper cutting* tadi. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kota Belud.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Pohon penjelasan sikit.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: ...Supaya statistik itu ditunjuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat...

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Dan terus...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Pokok Sena janganlah Yang Berhormat. Masa dia sudah habis.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: ...Memberi statistik tetapi janganlah...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saja, saya hendak tanya dia sikit.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: ...Memberi gambaran kerana ia melibatkan *safety*...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Minta penjelasan sikit.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat. duduk, duduk, duduk dahulu.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: ...*Safety perception* dengan izin.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Kota Belud jangan larilah. Yang Berhormat Batang Sadong...

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Kalau saya cukup masa. Saya ada satu perkara lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sudah habis masa Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Akhirnya saya hendak menyentuh di sini...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Kota Belud jangan lari. Dia sudah lari dah... [Ketawa]

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Pengerusi, kita perlu akur kepada apa yang dinyatakan oleh Tuan Pengerusi bukan? Jadi, saya terpaksa ikut akur sebelum ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, akur sana.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Batang Sadong...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batang Sadong tak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sikit, sikit, sikit sahaja.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Kita sebagai pemimpin kena ikut... Tak, tak, saya ada satu perkara lagi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tak, saya nampak ini, *depa* ini pun tak faham...

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya hendak merujuk- belum, belum habis lagi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Saman itu menatang apa?

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya hendak menyarankan kepada...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang kata tak bayar saman itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Apa dia? Mana ada kena bayar saman? Tak ada.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Menteri, saya hendak menyarankan kepada Menteri...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Surat itu surat saman. Saman itu suruh pi mahkamah.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya hendak menyarankan kepada Menteri supaya...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang kata surat saman itu. Ini bayar saman fasal apa? Tak ketahuan, *berkelului*.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: ...la lebihkan...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Duduk buat undang-undang di sini...

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Yang Berhormat Pokok Sena, saya bercakap Yang Berhormat Pokok Sena!

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Surat saman, saman suruh *pi* mahkamah. Bayar saman menatang apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi boleh tidak *off* sahaja *mike* dia itu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Betul, tidak betul? Betulkan?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tak boleh *off* Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Dia tak ada *authority* untuk berucap.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi pembuat undang-undang jadi bercelaru itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena, duduklah Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Tuan Pengerusi, saya hendak cadangkan kepada kementerian supaya diadakan program-program komuniti bagi membantu, pertama tadi mengenai kes dera ini. Bawalah mangsa-mangsa semacam kes dadah, ada mereka yang mahu berkongsi dengan penonton untuk menceritakan pengalaman mereka. Jadi begitu juga dengan kes dera ataupun kes-kes jenayah lain supaya ia boleh membantu terutama sekali pelajar-pelajar sekolah.

Sebab kita di Parlimen di kawasan yang jauh daripada bandar ini untuk membawa mereka yang pakar ini agak mahal Tuan Pengerusi. Jadi saya menyarankan kepada kementerian supaya diadakan di setiap kawasan Parlimen program-program keselamatan seperti ini. Akhirnya, pengisian jawatan baru. Saya hendak bertanya di bawah Butiran 100100...

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: ...Berapa ramaikah wanita... sekejap ya kalau saya sempat. Berapakah ramai wanita yang akan diambil untuk mengisi jawatan baru ini? Kalau boleh dilatih wanita-wanita, pegawai-pegawai wanita ini untuk membantu menangani kes-kes yang melibatkan wanita, penderaan sebab ini juga di antara saranan daripada NGO kepada kita ialah supaya pegawai-pegawai polis juga diberi latihan secara berterusan untuk menangani kes-kes dera, kes-kes rumah tangga ini supaya mereka boleh merasai dan supaya boleh menjiwai kes itu supaya mereka boleh menanganinya dengan lebih senang, lebih mudah ataupun dengan lebih efisien lagi. Ya.

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun ringkas sahaja. Masukkan dalam ucapan Yang Berhormat supaya Yang Berhormat menteri dapat menjawab tentang kesamatarafan gaji pegawai-pegawai polis di peringkat Ketua-ketua Polis Daerah dan lain-lain pangkat supaya moral mereka tinggi, sama untuk berkhidmat menjaga keamanan negara, yang pertama.

Kedua Yang Berhormat tentang masalah pencegahan dadah tadi. Satu perkara minta tanya kepada Yang Berhormat menteri, apa jadi dengan gam ini kerana anak-anak muda kita di sekolah-sekolah, mereka lari daripada syabu, lari daripada ganja dan sebagainya, mereka pergi kepada menghidu gam dan perlu ada akta khusus bagi menangani gejala hidu gam bagi anak-anak kita di sekolah. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih. Saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian kepada perkara itu sebab saya bersetuju kerana isu gam ini terlalu lama tetapi tidak ada undang-undang yang boleh menanganinya. Jadi saya harap itu boleh mengatasi masalah untuk meningkatkan *safety perception* untuk negara kita. Jadi, dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Minta maaf yang lain-lain itu, minta maaf.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Isu ini saya tidak ada orang sentuh, isu yang saya hendak bawa ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Ya, boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Nanti...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Isu lain tidak ada sentuh ini. Boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Wanita dah ramai dah wanita Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Isu berbeza-beza.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja wanita, Yang Berhormat Batang Sadong wanita.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Isunya, isunya berbeza. Isu lain-lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Ada Menteri boleh kasi laluan nanti lagi ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta maaf banyak-banyak.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Timbalan Menteri kasi laluan ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Setakat itulah perbincangan untuk Kementerian ini Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Boleh celah Tuan Pengerusi?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Patut isu ada, tidak sama. Boleh bagi Yang Berhormat Ampang ya? Yang Berhormat Ampang.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

4.18 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri dan saya akan cuba menjawab seberapa boleh berkaitan dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Terdapat lebih kurang dalam 14 ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian. Apa yang saya ingin menyentuh dahulu adalah berkaitan dengan isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Machang. Dalam perkara ini di mana Yang Berhormat Machang telah menimbulkan berkaitan dengan satu kes berkaitan dengan isu UMNO yang ditohmahkan oleh beliau seolah-olahnya ada 255 cawangan UMNO Tanah Merah yang tidak pernah didaftarkan.

Beliau juga mengaitkan berkaitan kes yang berkaitan dengan PKR yang mana telah mengambil tindakan terhadap seorang anggotanya yang mana telah dibuang daripada pertubuhan oleh sebab tidak mengadakan *enquiry* sebelum dibuang. Jadi apa yang ditohmahkan oleh Yang Berhormat Machang tadi, seolah-olah dalam respons ini terhadap apa yang dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu yang untuk mendapatkan maklumat-maklumat, yang mengatakan tindakan di antara isu kes yang ditimbulkan berkaitan dengan UMNO responsnya tidak seperti apa yang kes yang ditimbulkan berkaitan dengan PKR.

■1620

Jadi, kononnya kes-kes yang melibatkan UMNO itu di mana pihak Jabatan Pendaftaran Negara tidak respons sama sekali. Walhal, apa yang sebaliknya dikatakan kes PKR itu, pihak jabatan pendaftaran respons begitu cepat. Jadi, ini isunya yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Machang. Jadi, apa yang saya ingin nyatakan di sini bahawa pertamanya, dakwaan tentang respons tindakan ada macam pilih kasih adalah tidak betul. Maknanya, apa tindakan, apa yang pelanggan mohon, pihak jabatan mengambil respons yang cepat.

Berkaitan tentang isu yang didakwa seolah-olah UMNO, status 2,550 cawangan Tanah Merah itu tidak pernah didaftarkan adalah tidak benar. Oleh kerana apabila UMNO dahulu diharamkan. Jadi, UMNO menubuhkan UMNO (Baru). Jadi, maknanya, tidak benarlah. Sebenarnya, memang cawangan ini ditubuhkan balik. Apabila permohonan dibuat dalam masa penubuhan yang baru ini, maka UMNO memohon untuk menggugurkan nama (Baru) dan tinggal nama UMNO sahaja. Jadi maknanya, nama baru telah dibuang dan menjadilah cawangan UMNO. Jadi, itu yang berlaku. Jadi, apa yang ditohmahkan oleh pihak pembangkang, Yang Berhormat Machang ini adalah tidak benar.

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta penjelasan. Minta penjelasan.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Ini apa yang boleh bertanya hanya Yang Berhormat Machang, fasal Yang Berhormat Machang yang menimbulkan isu. Jadi, dia tidak ada kena-mengena.

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap tidak betul itu.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Dia tidak ada kena-mengena.

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap tidak betul itu.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Betul. Ini daripada apa laporan yang kita ada daripada pejabat ini.

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Kita ada dokumen daripada pertubuhan ini.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Ini daripada pertubuhan ini. Jadi, Yang Berhormat Machang sahaja yang boleh menjawab.

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Ini daripada pertubuhan mengatakan benda itu sudah dibatalkan. Macam mana Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh cakap benda itu tidak berlaku?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Ini apa? Saya tidak mahu...

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Perkara ini sebenarnya isu besar. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh hendak sembunyikan benda ini lagi. Tidak boleh.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Ini bukan sembunyi. Ini rekod apa yang ada di dalam Pejabat Pendaftaran Pertubuhan.

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Ini perintah pembubaran daripada ROS. Cawangan Pondok Lama sebagai satu contoh sahaja. Yang Berhormat Timbalan Menteri masih hendak menyelewengkan Dewan. Ini tidak betul.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Tuan Pengerusi, saya tidak bagi jalan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: ...Kerana dia tidak ada kena-mengena untuk mendapatkan penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bagi jalan.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Ini adalah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Machang.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu jawapan dia, itu jawapan dia!

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Perintah pembubaran sementara...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: ...UMNO Tanah Merah ini.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin...

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Daripada 126 yang haram, hanya lima yang sah dan mereka ini akan masuk dalam mesyuarat UMNO. 2008 mereka sudah masuk bercakap, berbahas, usul, mengundi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Itu yang kita hendak tanya sekarang ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Duduklah.

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Tidak, kita hendak cari kebenaran. Tidak boleh sembunyi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Oh, UMNO ini parti haramlah? Haram! Haram!

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Duduk, duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduklah.

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Tidak bersatu lagu ini.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Duduklah. Apakah yang kita hendak sangat UMNO ini? Kalau *you* hendak masuk UMNO, masuklah. Yang *you* hendak ini apakah? Kalau *you* minat hendak masuk UMNO, *you* perjuangkan UMNO, masuklah UMNO. Tidak payah.

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Kalau benda ini berkaitan terkena dengan UMNO, kita hendak selamatkan. Kita hendak *cover* tapi kalau kena...

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Okey, okey.

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: ...Dengan parti-parti lain, 24 jam kita kerja dan kita batalkan.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Okey, *you* hendak borang, nanti saya boleh bagilah borang masuk UMNO.

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Ini tidak boleh macam ini. Tidak boleh, tidak boleh!

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Isu besar ini!

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Kita tidak mahu isu ini ada *double standard*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Bila saya tengok...

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Tuan Pengerusi...

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: ...Raut wajah Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya nampak sudah benda ini cuba hendak di *cover-up*.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkaitan dengan isu yang ditimbulkan oleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduklah.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: ...Yang Berhormat Sri Gading...

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh mari ke dalam Dewan buat macam ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: ...Yang mana Yang Berhormat Sri Gading...

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Dokumen yang ada di tangan saya ini dokumen daripada pejabat pertubuhan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: ...Meminta Suruhanjaya Pasukan Polis Diraja...

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: ...Yang menyatakan bahawa Kawangan Pondok Lama itu telah dibatalkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanah Merah.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: ...Untuk mengkaji semula cadangan penambahbaikan gred gaji Skim...

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Benda ini telah dibuat oleh ketua UMNO yang dahulu. Dia telah meninggal.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: ...Perkhidmatan PDRM. Tuan Pengerusi, apa yang saya ingin menjelaskan di sini...

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: *Haiya!*

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: ...Kajian semula dan cadangan penambahbaikan gred gaji dan Skim Perkhidmatan PDRM telah dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri, Suruhanjaya Pasukan Polis dan PDRM bersama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam baru-baru ini. Antara isu yang dibincangkan termasuklah perbezaan gaji akhir pegawai PDRM dengan pegawai SPRM.

Sehubungan dengan itu, kerajaan akan mempertimbangkan dan memutuskan cadangan penambahbaikan gred gaji dan skim perkhidmatan PDRM. Semenjak pembentangan bajet oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengesyorkan penambahbaikan gred gaji dan skim perkhidmatan, pihak agensi Pusat telah mengadakan beberapa perbincangan yang dipengerusikan oleh KSN, Tuan Pengerusi. Jadi, ini menunjukkan betapa serius kerana ini dipengerusikan oleh KSN.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Ini juga...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tidak ada, fasal gred gaji ini.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: ...Terjawab apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Sri Gading berkenaan dengan gred gaji.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Hendak bagi Yang Berhormat Padang Serai?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini Padang Serai.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita di Parlimen kita susah-susah perjuangkan gred gaji untuk pegawai-pegawai polis tetapi pada masa yang sama pegawai-pegawai polis dan juga pegawai-pegawai kerajaan semua penguat kuasa, mereka hari-hari baca surat khabar. Hari ini mereka baca Ketua Pembangkang melanggar negara ini, menghina negara ini, menghina Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tetapi pegawai-pegawai polis ini mendiamkan diri sahaja.

Yang Berhormat Tanah Merah ini bising banyak tadi tetapi pemilihan PKR, 160 pertuduhan penipuan oleh Ketua Pembangkang langsung tidak mahu cerita... *[Tepuk]* Sibuk lain tetapi sendiri punya bontot dia tidak jaga. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi arahan kepada pegawai-pegawai polis, gaji kasi sepuluh kali lebih pun tidak apa tetapi tolonglah jaga negara ini daripada dihina oleh orang-orang yang hina seperti Ketua Pembangkang ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tolonglah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jaga polis baik-baik supaya mereka kerja baik-baik. Serupa Yang Berhormat Tanah Merah ini apa ini?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa saya tidak perlu respons kerana tidak ada...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Pengerusi, saya rasa tidak perlu dihina orang tanya soalan macam itu. Dia tanya soalan dengan fakta. Mengapa...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ya, saya pun tanya berkenaan dengan penipuan pemilihan PKR, 160 pertubuhan oleh Cikgu Badrul.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tidak tanya pun.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mana ini, boleh kamu jawab? Ada 160 pertuduhan.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Pengerusi, soalan saya...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Fakta yang dikemukakan diberi kepada Ketua Pembangkang.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, tanyalah, yang marah Yang Berhormat Tanah Merah fasal apa?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Hah, Yang Berhormat Balik Pulau! Cakaplah!

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Jangan marah Yang Berhormat Tanah Merah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Apa jadi 160 pertuduhan itu? Itu tidak boleh jaga? Awak jambu punya fasal diamkah bila Ketua Pembangkang ini?... *[Dewan gamat]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Memang semua tahu awak jambu. Apa ini Yang Berhormat Balik Pulau?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Duduklah Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Walaupun Yang Berhormat Tanah Merah kurang sedikit jambunya, tidak apalah.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Orang mabuk, gila ini saya malas hendak layan.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih, terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Eh, jawablah Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dalam Dewan tidak boleh jawab macam ini Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ada 160 pertuduhan!

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Yang Berhormat Balik Pulau dengan Yang Berhormat Padang Serai boleh jumpa dekat luar ya.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Okey, okey.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Boleh jumpa dekat luar ya?

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Pengerusi, bagi saya Yang Berhormat Tanah Merah tanya soalan. Tidak perlu dihina macam itu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ya, saya pun tanya soalan. Saya tanya...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Dia tanya macam orang tidak sekolah... *[Ketawa]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Saya mahu Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. Adakah pegawai-pegawai polis akan ambil tindakan terhadap orang-orang yang hina seperti ini?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi. Seterusnya, saya ingin menjawab berkaitan dengan isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puchong. Pertamanya, isu yang berkaitan dengan lima orang India yang hilang. Dakwaan mengatakan lima orang lelaki India yang hilang ditangkap oleh polis adalah tidak benar. Siasatan polis mendapati tidak ada maklumat yang menunjukkan mereka ini telah ditangkap oleh pihak polis walaupun ada dakwaan mengatakan bawa gari dan sebagainya.

Jadi, dakwaan pihak polis tidak memaklumkan keluarga adalah tidak benar juga. Ada dimaklumkan. Pihak polis juga telah memaklumkan status siasatan kepada keluarga mangsa beberapa kali. Pada kali terakhir perjumpaan secara bersemuka telah diadakan dengan ahli keluarga mangsa pada 23 Oktober 2012 di IPK Selangor yang telah dihadiri oleh 13 orang ahli keluarga mangsa. Manakala bagi pihak PDRM diwakili oleh Timbalan Pengarah JSJ...

■1630

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [*Bangun*]

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Sekejap dahulu. Saya habiskan dahulu.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sila, sila.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: ...Risikan dan Operasi, Ketua Polis Selangor, KJSJ dan beberapa pegawai yang lain. Dalam perjumpaan tersebut, PDRM telah membentangkan satu persatu tindakan dan siasatan yang telah diambil kepada ahli keluarga mangsa. Dimaklumkanlah. Ahli keluarga mangsa juga diberi peluang untuk mengemukakan sebarang pertanyaan. Buat masa kini, pihak polis masih meneruskan siasatan. Pihak SUHAKAM juga telah dimaklumkan berkaitan dengan perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila, Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, di dalam kes ini, laporan polis yang dibuat memang dinyatakan bahawa perkara ini berlaku, tangkapan itu adalah tangkapan oleh pihak polis. Sebab mana laporan tersebut menyatakan sebegitu adalah kerana orang yang keluar daripada kereta tersebut, dua kereta, mereka yang keluar daripada kereta tersebut, mereka ini berpakaian preman tetapi mereka ada gari.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sudahlah. Mereka ada gari, mereka ada pistol dan mereka juga menunjukkan kad-kad seolah-olah kad kuasa. Jadi isu yang berbangkit adalah ini. Saya faham apabila kita menghubungi pihak polis, Yang Berhormat Timbalan Menteri akan bersetuju, sampai sekarang tidak ada satu jawapan *official* kepada saya sebagai Ahli Parlimen. Saya tulis surat untuk pihak keluarga. Itu satu.

Nombor dua, Yang Berhormat Timbalan Menteri juga akan bersetuju dengan saya bahawa dalam kes ini pihak polis masih belum habis siasatan. Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri yang cakap tadi. Jadi kalau belum habis siasatan, bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengatakan bahawa kita telah pun siasat kes ini, sudah selesai dan kita maklumkan kepada keluarga? Saya hendak tahu. Kepada saya, tidak ada masalah. Apa yang penting adalah ini. Saya hendak tahu, kalau ini bukan pihak polis, siapa mereka? Apakah tindakan pihak polis untuk mendapatkan mereka?

Dalam kes ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada CCTV yang menunjukkan kereta yang masuk ke dalam tempat tersebut, kawasan *parking* tersebut, ada. *So*, apakah tindakan pihak polis? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu kita apakah siasatan yang dilaksanakan? Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Orang bawa gari, orang bawa pistol, orang menunjukkan kad pengenalan ini, banyak kes penipuan berlaku. Jadi maknanya tidak ada bukti yang mengatakan itu adalah anggota polis yang terlibat. Jadi kita jangan termakan dengan apa yang dinyatakan oleh keluarga mangsa. Kes-kes seperti ini memang banyak berlaku. Kita tahu. Saya dahulu bekas polis, saya tahu. Saya pernah melakukan siasatan kes-kes seperti ini.

Keduanya, Yang Berhormat katakan tadi saya kata kes ini telah selesai. Saya kata pihak polis berjumpa dengan keluarga untuk memaklumkan status kes dan bukannya telah selesai. Kes ini IPnya atau *inquiry*nya tidak ditutup. Jika ada maklumat atau *evident* yang baru ataupun ada *evidentnya*, maka kita akan meneruskan siasatan. Jadi tidak tutup lagi, Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri, isu yang berbangkit ialah bagaimana lima orang boleh hilang begitu sahaja tanpa sebarang kesan? Apakah pihak polis buat berkenaan dengan kes ini? Apakah hasil siasatan?

Apakah hasil siasatan menunjukkan? Itu yang saya hendak tahu. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat *check*, saya rasa baik untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tadi bukan ada banyak kes sebegini berlaku. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada saya berapa banyak kes sebegini di mana orang duduk...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Okey, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Di mana orang duduk di tempat awam, tiba-tiba kereta muncul, keluar daripada kereta tersebut orang yang ada gari, ada uniform, ada seolah-olah kad kuasa. Berapakah kes? Berapakah kes di Malaysia dan apakah hasil siasatan kes tersebut? Ini perkara serius. Adakah kita selamat dalam negara kita sendiri? Bagaimana? Kita pergi keluar makan malam, kereta sebegini datang, ambil kita dan hilang begitu sahaja. Ini bukan satu kes pertama. Ada laporan dalam *Free Malaysia Today* menyatakan lebih 100 kes macam ini yang berlaku. Betul atau tidak, Yang Berhormat Timbalan Menteri? Sila jawab.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Ini Yang Berhormat Puchong, macam-macam boleh berlaku. Kalau gengster yang melakukan, macam mana? Gengster yang melakukan macam mana?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, *you are Minister*. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini apa? Jawapan macam ini apa? Yang Berhormat Timbalan Menteri yang beri jawapan tersebut, *speculating*.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat! Jangan berdialog. Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan berdialog. Berbahas. Ini sudah berdialog.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini apa jawapan dia? Saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi. Saya tidak tanya orang di kedai kopilah. Saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan yang diberikan beginikah? Macam-macam berlaku di negara ini. Lagi apa *you* mahu? *Everything happened in Malaysia. Is that what you want us to just accept?*

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Okey, *sit down, sit down*.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *That's why I said Menteri should come. You don't know what you are talking about.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Minta peneranganlah, Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: *Sit down, sit down*.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Puchong, sudah Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat Puchong.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: *You are speculating because you don't have any evident to show that the police are the one who arrested mereka ini.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Soalan saya, kalau bukan polis, siapa dia?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: *I don't want to have dialog with you. Sit down, sit down. Let me explain to you. So, as far as the police is concerned, jika ada bukti yang sah, di mana pihak polis akan meneruskan siasatan.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh, Yang Berhormat Timbalan Menteri? Kota Belud sikit. Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita mendengar tadi hujah daripada pihak pembangkang yang mengambil fakta yang dikeluarkan oleh satu *blog* atau *news portal* yang menyatakan 100 kes yang sebegitu rupa. Saya kira sudah tiba masanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila ada tuduhan yang begini, mereka harus memberikan nama-nama kes dan semuanya, senaraikan dan berikan kepada kerajaan. Jangan hanya menggunakan jumlah 100 kes seolah-olah dia menggunakan bukti itu mengatakan bahawa PDRM ini semuanya *crook*. Ini yang kita tidak mahu. Sebagai orang yang bertanggungjawab di dalam Dewan yang mulia ini, *if you want to quote a certain figure, make sure your figure stand the test of justice and truth*.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu menjadi sebab saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri yang menyatakan...

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Duduk, duduk, duduk. *I tidak bagi ini.*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, *I will not tolerate this*. Duduk. Yang Berhormat Timbalan Menteri duduk, Yang Berhormat Puchong duduk. *You can do that with my Yang Berhormat Timbalan, but don't do to me*. Kalau umpamanya ada isu, berdiri dan minta peraturan mesyuarat, begitu juga apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, biarlah ia berganti-ganti.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tuan Pengerusi, adakah itu ugutan? *You are threatening us, is it?*

Tuan Pengerusi: Jangan. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita semua di sini bertanggungjawab. Maka jalankan tugas itu...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *Is it a threat, Tuan Pengerusi?... [Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sudahlah Ahli Yang Berhormat!

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *What do you mean? What do you mean you can do to my deputy and not to me? What do you mean? This is unbecoming.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Contempt! Contempt! Contempt of the Dewan ini.*

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. *What I say, I can say kerana saya duduk di sini, Yang Berhormat.*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *This isn't an August House, Tuan Pengerusi, with the greatest of respect.*

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, duduk!

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *This isn't an August House with the greatest of respect. How can you say you can do that to my deputy and not me?*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *Have a respect! hoi! Respect sikitlah! Apa ini?*

Seorang Ahli: Duduklah!

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat yang lain, Ahli Yang Berhormat yang lain boleh duduk!

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat yang lain boleh duduk!... *[Mengetuk tukul]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You want to ask question, be proper lah.*

Tuan Pengerusi: Boleh duduk semua. Duduk semua. Daripada BN, daripada pembangkang duduk! Duduk, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, bolehkah Ahli Yang Berhormat semua senyap?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *I said you shut up!*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *You get out!*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You get out!*

Tuan Pengerusi: Kalaulah ada lagi daripada Yang Berhormat Kota Belud dan daripada Yang Berhormat Telok Intan kalau ada lagi begitu, *I will ask you both to go out.* Ada lagi?

Ahli Yang Berhormat, terpaksa saya mengeluarkan cakap kadang-kadang begitu, oleh kerana saya yang duduk sini bersama timbalan-timbalan saya bukan tiada perasaan, *we are not robot. We listened everyday.* Masalahnya, apabila Yang Berhormat semua berhujah, konon demi untuk kepentingan rakyat, buatlah kawalan diri sendiri, buat. Kalau itu dapat dikontrol, tidak ada masalah apa-apa.

■1640

Saya mengatakan begitu ialah kerana apabila kami duduk di sini, serupa juga tiada peraturan mesyuarat. Selepas ini ada lagi keluar blok di sana bahawa Speaker tidak adil seperti yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Pernah dahulu dibuat oleh Speaker di sini, Allahyarham Tun Zahir. Apabila keputusan dibuat, buat *press conference* di luar sana, Yang Berhormat Batu Gajah kena enam bulan dengan gaji. Saya tidak buat. Tidak apa, kerana saya tengok keadaan sekarang lain daripada dahulu. Jadi, jangan apabila Yang Berhormat semua keluar *temper*, saya pun kasi kena. Jangan, Jangan. *Please!* Yang Berhormat sila jawab menurut peraturan mesyuarat dan siapa sahaja yang mencelah ikut peraturan mesyuarat. Kalau tidak, saya arahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri berhenti dan saya akan beralih kepada tajuk lain. Sila.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi. Boleh? Hanya berkenaan dengan perkara ini? *This is a serious matter.* Saya faham Tuan Pengerusi.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Faham, faham...

Tuan Pengerusi: Okey, dia sekarang mencelah. Yang Berhormat Menteri ada hak membenarkan atau tidak?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, hanya satu isu.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Saya tidak benarkan Tuan Pengerusi. Saya sudah jawab.

Tuan Pengerusi: Boleh?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Saya tidak benar. Saya tidak benar.

Tuan Pengerusi: Okey, sila. Oh!

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Saya sudah jawab dia punya...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tidak, saya hanya hendak jumlah *figures*, orang yang dikatakan kes-kes begini berlaku. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Okey, sila-sila. Duduk dahulu Yang Berhormat Menteri. Sila keluaran *figures*, selepas itu berhentikan di situ.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Oleh kerana perkara ini penting, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya minta kalau boleh panjangkan kepada saya maklumat berkenaan dengan *official statistics*. Berapa kes sebegini di seluruh Malaysia? Bukan sahaja di Selangor atau di Puchong, yang mana modus operasinya sama di mana orang duduk di tempat awam ada kereta yang datang, orang keluar, tunjuk gari, pistol dan seolah-olah kad kuasa. Saya juga hendak tahu kalau boleh apakah hasil siasatan pihak polis berkenaan perkara ini *because I think this is a national security threat.* Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri..

Tuan Pengerusi: Okey, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab, terima kasih Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kadang-kadang, sebab itu sesi soal jawab ada notis 14 hari. Ini kerana kadang-kadang soalan itu memerlukan *detail*. Kalau ada soalan-soalan seperti begitu, ia memerlukan *detail* Yang Berhormat Menteri terpaksa menjawab. Itu sebab kadang-kadang Yang Berhormat Menteri kata *give me notice. So, sometimes you got to be very fair. Things that you can come out with*, Yang Berhormat Menteri kadang-kadang tidak boleh jawab.

Akan tetapi, apabila Yang Berhormat Menteri tidak boleh jawab begitu, diasak dan diasak dan diasak, itu satu. Kedua, kadang-kadang Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat aibkan. Sedangkan apabila kita berbahas, berdiri pun terpaksa duduk. *You address your fellow parliamentarian, my learned friend* ataupun Ahli Yang Berhormat, itu semua tatacara berbahas. Bukan hina menghina. Berdiri sahaja satu dihina, yang menghina pula kadang-kadang tidak tahu diri siapa.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat *keep to that. I can keep cool*. Akan tetapi, kalau sudah Ahli-ahli Yang Berhormat begitu, *what can you say like that, exactly what I said*. Mungkin kalau sama timbalan-timbalan saya, Yang Berhormat bolehlah berdiri teriak-teriak. *Don't do that to me because the moment you do that, I will kick you out. That is what I mean. So, if* siapa tadi Ahli Yang Berhormat cakap itu, kalau tidak percaya, *you try raise now. I will kick you out. It is not a threat... [Dewan riuh]* Begitu juga dengan sesiapa sahaja, Yang Berhormat Kota Belud atau siapa sahaja, *I will kick you out*.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *So, again it is a threat?... [Dewan riuh] Are you threatening again?*

Tuan Pengerusi: *No! I am not threatening.*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *You are pointing at me... [Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi: *If you stand up again, I will kick you out.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You address the Speaker Tuan Yang di-Pertua Dewan, bukan you.*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *With respect, are you pointing at me? Are you intimidating me?*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *You address it...*

Seorang Ahli: Yang Berhormat Kota Belud, duduklah!

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *Are you intimidating me?*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat duduk. Kalau Ahli Yang Berhormat tidak duduk, saya halau Yang Berhormat.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *Are you intimidating me?*

Tuan Pengerusi: Okey? Duduk.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat yang lain, jangan ketawa. *This is a serious matter. I want to implement* peraturan mesyuarat. Sama ada daripada BN atau daripada Bebas kah, daripada siapakah, saya akan suruh keluar. *[Disampuk]* Mahu keluar atau tidak?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *No, Tuan Pengerusi. If you say in a polite manner...*

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, duduk.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *No, if you are threatening me...*

Tuan Pengerusi: Ini kerana bukan peraturan mesyuarat. Tadi sudah saya beri kelonggaran.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *Are you intimidating? Is Tuan Pengerusi intimidating me?*

Tuan Pengerusi: *You berdiri tanpa apa-apa. Mahu bertengkar sama saya lagi?*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *Is Tuan Pengerusi intimidating me?*

Tuan Pengerusi: Okey, *so you duduk.*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *If you intimidate me, I will refuse to go out.*

Tuan Pengerusi: *You duduk!*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *I will refuse to go out. I will refuse to go out if you intimidate me... [Dewan riuh] As a Member's of Parliament, I cannot allow anybody to intimidate me.*

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, duduk!

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *But if you telling me in the sincerest of motive, I will sit down.*

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, duduk! Kalau tidak, saya arah Bentara untuk halau Yang Berhormat. Sila.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi. *I think I will go to the next issue.*

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Isu ketiga yang dibawa oleh Yang Berhormat Puchong adalah berkaitan dengan isu salah laku dan kes jenayah yang berlaku di dalam premis polis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes-kes sedemikian berupa kes-kes yang terencil dan di dalam masyarakat tidak semuanya sempurna. Perumpamaan Melayu mengatakan *'dalam setandan pisang, tidak semuanya baik.'*

Oleh yang demikian, kes-kes ini tidak boleh dinafikan berlaku. Ia hanya berlaku dalam segelintir sahaja. Namun begitu, PDRM memandang serius kes-kes begini dan akan mengambil tindakan tegas seperti kes rogol Yang Berhormat telah nyatakan tadi yang mana siasatan begitu cepat dan juga tindakan telah pun diambil, yang mana mereka telah pun dituduh di mahkamah. Jadi, kita mengharapkanlah supaya *'jangan nila setitik, rosak susu sebelanga.'*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih. Kalau boleh diberi peluang Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi kalau boleh. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya setuju. Memang boleh dikatakan kes ini berlaku kadang kala tetapi yang saya bangkit dalam ucapan saya awal tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, adalah berkenaan dengan sama ada ataupun tidak kerajaan telah pun membuat apa-apa untuk memastikan bahawa balai polis dan sebagainya itu tempat yang lebih selamat? Ini adalah susulan daripada apa yang kita dapat tahu melalui kes-kes seperti Kugan, Ahmad Sarbani *and also* Teoh Beng Hock.

Tuan Pengerusi akan ingati kembali. Dalam Teo Beng Hock kita ada RCI dan RCI tersebut telah pun membawa banyak *recommendation* yang seharusnya dilakukan. Saya hendak tahu setakat sekarang lebih kurang tiga tahun selepas kejadian, adakah kerajaan telah pun *implement* sebarang daripada *recommendation* ini? Ini yang saya hendak tahu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasihlah Yang Berhormat Puchong.

Cuma *you pre-empt* sedikitlah, sebab saya hendak menyatakan bahawa semua lokap dan bilik siasatan di IPD dan balai-balai polis telah dilengkapi dengan kamera CCTV seperti mana yang dinyatakan, dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Sehingga tahun 2012, sebanyak 384 unit kamera CCTV telah dipasang dan berada dalam keadaan baik.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Pengerusi, hanya satu perkara penjelasan. Adakah ini juga termasuk di dalam bilik temu ramah? Temu ramah saksi dan suspek, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Apa ini, mendapatkan maklumat?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, kerana itu adalah fokus. Ini kerana semua kes ini memang aduan yang dibuat adalah *the police officers* Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia ini kalau ada *opportunity, they will take advantage*. Kalau dia tahu bahawa tempat tersebut itu *secured* dari segi ada CCTV kamera dan sebagainya, ada pegawai yang ditugas bersama dengan mereka...

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...*These things are done then you can see incidents like this* memang tidak akan berlaku.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat lihat mendalam dan juga boleh berikan kepada saya maklumat tersebut untuk pengetahuan saya. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih. Terima kasih. Yang itu saya akan dapatkan maklumat sebab tidak ada maklumat di sini.

Tuan Pengerusi: Okey, boleh berbahas secara begitu. Bukankah aman? Bukankah baik bergilir-gilir? Kita semua kerja untuk rakyat. Begitu. *I don't do threatening*. Jadi jangan buat perkara-perkara yang kadang-kadang kita pun terpaksa naik marah. Sudahlah. Sudah berapa tahun kita semua duduk di sini? Mahu hampir lima tahun. *We know each other by now*. Bukan begitu Yang Berhormat Pokok Sena? Yang Berhormat Pokok Sena lagi belum saya halau sebab dia tahu bila masa saya menghalau dan tidak. Dia tahu di mana itu garis. Jadi, bagi siapa yang belum tahu garis, cubalah langkah. Sila teruskan.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tahu Tuan Pengerusi memang seorang panglima hebat... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Dia berdiri puji lagi sekali, saya halau dia... *[Dewan riuh]* You cuba sekali lagi, puji atau apakah... *[Ketawa]* Sekali lagi you cuba. Sila teruskan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan berkenaan kes isu yang sama. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dua perkara. Satu ialah kes yang berbangkit, yang mana tiga anggota polis itu didakwa merogol seorang wanita di balai polis.

■1650

ia berbangkit sebab wanita itu warga asing, tidak dapat mengemukakan pasport asalnya, ia diberikan salinan pasport kepada pegawai polis tersebut menurut laporan tetapi pegawai polis enggan menerimanya. Jadi saya hendak tahu dari segi undang-undang, apakah kedudukan sebenarnya- saya percaya dokumen sedemikian yang penting adalah polis mendapat *verified* identiti orang tersebut, sama ada kemasukannya adalah secara sah atau tidak dan isu salinankah atau isu asal dokumen asal atau salinan sepatutnya tidak timbul dan begitu juga kad pengenalan. Kalau individu warganegara membawa salinan kad pengenalan, ia seharusnya juga boleh diterima sebab *important is verification, we can verified* identiti orang itu. Jadi saya memohon daripada aspek itu.

Perkara kedua adalah berkenaan soal siasat. Kalau seorang wanita dibawa masuk ke balai, untuk mengurangkan risiko berulangnya kes sedemikian, apakah boleh memastikan ada pegawai polis wanita yang lain juga berada bersama semasa soal siasat dijalankan di dalam balai tersebut.

Tuan Pengerusi, selepas kejadian ini saya sangat risau. Saya bersetuju bukan semua orang adalah sempurna tetapi ia telah menghakis keyakinan kita. Ini kerana kalau ada apa-apa kejadian yang berlaku perkara pertama yang saya akan maklumkan adik saya adalah pergi ke balai polis, pergi membuat laporan polis. Akan tetapi selepas laporan sedemikian, dakwaan kejadian rogol di balai polis dan kenyataan Yang Berhormat Menteri mengatakan, "*What else can we do, what else can we do?*", itu tidak memberikan keyakinan bahawa ada langkah yang akan diambil untuk memastikan perkara ini tidak berulang lagi. Ini hasrat hati saya, suara hati seorang wanita dan seorang kakak kepada adik-adik saya. Saya memohon diambil serius perkara ini...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat masih muda pun, tidak nampak macam kakak pun.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Sehubungan dengan dokumen, dalam keadaan sekarang banyak dokumen-dokumen yang bukan original, ada melibatkan pemalsuan. Kedua berkaitan dengan anggota polis wanita, biasanya di *inquiry office* ada anggota polis wanita yang ditempatkan di situ. Jadi di dalam kes ini mungkin keadaan waktu bagaimana wanita itu tidak ada bekerja pada ketika itu, saya tidak dapat hendak pastikan di dalam kes ini.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf, mungkin ada salah faham. Maksud saya dokumen pasport fotostat, sama ada boleh diterima. Ini kerana ada ramai pekerja asing di mana pasport asal disimpan oleh majikan. Itu persoalannya.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: *But the law required original.*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh berikan satu salinan pasport, polis boleh menghubungi balik balai itu untuk *online verified*, kesahihan dokumen identiti orang itu. Itu ialah...

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Yang Berhormat Batu Gajah, undang-undang memerlukan original tetapi budi bicara jika anggota itu merasakan sama ada dokumen itu betul atau salah tertakluk kepada pada ketika itu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa kita perlu tahu apakah SOPnya, apa *standard operation procedure*. Apabila umpamanya seorang rakyat kita atau rakyat Indonesia ditahan oleh anggota polis, apakah *standard procedure*nya kalau dia adalah seorang wanita. Bolehkah kita mengadakan satu SOP supaya rakyat biasa boleh tanya identifikasi atau macam mana, supaya - banyak sangat sekarang polis palsu. Polis yang dia amalkan sebagai orang polis tetapi dia mungkin perompak dan juga kita tidak mahu apa yang berlaku di balai polis di Perai itu berulang. Jadi kita mesti- saya rasa *procedure* adalah amat penting. Macam mana, adakah kita ada SOP.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kalau dalam pemeriksaan seseorang wanita. Mengikut prosedur dalam CPC iaitu *Criminal Procedure Code* wajib dilaksanakan oleh wanita. Itu prosedurnya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, sekarang ialah...

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Dalam...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau di perjalanan...

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Dalam...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dalam perjalanannya...

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Konteks ini, biasanya seorang anggota wanita akan berada di *inquiry office*, okey.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: *[Bangun]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itu kita faham tetapi sekarang ialah dalam perjalanan seorang pekerja asing, dia ditahan oleh tiga orang polis dan bolehkah ini berlaku, adakah kita hendak mengadakan, wujudkan satu *procedure* yang baru sekiranya ditahan, apakah sama ada dia boleh bawa ke balai polis dan dia mesti diserahkan kepada anggota polis wanita ataupun dia boleh terus seperti kes ini, ditahan dan buat sedemikian. Macam mana kita boleh mengelakkan ia berulang? Itu sahaja, apakah- bagaimana kita boleh buat?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kes ini *isolated*.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh tanya sedikit? Berhubung dengan ini...

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Ini sudah banyak...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Sedikit sahaja...

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: *I'm going to another issues.*

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Satu minit sahaja. Saya hendak tanya dengan *Royal Commission*. Berhubung dengan kes ini, pada tahun 2005 ada kes *ear-squat*. Apabila kes *ear-squat* berlaku, satu *Royal Commission* ditubuhkan untuk menyiasat kes ini. Kes rogol di balai memang sama dengan kes *ear-squat* itu dan saya berharap kalau boleh, kerajaan menubuhkan *Royal Commission* untuk menyiasat isu ini. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi. Isu yang disebut berbeza keadaan daripada berkenaan kes rogol ini. Ini kerana isu *squat* itu adalah pemeriksaan yang dibuat oleh anggota polis, itu sebab saya katakan mengikut CPC iaitu *Criminal Procedure Code* mesti diperiksa di hadapan atau dibuat oleh seorang wanita. Dalam kes ini adalah tangkapan yang ditahan dan dibawa ke balai untuk tindakan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berkaitan dengan isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Rembau yang mana berkaitan dengan perjawatan baru seramai 4000 orang...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri *sorry*, penjelasan. Mengenai tangkapan ini, adakah *procedure*, apa SOPkah, apakah SOPnya mengenai tangkapan seperti ini. Saya rasa ini adalah sangat penting sekiranya semua orang tahu SOPnya, jadi mereka tahu bagaimana hendak *react* ataupun bagaimana hendak melindungi diri. Jadi adakah?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Saya tidak bagi jalan, saya sudah masuk isu lain.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya- Tuan Pengerusi.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Pengisian perjawatan baru PDRM...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan...

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Sebanyak 4,000 perjawatan baru telah diluluskan. Perincian waran jawatan adalah seperti berikut:

- (i) jawatan Pegawai Kanan Polis - 824 orang;
- (ii) anggota PDRM – 1,126 orang;
- (iii) pembahagian perjawatan - 61 orang;
- (iv) RMP Net – 63 orang;
- (v) HRMIS – 101 orang;
- (vi) Unit Udara Polis – 60 orang;
- (vii) stor barang kes berpusat – 60 orang;

- (viii) lokap berpusat – 648 orang; dan
- (ix) data DNA – 11 orang;
- (x) pusat latihan – 388 orang;
- (xi) IPD – 669 orang;
- (xii) JHJN, JHJK, KDNK - 878 anggota;
- (xiii) balai polis dan balai polis komuniti – 9,681 orang; dan
- (xiv) Bahagian Tatatertib – 135 orang;

Jumlahnya 4,000.

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan meminta perincian *non-index* bagi tempoh 2009 dan 2011. Sebelum itu saya ingin memaklumkan berkaitan dengan tafsiran jenayah indeks adalah jenayah yang kerap berlaku yang boleh digunakan untuk menggambarkan situasi jenayah semasa atau penunjuk paten jenayah di sesuatu kawasan. Manakala tafsiran jenayah *non-index* adalah selain daripada jenayah indeks.

■1700

Ada 13 jenis jenayah indeks. Sebagai contoh adalah *non-index* kes culik, pemerasan, ugutan jenayah, mencedera, rusuhan dan lain-lain. Statistik jenayah, keseluruhan jenayah *non-index* bagi tahun 2009 ialah 62,014, bagi tahun 2010 ialah 75,324 dan bagi tahun 2011 ialah 72,101. Berhubung dengan perincian statistik jenayah *non-index*, kementerian akan memberikan kerana ini merupakan maklumat yang perlu diberi secara terperinci seperti mana yang diminta oleh Yang Berhormat Rembau. Di sini saya memohon supaya saya akan memberi jawapan secara bertulis kerana maklumat angka itu banyak dan bermula dari tahun yang begitu lama.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Apa isu?

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Berkenaan dengan jenayah *non-index* ini. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya sedikit. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut. Saya hendak tanya di sini, bagaimana kita membezakan ataupun apa itu kriteria untuk meletak sejenis jenayah di bawah itu jenayah indeks dan jenayah bukan indeks. Ini kerana bagi saya, culik itu kes yang serius tetapi ia merupakan satu jenayah bukan indeks.

Satu lagi adalah kes ragut dengan senjata. Saya rasa kes ragut dengan senjata juga diletakkan sebagai jenayah bukan indeks. Jadi saya hendak tanyalah, apa itu alasan ataupun sebab kenapa kes macam itu diletakkan sebagai jenayah *non-index*? Kedua saya juga hendak minta jumlah kes untuk jenayah indeks dan jenayah bukan indeks untuk kawasan Parlimen Serdang dan juga di bawah kawasan Serdang, kawasan Kajang, kawasan Petaling Jaya dan juga kawasan Klang. Ini kerana saya rasa sekarang walaupun kita dalam soal jawab lisan, kita minta statistik itu tetapi sekarang kementerian ini tidak bagi lagi.

Cakap bahawa ini tidak penting tetapi saya kurang setuju kerana saya sebagai Ahli Parlimen untuk kawasan Serdang, saya rasa saya berhak untuk tahu kes yang sebenarnya di kawasan IPD Serdang, IPD Kajang, IPD PJ dan IPD Klang. Saya rasa itu adalah penting. Jadi saya hendak mintalah semua statistik itu bukan sahaja untuk kawasan Rembau tetapi untuk semua kawasan di kawasan kami. Terima kasih.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta penjelasan. Sama topik juga. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada jenayah indeks iaitu kes culik. Saya hendak bangkitkan di sini tentang kes-kes keselamatan di Pantai Timur Sabah kerana rakyat sangat khuatir tentang terdapat dua kes serius berlaku di Pantai Timur, di Felda Lahad Datu di mana dua mangsa diculik oleh penculik bersenjata melalui perairan.

Juga satu kes di Inderasabah, Tawau yang mana 40 kilogram ikan bilis berharga RM350 dirampas oleh tujuh perompak dengan senjata M-16. Jadi ini kita sangat khuatir, apa maksudnya? Kenapa mereka hendak merampas 40 kilogram?

Adakah dua kes ini berkaitan? Rakyat kita mahu penjelasan daripada kementerian, bagaimana boleh mudahnya masuk ke perairan Malaysia di Sabah dan juga apa tindakan akan diambil oleh kementerian supaya kita dijamin penculikan tidak berlaku lagi? Ini kerana dalam 12 tahun dari tahun 2000 hingga sekarang, pernah ada enam kes penculikan melalui lautan. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sehubungan dengan isu yang disebutkan oleh Yang Berhormat Serdang tadi berkaitan dengan makluman yang diperlukan untuk kawasan Serdang, Klang, PJ dan Kajang, saya akan memaklumkan kepada pihak polis untuk membekalkannya. Sehubungan dengan maksud indeks dengan *non-index*, sebenarnya saya sudah jawab. Saya sudah bacakan tafsiran jenayah indeks dan *non-index*, cuma Yang Berhormat Serdang sahaja tidak dengar.

Berkaitan dengan keselamatan di Sabah yang mana pihak PDRM memang sentiasa serius berkaitan dengan keselamatan di kawasan Yang Berhormat. Selain daripada anggota-anggota polis biasa yang ada di sana, di mana PGA juga ada ditempatkan di kawasan Sabah di sana. Di dalam kes ini, apabila berlaku penculikan yang mana dari kawasan laut yang begitu luas, ada kalanya tidak boleh 100 peratus dikawallah. Jadi apa-apa pun, pihak polis sentiasa memandang serius berkaitan keselamatan di sana.

Seterusnya Yang Berhormat Rembau bertanya adakah Kementerian Dalam Negeri ada melakukan apa-apa kajian terhadap kes-kes yang diketengahkan dan dibincangkan melalui media sosial daripada aspek kesahihan, jenis dan lain-lain? Apakah tindakan yang telah diambil terhadap perkara yang dibincangkan di media sosial sebegini? Untuk makluman Yang Berhormat Rembau, Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia telah menjadi salah satu daripada kementerian yang terlibat secara aktif dalam media sosial seperti *Twitter* dan *Facebook*. Inisiatif ini diambil bagi mendekatkan kementerian dengan rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan satu kumpulan kerja yang dikenali sebagai 'CommTeam' bagi mengendalikan segala aduan rakyat terhadap Kementerian Dalam Negeri dan PDRM melalui media sosial. Kumpulan ini menumpukan ke atas kes-kes yang dikongsi secara meluas dalam *Twitter* atau *Facebook* yang boleh menjadi *viral* atau yang dapat menimbulkan kerisauan atau ketakutan kepada rakyat. Kementerian Dalam Negeri akan mengambil langkah proaktif dalam menyelesaikan segala aduan.

Contoh kes, sebuah *email* yang disebarkan pada bulan Julai tahun ini mengenai satu insiden di Seksyen 15, Subang Jaya yang mana seorang pemuda Cina dirompak dan dcederakan di pejabatnya pada 12.30 tengah hari. Selepas semakan susulan dengan pihak polis, Pemandu mendapati bahawa kejadian tersebut sebenarnya berlaku pada Oktober 2011 dan bukannya bulan Julai tahun ini. Bagi tujuan tertentu, kejadian tersebut telah disebarkan semula pada bulan Julai tahun ini menampakkan ia seolah-olah seperti kes yang baru berlaku. Ini sebagaimana Yang Berhormat Rembau telah cakap tadilah.

Tuan Pengerusi, saya sekarang ingin menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena. Pertamanya, isu berkaitan dengan caruman. Caruman KWSP Sarawak. Masalah caruman KWSP Sarawak yang melibatkan 2,067 orang pegawai, anggota dan kakitangan awam kontinjen Sarawak yang telah bersara telah dikesan oleh Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia pada bulan Februari 1988. Isu ini timbul apabila majikan gagal mencarumkan KWSP kepada 2,067 orang pegawai, anggota dan kakitangan awam yang dilantik pada atau selepas 1 November 1971 dan disahkan atau belum disahkan dalam perkhidmatan pada atau selepas 1 Julai 1978.

■1710

Tiada potongan gaji dibuat. Kertas kerja bagi mendapatkan peruntukan kewangan untuk bayaran caruman KWSP yang tidak dibayar telah dimajukan ke Kementerian Dalam Negeri pada 16 Julai 2010 dan 1 Ogos 2012. Satu mesyuarat bagi membincangkan isu ini telah diadakan pada 5 Oktober 2012 bertempat di Bahagian Kewangan Kementerian Dalam Negeri. Perkara ini tidak menjadi isu lagi kerana mereka telah bersara dan menerima ganjaran dan faedah persaraan.

Sehubungan dengan itu satu sesi penerangan oleh pegawai daripada Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada pesara-pesara yang terlibat dengan isu caruman KWSP ini akan diadakan pada 29 November 2012, bertempat di IPK, Sarawak. Yang Berhormat boleh berhubunglah dengan mereka ya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Hendak tanya tadi?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, nanti Tuan Pengerusi juga usir saya. Tuan Pengerusi seorang yang sangat pendekar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Pokok Sena minta usir ini. Ada masa dia nanti, ada masa dia. Tidak apa, silakan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, cuma pihak ini ada mengadu kepada saya sebab mereka menerima surat daripada Polis Diraja Malaysia yang bertarikh pada 21 Disember 2011. Mereka mengatakan bahawa pihak PDRM ini sudah pun merujuk kepada Kementerian Dalam Negeri sehingga kini kami masih menunggu kelulusan untuk pembayaran caruman dan dividen KWSP. Menunggu untuk kelulusan. Jadi seolah-olah mereka macam diberikan satu gambaran awal bahawa memang akan adalah untuk pembayaran itu kepada mereka.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Apa yang saya baca tadi, ada turutan, ada mungkin telah dapat dikenal pasti masalahnya. Jadi itu sebab isu ini tidak perlu lagi. Itu sebab dalam 29 November ini satu penjelasan akan dibagi kepada mereka ini di IPK, Sarawak.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Penjelasan itu hendak diberi di IPK, Sarawak?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Yes.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sedangkan sebahagian daripada mereka ada yang duduk di Alor Setar, siapa yang hendak menanggung kos penerbangan?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Itu...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi saya rasa ini sangat tidak relevan, sebab antara orang itu berada di Alor Setar, di kawasan saya. Jadi tidak akan dia orang hendak terbang ke Sarawak untuk mendengar taklimat? Kecuali kementerian boleh tanggung kos penerbangan mereka, sebab yang datang itu ialah ada yang duduk di kawasan saya.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Setakat itu sahaja yang saya baca tadi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya minta Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Tuan Pengerusi untuk memastikan supaya mereka ditanggung kos penerbangan untuk mendapat taklimat. Kalau tidak nanti, yang sana dapat taklimat, yang duduk di negeri lain Semenanjung tidak akan dapat mendapat taklimat. Mereka akan tertanya-tanya apa kesudahan masalah yang dihadapi oleh mereka?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Pokok Sena. Saya pergi kepada isu yang kedua berkaitan dengan saman trafik berkaitan had laju semenjak penggunaan *laser speed detection* (LSD) yang merangkumi '*laser D-cam*' dengan '*laser through cam*'. Penggunaan laser LSD digunakan bermula tahun 1996. Jumlah saman yang telah dikeluarkan berkaitan dengan had laju melalui penggunaan LSD ini adalah sebanyak 27,414,823 bilangan saman sehingga kini...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Berapa tadi?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Sebanyak 27 juta dari tarikh 1996.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sebanyak 27 juta?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Ya 414,823 sehingga hari ini. Sehubungan dengan pembelian bagi kedua-dua alat *laser D-cam* dan *through cam* adalah melalui tender terbuka di mana di bawah tender terbuka ini kos pembelian termasuk latihan kepada pengguna iaitu PDRM dan juga jaminan selama dua tahun dan ketiganya penyelenggaraan peralatan tersebut. Itu sahaja isu yang..

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi mohon sekali lagi Tuan Pengerusi. Tadi disebut bahawa kos itu meliputi latihan, yang saya faham, latihan kepada PDRM dan juga *warranty* dan sebagainya. Tadi saya ada menyebut bahawa harga-harga yang ditawarkan, yang diperolehi di *State of Idaho* dan juga *Montana State* dan juga *Delaware State* ini menunjukkan harga antara sekitar RM15,000 hingga RM16,000 sahaja termasuk *warranty* dan *service*. Maknanya bagi saya bahawa servis itu maksudnya *maintenancelah*. Jadi tidak kan lah kita beli satu itu sampai RM173,000, RM220,000 satu unit hanya hendak masuk salah satu latihan yang di sana tidak dapat.

Jadi tidak akan kos latihan yang hendak diberikan kepada kita itu bernilai RM100,000 lebih untuk satu unit. Saya fikir satu benda yang tidak masuk akal bagi saya. Kos latihan RM100,000 lebih, kos kamera RM15,000 ke RM18,000 satu. Tiba-tiba kos latihan itu RM100,000. Sedangkan yang saya katakan tadi bahawa di Amerika, RM15,000 ke RM18,000 itu termasuk servis, *warranty* dan juga aksesori lain dan diberikan diskaun 10 peratus lagi. Jadi macam mana kita di Malaysia Tuan Pengerusi, beli dengan harga RM16,000 ke RM18,000? Maknanya hanya tambahan saya nampak di situ kos latihan. Tidak akan latihan sampai RM160,000.

Jadi saya fikir maknanya, saya mintalah satu audit secara telus. Saya sudah tidak dapat menerima kemunasabahan perbezaan harga yang begitu tinggi. Ini wang negara Tuan Pengerusi, ini wang rakyat. Mana boleh kita buat sewenang-wenang, kita kata ini kos, kita hanya berikan alasan ini kos latihan, kita hendak menyembunyikan sesuatu di bawah karpet.

Tuan Pengerusi: Bagi peluang Yang Berhormat Menteri jawab Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya bagi peluang juga tetapi saya hendak mintak satu audit mesti dibuat.

Tuan Pengerusi: Kalau saya tidak *stop* Pokok Sena sambung macam ucapan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: SPRM mesti menyiasat dan juga Padang Besar selaku Pengerusi PAC, perlu membuat siasatan. Tidak akan hendak suruh polis siasat polis.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi saya pohon penjelasan ya dari Batu Gajah.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Cukuplah itu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini berkenaan *speed trap*...

Tuan Pengerusi: Beri peluang dulu kepada Menteri untuk dia jawab yang ditimbulkan oleh Pokok Sena. Sila.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya hendak maklumkan.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Masa, masa.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Soalan akhir berkenaan *speed trap*. Biar kita ambil peluang jelaskan selepas jawab Pokok Sena. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Saya tidak janji. Yang Berhormat Pokok Sena membezakan harga yang di sana dengan harga di Malaysia. Ada kos-kos lain dalam import dalam apa. Jadi saya rasa tidak boleh dibezakan.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi saya mahu penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana *speed trap* yang akan dijalankan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Pengerusi, saya minta ada satu jawapan yang masih belum dijawab kepada saya ialah bagaimana perolehan itu dibuat adakah tender terbuka ataupun tidak?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Tender terbuka, tender terbuka saya sudah cakap tadi..

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tender terbuka. Saya hendak tanya syarikat mana yang dapat, yang menjadi pembekal?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Saya akan...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Timbalan Menteri mohon penjelasan, akhir sahaja. Ini sesi peringkat jawatankuasa kementerian yang akhir untuk bajet ini. Mungkin kita, terima kasih Timbalan Menteri tadi yang Berhormat bangkitkan berkenaan penguatkuasaan had laju.

■1720

Sekarang saya hendak bangkitkan berkenaan laporan media hari Sabtu yang lalu, The Star menyatakan bahawa melaporkan bahawa PDRM akan memberi notis amaran jika menjalankan penguatkuasaan *speed trap*. Tuan Pengerusi saya pohon Timbalan Menteri boleh maklumkan sebab laporan ini menyatakan PDRM akan buat notis di 800 lokasi *blackspot*, kawasan cenderung kemalangan. AES di bawah JPJ juga kata mereka menjalankan penguatkuasaan di bawah 831 kawasan *blackspot*. Jadi keseluruhan negara kita, kita ada berapa *blackspot*?

Tiba-tiba tambah 800 oleh PDRM. Bukankah pemasangan lokasi AES ini adalah berdasarkan maklumat daripada PDRM, kawasan itu adalah *blackspot*, satu .

Perkara dua adalah kami sangat risau pengguna jalan. Ini hakikat ya, ialah pertindihan kuasa di antara PDRM dengan JPJ apabila menjalankan penguatkuasaan. Contohnya kalau di lebuh raya telah ada kamera AES. Selepas satu jalan, jarak tertentu selepas itu risau tengok pula polis di bawah jambatan guna *mobile* kamera. Apakah situasi ini akan berlaku? Pohon penjelasan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Satu perkara lagi. Pasal disebut tadi saman *report* polis itu sejak 1966, 27 juta saman daripada kamera, kamera polis. Kemalangan terus meningkat ini polis *failed*lah, polis *failed*, kamera polis *failed* untuk hendak cegah kemalangan. Maknanya kena tutup kedailah polis ini. Tahun 1966 tidak berjaya untuk mengurangkan kemalangan, polis buat apa? Kamera itu buat apa? Kamera mana ini, kamera zaman bila? Kamera zaman tok nadokkah? Hendak pakai AES...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan *failed* pemandu-pemandu cuai, pemandu kita cuai bukan *failed*.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sebelum Tuan Pengerusi usir saya, saya hendak balik Tuan Pengerusi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Polis tidak *failed* pemandu cuai...
[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Kalau Menteri berhenti menjawab pun saya tidak boleh larang. Sila Menteri.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh jawab dahulu apa *black spot* keseluruhannya? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Maklumat yang dibagi melalui *newspaper* yang dibacakan oleh Yang Berhormat Batu Gajah saya perlu membuat pemeriksaan terlebih dahulu. Oleh kerana biasanya ada penyelarasan yang dibuat di antara tindakan yang dibuat oleh PDRM dan juga JPJ. Saya rasa...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Berkenaan pertindihan apakah akan berlaku sepanjang lebuh raya selain daripada sudah ada AES, apakah selepas ini kita juga akan terusan tengok polis trafik menggunakan *mobile* di bawah jambatan. Apakah ini juga akan berterusan lagi.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Saya sudah jawab ini Tuan Pengerusi. Saya rasa itu sahaja yang saya, kalau ada apa-apa yang masih belum lagi berjawab saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit, sedikit.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri isu dadah tidak jawab, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Belum lagi.

Tuan Pengerusi: *Timing* salah Yang Berhormat, dia kata sudah terima kasih, dia duduk.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Akan tetapi Yang Berhormat Menteri mana boleh...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Isu dadah langsung tidak sentuh ini musuh nombor satu negara. Bertulis boleh? Okey.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini kata... Tuan Pengerusi saya hendak tanya sedikit...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, isu gangster belum jawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita pun hendak jawapan bertulis tahu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sikit penjelasan. Bila kita setiap kali kata bertulis adakah ada satu sistem dalam Dewan ini pastikan kita dapat. Setiap kali kita dapat saya tidak pernah dapat apa-apa jawapan bertulis... *[Ketawa]* Empat tahun kita duduk sini bila Yang Berhormat Menteri duduk, kata kita akan jawab dalam bentuk bertulis tetapi tidak pernah dapat. Tuan Pengerusi sebagai Speaker bolehkah kita ada satu sistem yang boleh mewajibkan janji ditepati?... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Kita ubah peraturan mesyuarat Yang Berhormat kalau selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 saya duduk lagi di sini. Sekarang saya tidak boleh jawab. Okey Ahli-Ahli Yang Berhormat *joke* selesai sekarang ini terpaksa saya kemukakan masalah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM10,888,601,000 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM10,888,601,000 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM637,205,700 untuk Maksud P. 62 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2013 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM637,205,700 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2013]

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

[Rang Undang-undang Perbekalan 2013 dan Usul Anggaran Pembangunan 2013 dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2013 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Datuk Haji Hasan bin Malek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

USUL

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh sembilan bilion tujuh ratus empat puluh sembilan juta sembilan ratus sembilan puluh sembilan ribu ringgit (RM49,749,999,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2013, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2013, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2012, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut hendaklah disahkan.”

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Dato' Haji Hasan bin Malek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh sembilan bilion tujuh ratus empat puluh sembilan juta sembilan ratus sembilan puluh sembilan ribu ringgit (RM49,749,999,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2013, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2013, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2012, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut hendaklah disahkan.”]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 26 November 2012. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.]